



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC)

**LAPORAN SURUHANJAYA BERHUBUNG DENGAN KES KEMATIAN
BALAMURUGAN A/L M.SUPPIAH SEMASA DALAM TAHANAN BAHAGIAN
SIASATAN JENAYAH, IBU PEJABAT POLIS DAERAH KLANG UTARA
PADA 7 FEBRUARI 2017**

ISI KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka Surat
1.0	PENGENALAN	1
2.0	PASUKAN PETUGAS	2
3.0	TERMA-TERMA RUJUKAN PASUKAN PETUGAS	3
4.0	KAEDAH SIASATAN 4.1 Lawatan ke Tempat Kejadian 4.2 Rakaman Percakapan 4.3 Keterangan Dokumentar	4 5 5
5.0	PENDENGARAN AWAM 5.1 Kehadiran Pada Sesi Pendengaran Awam 5.2 Prosiding Pendengaran Awam 5.3 Protokol Tatacara Pendengaran Awam	5 8 8
6.0	KRONOLOGI TANGKAPAN DAN TAHANAN BALAMURUGAN A/L M. SUPPIAH	8
7.0	RINGKASAN KETERANGAN SAKSI 7.1 Ang Kian Kok 7.2 Noor Anizah binti Abdullah 7.3 Natthanan Yoochomsuk 7.4 Balraj a/l M. Suppiah 7.5 L/Kpl. Muhamad Anuar bin Nyat 7.6 L/Kpl. Mohamad Sabri bin Abu Bakar 7.7 L/Kpl. Muhd Asraf bin Zulkefly 7.8 L/Kpl. Arwen Renyold 7.9 L/Kpl. Muhamad Arif Izwan bin Ghazali 7.10 L/Kpl. Muhammad Noh bin Abdul Malik	14 17 18 18 19 22 23 24 24 25

7.11 Dr. Kartini binti Md Ariff	26
7.12 Dr. Siew Sheue Feng	29
7.13 Elleyerance Hamid	35
7.14 Gerard Lazarus a/l Percy John Lazarus	36
7.15 Puan Nik Nur Amalina binti Mad Zaidan	37
7.16 Sjn. Muhammad Nabil bin Abd. Manaf	38
7.17 Tamilasan a/l Karapiyah	40
7.18 Kumar a/l M. Suppiah	46
7.19 Insp. Mohd Noor Husri bin Johari	46
7.20 ASP Harun bin Abu Bakar	49
7.21 L/Kpl. Mohd Farid bin Abdul Kadir	51
7.22 Insp. Vickneswaran a/l Poobalan	52
7.23 D/Sjn. Mohd Freddy Sany Abdullah	53
7.24 D/Sjn Mohd Rizal bin Abdullah	54
7.25 D/Kpl. Mohd Fuad bin Bahadin	55
7.26 D/Kpl. Mohd Luqmanul Hakim bin Mukhtar	56
7.27 Insp. Mohoneswaran a/l Thigarajah	58
7.28 ASP Norsanizam bin Haji Nordin	59
7.29 Tuan Ahmad Azhari bin Abdul Hamid	64
7.30 Kpl/S. Ridhwan bin Mohammad	64
7.31 L/Kpl. Mohd Taufik bin Awang	65
7.32 D/Kpl. Mohd Reduwan bin Musa	65
7.33 L/Kpl. Mohd Faizul Azmi bin Mohd Maliki	67
7.34 Kpl. Muszanizam bin Mustaffa	68
7.35 ASP Mazhar bin Mohamad	69
7.36 L/Kpl. Nik Razman Badrul Hisham bin Nik Abdul Rahman	70
7.37 D/Kpl. Yusri bin Romli	71
7.38 ASP Ahmad bin Osman	73
7.39 Insp. Nor Harman bin Ab Hamid	74
7.40 L/Kpl. Addrie bin Ambrose	75
7.41 SAC Yusoff bin Mamat	75
7.42 Kpl. Siva Nathan a/l Arumugamnadan	79
7.43 L/Kpl. Edi Arman bin Ismail	80

	7.44 Mohd Abd Shukor bin Yong 7.45 Muhammad Zairul Shahiri bin Rusidi 7.46 ASP Muhammad Khuzairi bin Abd Wahab	80 81 81
8.0	ANALISIS DAN HASIL DAPATAN 8.1 Hasil Dapatan 8.2 Dapatan - Dapatan Lain 8.2.1 Lokap Yang Tidak Diwartakan di IPD Klang Utara 8.2.2 Perintah dan Arahan Majistret Yang Tidak Dipatuhi 8.2.3 Arahan Tangkapan Semula 8.2.4 Konflik Kepentingan Dalam Siasatan Laporan Mati Mengejut 8.2.5 CCTV di Balai Polis Bandar Baru Klang 8.2.6 Tahanan Juvana 8.2.7 Pematuhan Perintah Tetap Ketua Polis Negara, Prosedur Operasi Standard, Arahan dan Peraturan – Peraturan Lain	84 90 96 97 99 99 102 103
9.0	SYOR DAN PERAKUAN SURUHANJAYA	108
10.0	PENGHARGAAN	111
11.0	LAMPIRAN A – SENARAI SAKSI PENDENGARAN AWAM KES BALAMURUGAN A/L M. SUPPIAH	112
12.0	LAMPIRAN B – SENARAI DOKUMEN (EKSHIBIT) PENDENGARAN AWAM KES KEMATIAN BALAMURUGAN A/L M. SUPPIAH	118
13.0	LAMPIRAN C – SENARAI KORUM PENDENGARAN AWAM KES KEMATIAN BALAMURUGAN A/L M. SUPPIAH	123

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pada 6 Februari 2017, Balamurugan a/l M. Suppiah telah ditangkap bersama-sama dengan dua yang lain iaitu Tamilasan a/l Karapiyah dan juga Ang Kian Kok di Jalan Batu Belah, Klang kerana disyaki terlibat dalam satu kes samun kenderaan.
- 1.2 Pada 8 Februari 2017, media-media tempatan telah melaporkan berita berhubung dengan kematian Balamurugan a/l M. Suppiah sewaktu dalam tahanan di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara.
- 1.3 Media-media turut melaporkan sewaktu prosiding reman di Mahkamah Majistret Klang, Balamurugan a/l M. Suppiah telah muntah darah dan permohonan reman Balamurugan a/l M. Suppiah telah ditolak oleh Mahkamah. Majistret kemudiannya telah mengarahkan agar Balamurugan a/l M. Suppiah dihantar ke hospital bagi mendapatkan rawatan. Namun, pihak polis telah gagal berbuat demikian sebaliknya telah membawa pulang Balamurugan a/l M. Suppiah ke IPD Klang Utara.
- 1.4 Pada 16 Februari 2017, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 2 Tahun 2017 telah memutuskan bahawa selaras dengan fungsinya di bawah seksyen 4 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] dan demi kepentingan awam, satu penyiasatan di bawah seksyen 28 Akta 700 hendaklah dimulakan ke atas kematian si mati semasa berada di dalam tahanan PDRM.
- 1.5 Bagi maksud menjalankan siasatan tersebut, satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan oleh Suruhanjaya selaras dengan seksyen 17 Akta 700.

2.0 PASUKAN PETUGAS

2.1 Pasukan Petugas yang telah ditubuhkan selaras dengan seksyen 17 Akta 700, adalah dianggotai oleh ahli-ahli berikut :

- 1.1.1 YA Datuk Yaacob bin Haji Md. Sam
Pengerusi Suruhanjaya;
- 1.1.2 YBhg. Datuk Dr. Anis Yusal bin Yusoff
Pesuruhjaya Suruhanjaya;
- 1.1.3 YBrs. Encik Lee Sow Siong
Pesuruhjaya Suruhanjaya;
- 1.1.4 Encik Ahmad Razif bin Mohd Sidek
Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Penyelaras
Pasukan Petugas;
- 1.1.5 YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Abd. Hamid
Pengarah Bahagian Operasi;
- 1.1.6 Encik Abdul Rani bin Megat Kassim
Timbalan Pengarah Bahagian Operasi (Siasatan);
- 1.1.7 Encik Haji Celemans bin Haji Kassim
Timbalan Pengarah Bahagian Operasi (Aduan);
- 1.1.8 Puan Eda Mazuin binti Abdul Rahman
Penasihat Undang-Undang;
- 1.1.9 Encik Baharudin bin Bahaman
Ketua Unit Siasatan PDRM;
- 1.1.10 Encik Mohd Abd. Shukor bin Yong
Pegawai Tadbir;
- 1.1.11 Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin
Pegawai Undang-Undang;

- 1.1.12 Encik Muhammad Musawwir Kamal bin Hisham Kamal
Pegawai Undang-Undang;
- 1.1.13 Puan Nurul Suffina binti Ahmad
Pegawai Undang-Undang;
- 1.1.14 Cik Renuka a/p Jeyabalan
Pegawai Undang-Undang;
- 1.1.15 Cik Farah Izzati binti Suhaini
Pegawai Undang-Undang;
- 1.1.16 Cik Noor Nabilah binti Norzam
Pegawai Undang-Undang; dan
- 1.1.17 Cik Noor Farahani bin Norizan
Pegawai Undang-Undang.

3.0 TERMA-TERMA RUJUKAN PASUKAN PETUGAS

Terma-terma Rujukan (*terms of reference*) Pasukan Petugas adalah seperti berikut:

- 3.1 Untuk mengenal pasti dan mengkaji peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, “*Standard Operating Procedures*”(SOP) dan apa-apa mekanisme lain yang diguna pakai oleh PDRM ke atas orang yang ditahan (“*person in detention*”) dan orang dalam jagaan (“*person in custody*”);
- 3.2 Untuk menentukan sama ada telah berlaku apa-apa pelanggaran terhadap peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme tersebut yang membawa kepada kematian si mati;
- 3.3 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai atau anggota PDRM semasa mengendalikan tahanan tersebut;
- 3.4 Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:

- 3.4.1 bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
 - 3.4.2 apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme yang menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya salah laku tersebut; dan
 - 3.4.3 siapakah individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.
- 3.5 Untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya dalam menyiasat kes kematian tahanan tersebut selaras dengan peruntukan Akta 700;
 - 3.6 Untuk mengesyorkan apa-apa penambahbaikan atau penggubalan semula peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme bagi memastikan salah laku tersebut tidak berulang; dan
 - 3.7 Untuk menyedia dan mengedarkan laporan mengenai hasil dan dapatan siasatan dan syor-syor terhadapnya.

4.0 KAEDAH SIASATAN

Suruhanjaya dalam menjalankan siasatan telah melaksanakan tindakan-tindakan seperti yang berikut :

4.1 Lawatan Ke Tempat Kejadian

- 4.1.1 Pada 9 Februari 2017, Pasukan Penyiasat Suruhanjaya telah membuat lawatan ke IPD Klang Utara bagi memberikan kefahaman (*familiarization*) mengenai kejadian. Lawatan dilakukan ke Ruang Khas OKT di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Utara, iaitu tempat di mana si mati ditemui mati.
- 4.1.2 Pada tarikh yang sama juga, Pasukan Penyiasat telah membuat lawatan ke Lokap Berpusat Shah Alam iaitu tempat yang menempatkan si mati sebelum dibawa ke Mahkamah Klang bagi prosiding reman.

4.1.3 Pasukan Penyiasat juga telah membuat lawatan ke Balai Polis Bandar Baru Klang pada 22 Februari 2017 untuk melihat tempat di mana si mati dan 2 yang lain ditempatkan selepas tangkapan dibuat di Jalan Batu Belah, Klang.

4.2 Rakaman Percakapan

Suruhanjaya telah merakam percakapan seramai 54 orang saksi yang meliputi anggota dan pegawai PDRM daripada IPD Klang Utara, IPD Klang Selatan dan Balai Polis Bandar Baru Klang, pegawai Mahkamah serta Pakar Perubatan Forensik Hospital Tuanku Ampuan Rahimah (HTAR) dan Hospital Kuala Lumpur (HKL).

4.3 Keterangan Dokumentar

Suruhanjaya juga telah mendapatkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan penahanan si mati dan juga laporan siasatan terhadap kematian si mati daripada IPD Klang Utara, Balai Polis Bandar Baru Klang dan juga HTAR serta HKL.

5.0 PENDENGARAN AWAM

Suruhanjaya kemudiannya telah membuat keputusan bagi mengadakan satu prosiding Pendengaran Awam bertujuan untuk mengenal pasti punca sebenar kematian dan juga menentukan sekiranya terdapat salah laku oleh mana-mana orang sewaktu pengendalian si mati. Sesi pendengaran awam tersebut diadakan secara terbuka kepada orang ramai dan wakil-wakil media.

5.1 Kehadiran Pendengaran Awam

5.1.1 Pendengaran Awam ini telah dijalankan oleh panel yang dilantik oleh Suruhanjaya yang telah dipengerusikan oleh seorang Pesuruhjaya EAIC dengan korum tidak kurang daripada 2 orang Pesuruhjaya pada setiap masa. Panel adalah seperti berikut :

- (a) YA Datuk Yaacob bin Md Sam
Pengerusi Suruhanjaya;
- (b) YBhg. Dato' Sri Robert Jacob Ridu
Pesuruhjaya Suruhanjaya;

(c) YBrs. Puan Leong May Chan; dan
Pesuruhjaya Suruhanjaya; dan

(d) YBrs. Encik Lee Sow Siong
Pesuruhjaya Suruhanjaya.

5.1.2 Semasa menjalankan Pendengaran Awam ini, Suruhanjaya telah dibantu oleh pegawai – pegawai EAIC seperti yang berikut:

(a) Pegawai Pengendali

- (i) YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid Pengarah Bahagian Operasi;
- (ii) Encik Abdul Rani bin Megat Kassim Timbalan Pengarah Bahagian Operasi (Siasatan);
- (iii) Puan Wardah binti Faisol Pegawai Undang – Undang;
- (iv) Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin Pegawai Undang – Undang;
- (v) Cik Chan Qin Yee Pegawai Undang – Undang; dan
- (vi) Encik Ibrahim Idham bin Rajab Pegawai Undang – Undang

(b) Pendaftar

- (i) Puan Zulezah binti Baharoldin;
- (ii) Encik Muhammad Hakeem bin Buang; dan
- (iii) Encik Muhammad Syameel bin Yahya

(c) Pegawai Perakam

- (i) Encik Ridzuan bin Kader;
- (ii) Encik Muhammad Hazwan bin Mohd Hussin;
- (iii) Encik Nathan a/l Krishenan;

- (iv) Puan Nurul Atiqah binti Mohamad Alias;
- (v) Cik Farah Izzati binti Suhaini;
- (vi) Cik Noor Nabilah binti Norzam; dan
- (vii) Cik Norhazirah binti Mustafa Kamal.
- 5.1.3 Selaras dengan seksyen 36 Akta 700, Suruhanjaya telah membenarkan perwakilan dan kehadiran pihak-pihak berkepentingan yang berikut sepanjang sesi pendengaran awam tersebut:
- (a) Majlis Peguam Malaysia (Malaysian Bar Council) yang diwakili oleh peguam-peguam pemerhati iaitu Encik R. Sivaraj a/l Retinasekharan dan Cik Firdaus Husni (secara bergiliran);
 - (b) Keluarga si mati yang diwakili oleh peguamcara Encik Eric Paulsen, Puan Latheefa Koya, Cik Koh Tsi Jing dan Cik Audrey Lee (Pelatih Dalam Kamar)(secara bergiliran);
 - (c) SUHAKAM yang diwakili oleh Puan Sarah Adibah Hamzah, Puan Norashikin Hamzah, Encik Simon a/l Karunagaram, Encik Helmi Fendy Mohamad Idris, Encik Shahizad Sulaiman, Encik Muhammad Faiz Abd. Rahman, Puan Nur Adlin Abd Ghaffar, Adlin Noramal Mohammaed dan Encik Mohd Faiz Abdul Rahman (secara bergiliran);
 - (d) Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang diwakili oleh DSP Mohamad Sahidan Engai, ASP Nuzulan Mohd Din, ASP Faisal dan Insp. Ang Wei Choo (secara bergiliran); dan
 - (e) Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang diwakili oleh Supt. Abd Halim Ibrahim, Puan Shamzarina Abdul Razak, Encik Mohd Musawwair Mohd Najib, Encik Muhammaad Faruq Ismail, Puan Fatin Huzaini, Encil Dzul Asmi dan Puan Shamiyah Ishak (secara bergiliran).

5.2 Prosiding Pendengaran Awam

- 5.2.1 Prosiding ini telah melibatkan seramai 46 orang saksi seperti yang berikut
- (a) 16 orang saksi untuk sesi pertama pada 15 - 18 Mei 2017;
 - (b) 18 orang saksi untuk sesi kedua pada 9 - 12 Jun 2017; dan
 - (c) 12 orang saksi dan 1 orang saksi panggil semula untuk sesi ketiga pada 10 - 11 Julai 2017.

5.3 Protokol Tatacara Pendengaran Awam

Suruhanjaya telah menggunakan Peraturan – Peraturan, Prosedur dan Amalan (Pendengaran Awam EAIC) (Tatacara Pendengaran) semasa Prosiding Pendengaran Awam.

6.0 KRONOLOGI TANGKAPAN DAN TAHANAN BALAMURUGAN A/L M. SUPPIAH

- 6.1 Pada 6 Februari 2017 lebih kurang pukul 6.30 petang, Balamurugan a/l M. Suppiah (“si mati”) bersama-sama dengan Ang Kian Kok dan Tamilasan a/l Karapiyah telah ditahan oleh sepasukan anggota dari Unit Ronda Cegah Jenayah (RCJ) IPD Klang Utara. Ketiga-tiga Orang Kena Tangkap/Tuduh (OKT) ditahan di Jalan Batu Belah, Klang oleh anggota RCJ yang pada ketika itu sedang membuat tugas rondaan.
- 6.2 Selepas ditahan, ketiga-tiga mereka telah dibawa ke Balai Polis Bandar Baru Klang dan telah ditempatkan di satu ruang di dalam balai berkenaan. Selepas itu, beberapa orang anggota dan pegawai daripada Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara dan juga Insp. Mohoneswaran a/l Thigarajah daripada Cawangan D9, IPD Klang Selatan telah tiba di Balai Polis Bandar Baru Klang.
- 6.3 Pada ketika ini, Ang Kian Kok dan Tamilasan a/l Karapiyah telah melihat anggota dan pegawai polis tersebut menampar muka dan menumbuk dada si mati beberapa kali semasa menjalankan temu bual terhadap mereka.
- 6.4 Selepas itu, Ang Kian Kok telah dibawa keluar daripada balai tersebut dan dibawa menuju ke Banting oleh Insp. Vickneswaran a/l Poobalan dan

anggota Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara bagi membuat satu lagi tangkapan terhadap seorang lagi suspek iaitu Kanapathy a/l Prathapan.

- 6.5 Lebih kurang pukul 10.55 malam, si mati dan juga Tamilasan a/l Karapiah telah dibawa ke Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara dan telah ditempatkan di satu ruang khas OKT. Lebih kurang pukul 12.00 tengah malam, Ang Kian Kok dan Kanapathy a/l Prathapan telah dibawa masuk ke ruang khas OKT tersebut.
- 6.6 Lebih kurang pukul 4.00 pagi 7 Februari 2017, si mati dan 3 yang lain serta 2 OKT lagi yang ditempatkan bersama dalam ruang khas OKT tersebut telah dibawa ke Lokap Berpusat Shah Alam.
- 6.7 Pada pukul 9.30 pagi, si mati telah dibawa pergi ke Mahkamah Majistret Klang oleh Cawangan Pengiring, IPD Klang Utara untuk permohonan reman. Permohonan reman telah dibuat oleh Sjn. Muhammad Nabil bin Abd. Manaf dan ketika prosiding tersebut, peguam si mati iaitu Gerard Lazarus a/l Percy John Lazarus telah memberitahu Mahkamah bahawa si mati telah dipukul semasa ditahan dan keadaan kesihatan si mati yang agak teruk. Oleh yang demikian, Majistret telah menolak permohonan reman bagi si mati dan mengarahkan agar si mati dibawa ke hospital untuk dibuat pemeriksaan kesihatan.
- 6.8 Walau bagaimanapun, arahan mahkamah yang tersebut tidak dipatuhi oleh anggota PDRM. Sebaliknya, si mati telah dibawa pulang ke Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara dan ditempatkan di ruang legar Pejabat Detektif, Bahagian Siasatan Jenayah.
- 6.9 Lebih kurang pukul 7.00 malam, si mati telah dipindahkan ke dalam Ruang Khas OKT. Lebih kurang pukul 11.00 malam sewaktu Insp. Mohd Noor Husri bin Johari datang membuat pemeriksaan, beliau telah mendapati si mati dalam keadaan tidak sedarkan diri.
- 6.10 Insp. Mohd Noor Husri bin Johari kemudiannya telah memaklumkan kejadian itu kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD)

iaitu ASP Norsanizam bin Haji Nordin dan telah diarahkan untuk menghubungi hospital bagi mendapatkan bantuan perubatan.

- 6.11 Lebih kurang pukul 12.00 tengah malam, Pembantu Pegawai Perubatan iaitu Encik Elleyerance bin Hamid telah tiba di Bahagian Siasatan Jenayah dan terus memasuki ruang khas OKT bagi menjalankan pemeriksaan.
- 6.12 Encik Elleyrence bin Hamid kemudiannya telah mengesahkan bahawa si mati telah meninggal dunia. Mayat si mati juga telah diperiksa oleh Koroner, Tuan Ahmad Azhari bin Abdul Hamid bersama-sama dengan Pasukan Forensik IPK Selangor di Ruang Khas OKT dan telah mengarahkan agar satu bedah siasat ke atas mayat si mati dijalankan.
- 6.13 Pada pukul 6.00 pagi, mayat si mati telah dibawa ke Unit Forensik Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang. Pada pukul 10.00 pagi, bedah siasat telah dijalankan oleh Pakar Perubatan Forensik iaitu Dr. Kartini binti Md Ariff dan beliau mendapat terdapat kecederaan akibat hentakan secara langsung oleh objek tumpul.
- 6.14 Pihak keluarga si mati tidak berpuas hati dan telah menuntut bedah siasat kedua dijalankan dan telah membuat permohonan kepada Mahkamah. Pada 16 Februari 2017, Mahkamah Tinggi Shah Alam telah mengeluarkan satu perintah kepada Hospital Kuala Lumpur untuk menjalankan bedah siasat kedua.
- 6.15 Bedah siasat kedua pada 18 Februari 2017 oleh Dr. Siew Sheue Feng iaitu Pakar Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur mendapat terdapat penyumbatan penuh pada *left circumflex artery*, *multiple blunt force trauma*.



Keadaan sewaktu penahanan dilakukan di Jalan Batu Belah



Keadaan sewaktu penahanan dilakukan di Jalan Batu Belah



Kaunter Inkuiiri Balai Polis Bandar Baru Klang



Ruang di belakang Kaunter Inkuiiri Balai Polis Bandar Baru Klang



Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Utara

7.0 RINGKASAN KETERANGAN SAKSI

Sewaktu Pendengaran Awam, saksi-saksi berikut telah dipanggil untuk memberikan keterangan masing-masing bagi membantu penyiasatan Suruhanjaya.

7.1 Ang Kian Kok (SP1)

SP1 telah ditahan bersama-sama dengan SP17 dan si mati oleh SP5 dan SP6 pada 6 Februari 2017 sewaktu dalam perjalanan ke rumah si mati dengan menaiki kereta jenis Proton Perdana V6. Selepas itu, SP1 telah melihat kehadiran 2 buah kereta peronda yang dinaiki oleh 4 orang anggota polis telah tiba. Kemudian, SP1, SP17 dan si mati telah digari dan dibawa ke Balai Polis Bandar Baru Klang.

Menurut SP1, anggota-anggota tangkapan kemudiannya telah membawa SP1 dan SP17 masuk ke dalam Balai Polis Bandar Baru Klang dan mereka ditempatkan di ruangan belakang kaunter inkir. Sepanjang berada di ruang tersebut, SP1 dan SP17 telah duduk di atas bangku dalam keadaan kedua-dua tangan SP1 dan SP17 bergari di belakang. Seketika kemudian, si mati telah tiba di Balai Polis Bandar Baru Klang.

Lebih kurang 5 minit kemudian, sekumpulan anggota polis berpakaian preman yang terdiri lebih kurang 6 hingga 7 orang yang berbangsa Melayu dan India telah masuk ke dalam ruangan tersebut.

Pada waktu SP1 dipukul, SP27 turut bertanyakan soalan-soalan kepadanya. SP22 juga telah bertanyakannya mengenai kes namun SP22 tidak melakukan sebarang kekerasan terhadap SP1.

SP27 telah berhenti memukul SP1 apabila si mati bertanya kepada SP27 “*Mengapakah mereka dipukul?*”. SP27 telah pergi ke arah si mati dan si mati telah memegang tangan SP27. SP27 telah menyuruh si mati melepaskan tangan SP27 sambil mengeluarkan kata-kata kesat dalam Bahasa Tamil yang berbunyi “*Dei pundek nee veliyala mandai na, nan ulla mandai*” (“*pundek, kalau di luar kamu kepala (kepala merujuk kepada anggota kumpulan gangster), di dalam saya kepala*”).

Kemudian, SP1 telah melihat SP27 mula memukul si mati dengan menampar di muka sebanyak 8 hingga 10 kali dan menumbuk di dada sebanyak 4 hingga 5 kali. SP1 menyatakan bahawa si mati tidak cuba untuk mempertahankan diri mahupun menjerit apabila dipukul oleh SP27. SP1 juga menyatakan bahawa si mati tidak bergari semasa dipukul.

SP1 dapat mengacam lima orang pegawai dan anggota polis yang dipanggil iaitu SP22, SP23, SP24, SP25 dan SP27 yang merupakan pegawai dan anggota polis yang berpakaian preman. Seterusnya, SP1 telah mengacam yang SP27 telah memukul SP17 dan si mati.

Menurut SP1, gambar-gambar SP1, SP17 dan si mati sebagaimana dalam Ekshibit P2 - P4 telah diambil oleh seorang anggota polis yang tidak beruniform dengan menggunakan telefon bimbit selepas mereka dipukul dan sebelum SP1 dibawa ke Banting untuk mengesan seorang lagi suspek iaitu Kanapathy.

Sewaktu SP1 dibawa keluar ke Banting, SP1 melihat si mati sedang duduk. Namun, SP1 tidak pasti sama ada SP17 dan si mati mengalami apa-apa kecederaan di muka kerana SP1 tidak dapat melihat mereka.

SP1 telah memberitahu umurnya adalah 17 tahun dengan memaklumkan nombor kad pengenalan kepada SP25 semasa kenyataannya diambil.

Setibanya di IPD Klang Utara dari Banting, SP1 dan Kanapathy telah dimasukkan ke dalam sel. Turut berada di dalam sel tersebut ialah si mati, SP17 dan dua orang OKT berbangsa Melayu. SP1 melihat si mati dan SP17 sedang tidur di dalam sel tersebut. SP1 juga melihat keadaan mereka seperti telah dipukul dengan teruk manakala badan si mati menggigil dengan kepalanya tertunduk ke bawah. Selain itu, SP1 juga melihat terdapat darah kering di bibir si mati semasa si mati hendak meminum air.

SP1, Kanapathy, SP17 dan si mati bersama-sama OKT lain kemudiannya telah dibawa ke Lokap Berpusat Shah Alam. SP1 dan Kanapathy telah memapah si mati berjalan dari ruang khas sehingga masuk ke dalam van kerana si mati kelihatan seperti tidak sihat dan tidak boleh berjalan dengan

normal. Setibanya di lokap tersebut sekitar pukul 4.15 pagi, si mati telah dipapah oleh SP1 dan Kanapathy turun dari van untuk berjalan masuk ke dalam Lokap Berpusat Shah Alam. Sewaktu berada di sana, SP1 memaklumkan tubuh badan mereka tidak diperiksa oleh anggota sentri sebelum dimasukkan ke dalam lokap. SP1 dan Kanapathy telah memberitahu anggota sentri di Lokap Berpusat Shah Alam tentang keadaan si mati yang tidak sihat dan meminta supaya si mati diberikan ubat namun tidak diendahkan.

Pada pukul 8.30 pagi, SP1 dan OKT lain telah dibawa ke permohonan reman. SP1 telah melihat darah mengalir keluar dari mulut si mati sewaktu Kanapathy menuap roti kepada si mati. SP1 menyatakan bahawa si mati berjalan dalam keadaan yang tidak stabil dan telah dibantu oleh SP1 dan Kanapathy untuk berjalan dari lokap sehingga menaiki lori. Menurut SP1, apabila sampai di Mahkamah Klang, si mati telah dibantu untuk turun dari lori sehingga dibawa naik ke Mahkamah.

SP1 menyatakan bahawa apabila SP15 masuk ke dalam Mahkamah, kesemua tahanan telah berdiri kecuali si mati yang hanya duduk sepanjang masa. SP15 telah bertanyakan mereka sebab si mati tidak boleh berdiri dan SP1 menyatakan bahawa si mati telah dipukul oleh polis. Seterusnya, SP1 menyatakan bahawa SP15 telah membenarkan permohonan reman terhadap SP1, SP17 dan Kanapathy selama tujuh hari manakala permohonan reman si mati ditolak. Menurut SP1 juga, masih terdapat kesan darah pada mulut si mati semasa prosiding permohonan reman. Selesai prosiding permohonan reman, si mati telah dibawa keluar oleh SP14 dan apabila SP1, SP17 dan Kanapathy tiba di lori, SP1 mendapati bahawa si mati telahpun terbaring di dalam lori.

Semasa tiba di IPD Klang Utara, si mati telah dibawa turun dengan dibantu oleh SP1 dan Kanapathy. Kesemua OKT telah dimasukkan ke dalam ruang khas OKT tetapi si mati ditempatkan di Pejabat Detektif yang berhampiran dengan ruang khas tersebut. Semasa dibawa keluar dari ruang khas tersebut untuk dibawa ke lokap berpusat, SP1 melihat si mati masih berada di tempat yang sama sewaktu mula-mula si mati ditempatkan.

7.2 Noor Anizah binti Abdullah (SP2)

SP2 yang berusia 22 tahun merupakan anak saudara kepada si mati dan tinggal bersama si mati. SP2 tidak mengetahui sama ada si mati mempunyai apa-apa masalah kesihatan.

Pada 6 Februari 2017, SP17 dan SP1 telah datang ke rumah si mati dan kemudiannya meminta si mati untuk menumpangkan mereka dengan menaiki kereta model Perdana V6 milik si mati. Seketika kemudian, SP2 telah menerima panggilan telefon memaklumkan bahawa pihak polis telah menahan si mati. SP2 dan SP18 telah pergi ke lokasi tersebut dengan menaiki lori.

Setibanya mereka di sana, pihak polis telah membuka gari si mati semasa mereka berdua datang dan memaklumkan bahawa pihak polis akan membawa si mati dan dua orang lelaki yang ditahan bersama itu ke Balai Polis Bandar Baru Klang.

Selepas itu, SP2 , SP18 bersama SP3 telah ke Balai Polis Bandar Baru Klang dan menunggu di kaunter inkuriri. Semasa menunggu, SP2 mendengar si mati menjerit kesakitan. SP2 telah bertanya kepada anggota yang bertugas di kaunter tentang keadaan si mati namun anggota tersebut tidak memberitahu apa-apa kecuali memaklumkan bahawa pegawai polis yang masuk itu adalah SP27. SP2 hanya mendengar jeritan itu sekali sahaja sebelum beliau bersama SP18 dan SP3 diarah pulang oleh pihak polis.

Setelah membuat laporan polis berhubung dengan kegagalan polis melepaskan simati, SP2 telah dihubungi oleh Insp. Amirul dan dimaklumkan bahawa si mati ditahan atas satu kes yang lain.

Pada 8 Februari 2017, SP2 telah diberitahu oleh SP3 bahawa si mati telah meninggal dunia. SP18 juga memaklumkan kepadanya yang terdapat satu bedah siasat dibuat ke atas mayat si mati. Menurut SP2, sebab kematian berdasarkan bedah siasat pertama ialah kerana sakit jantung. Oleh kerana tidak berpuas hati dengan punca kematian daripada bedah siasat pertama, pihak keluarga telah membuat permohonan bedah siasat untuk kali kedua.

7.3 Natthanan Yoochomsuk (SP3)

SP3 merupakan isteri kepada si mati dan telah berkahwin dengan si mati selama 11 tahun. Pada 6 Februari 2017, SP3 pergi ke Balai Polis Bandar Baru Klang bersama-sama dengan SP18 dan SP2 untuk berjumpa dengan si mati selepas dimaklumkan si mati telah ditangkap. Semasa sedang menunggu untuk berjumpa dengan si mati di Balai Polis Bandar Baru Klang, 2 orang polis berbangsa India telah tiba dan terus masuk ke dalam sebuah bilik. SP3 telah mendengar bunyi jeritan dengan nada sakit oleh si mati dan individu lain.

Pada 7 Februari 2017, SP3 telah pergi ke Mahkamah dengan SP18 dan telah berjumpa dengan si mati. Walau bagaimanapun, SP3 hanya sempat bercakap sebentar sahaja dengan si mati dan SP3 melihat si mati masih boleh berjalan semasa si mati pergi ke tandas. Setelah berjumpa dengan si mati di mahkamah, SP3 kemudiannya telah pergi ke Balai Polis Klang Utara untuk berjumpa dengan si mati yang dibawa pulang dari Mahkamah.

Semasa berada di Balai Polis Klang Utara, SP3 telah berjumpa dengan si mati pada pukul 2.00 petang dan SP3 telah memberikan nasi dan air limau ais kepada si mati. Walau bagaimanapun, si mati hanya makan sesuap nasi dan minum sedikit air. Semasa perjumpaan tersebut, si mati tidak banyak bercakap dengan SP3, walaupun pada kebiasaannya si mati suka berbual-bual. Dalam pertemuan yang mengambil masa selama lebih kurang 5 minit itu, SP3 menyatakan si mati kelihatan seperti demam dan tidak sihat. Si mati pernah menjalani rawatan angiogram 5 tahun yang lepas namun tidak ada mengambil apa-apa jenis ubat-ubatan.

7.4 Balraj a/l M. Suppiah (SP4)

SP4 merupakan adik lelaki si mati. SP4 menyatakan pada 6 Februari 2017 lebih kurang pukul 5.00 - 6.00 petang, telah menerima panggilan telefon daripada kawannya bernama Selvam memberitahu si mati dan 2 orang kawannya telah ditahan oleh kereta peronda polis berdekatan dengan Jalan Batu Belah dan telah meminta ahli keluarga pergi melihat si mati di Balai Polis Bandar Baru Klang.

Keesokan harinya, SP14 memaklumkan kepada SP4 bahawa permohonan reman si mati telah ditolak. SP14 turut memberitahu bahawa SP15 telah mengarahkan polis menghantar si mati ke hospital kerana keadaan si mati yang tenat namun si mati tidak dibebaskan. Pada pagi 8 Februari 2017 SP4 telah pergi ke Hospital Besar Klang setelah diberitahu oleh SP3 dan telah menerima panggilan telefon daripada SP46 tentang kematian si mati.

SP 4 dan SP 3 telah dipanggil oleh SP46 untuk membuat pengecaman mayat si mati dengan kehadiran SP46 dan SP11. SP4 telah dipanggil oleh SP11 yang memberitahu bahawa punca kematian masih belum dapat ditentukan dan perlu menunggu keputusan makmal terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, SP11 memberitahu berdasarkan pengalamannya, si mati telah mati secara mengejut.

SP4 memberitahu si mati pernah membuat *angiogram* lebih kurang 5 tahun lepas namun si mati tidak mengambil sebarang ubat-ubatan kebelakangan ini kerana si mati berada dalam keadaan sihat. Tambahan pula, SP4 melihat si mati dalam keadaan baik dan sihat sewaktu berjumpa dengannya pada 5 Februari 2017 iaitu sehari sebelum si mati ditahan.

7.5 L/Kpl. Muhamad Anuar bin Nyat (SP5)

SP5 merupakan anggota yang bertugas di Unit Rondaan Bermotosikal (URB), IPD Klang Utara. Menurut SP5 pada 6 Februari 2017, pukul 6.30 petang, SP5 dan SP6 telah ternampak sebuah Proton Perdana V6 berwarna perak dalam keadaan yang mencurigakan di Jalan Batu Belah, Klang. Ini kerana hasil daripada taklimat, kereta tersebut didapati terlibat dalam kes samun. Mereka kemudiannya telah mengejar dan menahan kereta tersebut.

Semasa kenderaan tersebut ditahan, terdapat 3 orang di dalam kereta tersebut yang mana 2 daripada mereka berbangsa India dan seorang berbangsa Cina. Kemudian, SP5 telah mengarahkan pemandu untuk keluar dari kereta tersebut dan memintanya untuk mengemukakan kad pengenalannya. Walau bagaimanapun, pemandu kereta tersebut tidak membawa kad pengenalannya.

Selepas penahanan tersebut, SP6 telah menghubungi anggota Ronda Cegah Jenayah (RCJ) untuk mendapatkan bantuan. Si mati juga didapati sedang menghubungi seseorang.

Lebih kurang pukul 7.00 malam, bantuan daripada anggota MPV iaitu SP9 dan SP10 telah tiba di tempat kejadian dengan menaiki kereta peronda jenis Proton Waja.

SP17 dan SP1 dibawa masuk ke dalam MPV dan SP5 mengarahkan si mati keluar daripada kereta tersebut untuk tujuan pemeriksaan badan dan juga pemeriksaan ke atas kereta tersebut. Pemeriksaan pada badan si mati tidak menemukan apa-apa barang salah. Namun, pemeriksaan pada kereta menemui sebilah pisau berukuran kira-kira 18 cm yang dijumpai di bawah karpet di bahagian pemandu.

Menurut SP5, sebelum dibawa ke Balai Polis Bandar Baru Klang, seorang lelaki telah datang memperkenalkan dirinya sebagai adik kepada si mati. Lelaki tersebut telah memohon budi bicara SP7 untuk membuka gari kerana si mati menghidap penyakit jantung. SP7 kemudian bersetuju untuk membuka gari tersebut dan seterusnya membawa si mati menaiki kereta Proton Perdana untuk dibawa ke Balai Polis Bandar Baru Klang. Mereka tiba di Balai Polis Bandar Baru Klang kira-kira pada pukul 7.25 - 7.30 malam.

Menurut SP5, semasa penahanan dibuat, SP17 dan si mati kelihatan sedikit mabuk kerana mulut mereka berbau alkohol. Manakala SP1 pada ketika itu tidak berbau alkohol. Pada ketika itu, SP5 tidak mengetahui umur SP1 memandangkan SP1 tidak membawa kad pengenalan dan SP5 sendiri tidak bertanyakan umur SP1.

Menurut SP5, selain sebilah pisau yang dijumpai di dalam kereta tersebut, rampasan juga dibuat ke atas cukai jalan yang disyaki palsu selepas membuat semakan melalui sistem PRS yang mana cukai jalan bagi kereta tersebut didaftarkan ke atas sebuah van jenis Nissan. Barang rampasan kemudianya telah disimpan di pejabat jenayah.

Semasa membuat pemeriksaan ke atas kenderaan tersebut, SP22 telah menelefon SP6 dan memaklumkan bahawa OKT memang dikehendaki berkaitan satu kes samun.

Pada masa yang sama, ketiga-tiga OKT dibawa oleh SP10, SP9, SP7, SP8 dan Konst. Syafiq dan diletakkan di bahagian ruang rehat/ruang menunggu Balai Polis Bandar Baru Klang. Kira-kira 15 - 20 minit kemudian, SP22, SP25 dan SP26 dari Cawangan D9 IPD Klang Utara bersama-sama dengan SP27 dari Cawangan D9 IPD Klang Selatan telah tiba di Balai Polis Bandar Baru Klang dan mereka semua tidak beruniform. SP5 tidak mengenali SP27 pada ketika itu.

Selepas selesai memeriksa kereta, SP5 telah menyediakan Ekshibit P10 ke atas SP17, SP1 dan si mati di bilik CPJ lebih kurang pukul 9.13 malam. Dalam laporan tersebut juga, SP5 telah mengaitkan OKT tersebut kepada kes yang disiasat oleh SP19. Tindakan tersebut tersebut dibuat berdasarkan kepada maklumat daripada SP22.

Menurut SP5, keadaan di Balai Polis Bandar Baru Klang pada ketika itu tenang. SP5 juga menyatakan bahawa semasa pihak D9 tiba, keadaan menjadi sedikit riuh rendah dengan suara orang berteriak, menjerit meminta tolong dan menengking. Walau bagaimanapun, SP5 tidak pasti suara itu milik siapa dan tidak melihat apa-apa yang mencurigakan. Namun, SP5 menyatakan bahawa suara menengking tersebut berkemungkinan adalah suara daripada anggota polis manakala suara jeritan meminta tolong tersebut datang daripada OKT. Bunyi tersebut hanya kedengaran sekejap sahaja.

Selepas membuat laporan polis tangkapan, SP5 telah mengeluarkan Ekshibit P11 yang menyenaraikan barang-barang rampasan iaitu sebilah pisau, 3 buah telefon bimbit, satu cukai jalan dan satu kunci kereta. Barang-barang yang disenaraikan tersebut telah diserahkan kepada SP19 yang merupakan pegawai penyiasat bagi kes tersebut. Selepas menyediakan Ekshibit P11, SP5 pergi semula ke tempat OKT ditempatkan. Pada waktu itu, SP5 mendapati hanya SP17 dan si mati sahaja berada di tempat tersebut dan mereka tertidur dalam keadaan sebelah tangan

mereka digari dengan menggunakan satu gari yang sama tanpa dikawal atau dijaga oleh mana-mana anggota.

Selepas mengejutkan mereka, SP5 meminta si mati untuk menandatangani Ekshibit P11. Si mati kelihatan seperti dalam keadaan mabuk dan tangannya menggigil semasa menandatangani Ekshibit P11. SP5 mengakui tangan si mati tidak normal sewaktu menandatangani Borang Bongkar tersebut.

SP5 kemudiannya telah menghubungi pihak DCC IPD Klang Utara untuk dan telah dibantu oleh SP5 dan SP6 telah mengiringi si mati dan SP17 untuk diserahkan kepada pihak IPD Klang Utara. Menurut SP5, SP19 telah berada di IPD Klang Utara sewaktu mereka tiba di situ dan serah-menyerah dibuat kepada SP19 dan anggota *standby* 24 jam kira-kira pukul 11.10 malam. Menurut SP5, SP19 mahupun anggota *standby* 24 jam tidak memeriksa badan si mati dan SP17 semasa menerima mereka.

Menurut SP5, semasa si mati diserahkan kepada SP19, si mati tidak menunjukkan beliau mengalami apa-apa kesakitan dan boleh berjalan seperti biasa.

7.6 L/Kpl. Mohamad Sabri bin Abu Bakar (SP6)

SP6 bertugas sebagai anggota URB di IPD Klang Utara. Pada 6 Februari 2017, pukul 6.00 petang SP6 telah menahan si mati, SP1 dan SP17. Semasa dalam proses penahanan, SP18 telah datang ke tempat kejadian dan memohon agar si mati tidak digari kerana si mati mempunyai penyakit jantung. Apabila tiba di Balai Polis Bandar Baru Klang, SP6 melihat kesemua OKT diletakkan di kawasan ruang seperti di Ekshibit P1 Gambar 3. SP6 juga memaklumkan bahawa SP2 telah datang ke Balai Polis Bandar Baru Klang.

SP6 memaklumkan yang si mati tidak digari ketika di Balai Polis Bandar Baru Klang dan 4 orang anggota Cawangan D9 yang tiba di Balai Polis Bandar Baru Klang tidak memakai uniform. SP6 mendengar bunyi jeritan yang kuat seperti dipukul serta jeritan seperti meminta tolong di luar bilik CPJ, namun SP6 tidak keluar dari bilik CPJ kerana menghormati pegawai

kanan yang sedang menjalankan siasatan dan tidak mahu masuk campur dalam urusan tersebut.

SP6 menyatakan SP22 telah memaklumkan untuk mengambil SP1 untuk dibawa ke Banting dan SP22 telah menulis di buku saku SP6 (Ekshhibit P13). Setelah selesai membuat laporan tangkapan, SP6 keluar dari bilik CPJ dan melihat si mati serta SP17 duduk di atas kerusi luar bilik tersebut. Pada ketika itu, si mati sedang tidur dan kedua-dua OKT digari bersama. SP6 seterusnya telah membawa OKT ke IPD Klang Utara dan diserahkan kepada SP33.

7.7 L/Kpl. Muhd Asyraf bin Zulkefly (SP7)

SP7 bertugas sebagai anggota tugas-tugas am di Balai Polis Bandar Baru Klang. Pada 6 Februari 2017, sewaktu menjalankan tugas rondaan bermotosikal bersama-sama dengan SP8 dan Konst. Shafiq, lebih kurang pukul 6.45 petang, SP7 telah menerima panggilan telefon daripada SP9 yang meminta bantuan untuk datang ke kawasan Batu Belah. Setibanya di tempat kejadian, SP7 telah melihat sebuah kereta Proton Perdana dan kelihatan seorang lelaki India dengan tangan bergari sedang berdiri di sebelah kereta tersebut.

Kemudian, si mati dengan tangan yang bergari telah dimasukkan ke dalam kereta. Walau bagaimanapun, seorang lelaki India yang memperkenalkan diri sebagai adik si mati telah meminta jasa baik SP7 untuk membuka gari si mati atas faktor kesihatan. SP7 kemudiannya telah membuka gari si mati sambil dipantau oleh SP8. Kemudian, mereka telah menaiki Kereta Proton Perdana yang dipandu SP7 menuju ke Balai Polis Bandar Baru Klang.

Dalam perjalanan ke Balai Polis Bandar Baru Klang, si mati tidak bercakap, tidak agresif dan hanya berdiam diri sahaja dan mereka tiba lebih kurang pukul 7.00 malam. Kemudiannya si mati telah diserahkan kepada SP5 dan ditempatkan di dalam bilik di bahagian belakang kaunter inkuiri.

Selepas itu, SP7 telah keluar dari balai untuk menyambung tugasannya. SP7 dalam keterangannya menyatakan CCTV di Balai Polis Bandar Baru

Klang tidak berfungsi sebelum masa kejadian dan tidak pasti sekiranya CCTV tersebut berfungsi pada hari kejadian.

7.8 L/Kpl. Arwen Renyold (SP8)

SP8 bertugas di Balai Polis Bandar Baru Klang. Pada 6 Februari 2017, SP8 bertugas sebagai anggota RCJ bersama-sama dengan SP7 dan Konst. Shafiq di kawasan pekan Klang.

Pada 6 Februari 2017, SP7 telah menerima panggilan daripada SP9 yang meminta bantuan mereka untuk mengiringi penahanan seorang suspek. Lebih kurang 10 minit kemudian, mereka tiba di lokasi kejadian dan SP8 melihat SP5 dan SP6 telah berada di situ.

Selain itu, semasa tempat kejadian, SP8 juga melihat terdapat sebuah MPV yang dipandu oleh SP9 bersama-sama dengan SP10. Di situ juga, SP8 melihat seorang lelaki berbangsa India sedang berdiri di tepi sebuah kenderaan jenis Proton Perdana dalam keadaan tangan bergari. SP8 dimaklumkan oleh anggota URB bahawa semasa penahanan tersebut mereka menjumpai sebilah pisau.

Setibanya di Balai Polis Bandar Baru Klang, SP8 menyerahkan si mati kepada SP5 di ruang belakang kaunter inkuiri. SP8 turut mengesahkan bahawa semasa penyerahan si mati, hanya terdapat dua orang anggota URB dan SP7 sahaja ketika itu dan tiada ahli keluarga si mati. Selepas penyerahan si mati, SP8 terus keluar dari balai dan menyambung tugas hariannya.

7.9 L/Kpl. Muhamad Arif Izwan bin Ghazali (SP9)

SP9 merupakan anggota polis yang bertugas di Balai Polis Bandar Baru Klang. Pada 6 Februari 2017, SP9 bertugas di sekitar kawasan pentadbiran Balai Polis Bandar Baru Klang sebagai peronda MPV bersama-sama dengan SP10 telah menerima panggilan telefon daripada SP6 yang meminta bantuan untuk menghala ke Batu Belah untuk membantu membuat pemeriksaan terhadap sebuah kenderaan.

Apabila sampai di lokasi yang diminta oleh SP6, SP9 melihat SP1 dan SP17 telah digari dan diminta dibawa masuk ke dalam kenderaan MPV. Seterusnya OKT tersebut dihantar ke Balai Polis Bandar Baru Klang.

Setelah sampai di Balai Polis Bandar Baru Klang, SP9 telah meletakkan kenderaan dan membawa SP1 dan SP17 lalu diserahkan kepada anggota URB iaitu SP5 dan SP6. SP9 mengesahkan SP1 dan SP17 dalam keadaan sihat semasa diserahkan.

7.10 L/Kpl. Muhammad Noh bin Abdul Malik (SP10)

SP10 merupakan anggota polis yang bertugas di Balai Polis Bandar Baru Klang sebagai Penyelia RCJ. Pada 6 Februari 2017, SP10 bertugas membuat rondaan menggunakan kereta MPV bersama dengan SP9 di antara pukul 4.00 petang - 12.00 tengah malam. Menurut SP10, pada pukul 6.50 petang, SP9 telah menerima satu panggilan telefon daripada SP6. SP6 telah meminta SP9 bersama-sama dengan SP10 untuk membawa OKT ke Balai Polis Bandar Baru Klang.

Lebih kurang pukul 7.00 malam, SP9 dan SP10 tiba di tempat kejadian. Selepas itu, SP5 telah menyerahkan kepada SP1 dan SP17 kepada SP10. Kedua-dua OKT tersebut kemudiannya telah dibawa ke Balai Polis Bandar Baru Klang. Setibanya di Balai Polis Bandar Baru Klang, OKT tersebut kemudiannya diserahkan kepada SP5.

Menurut SP10 sepanjang perjalanan menuju ke Balai Polis Bandar Baru Klang, mereka tidak bercakap dengan OKT dan pada ketika itu kedua-dua OKT dalam keadaan baik sahaja. SP10 juga tidak mengetahui bahawa salah seorang yang ditahan merupakan OKT juvana. SP10 tidak bertanyakan usia OKT kerana tangkapan tersebut dibuat oleh SP5 dan SP6. Selepas menyerahkan OKT tersebut kepada SP5, SP10 telah keluar dari balai dan meneruskan semula rondaan.

Semasa SP10 menghantar OKT ke Balai Polis Bandar Baru Klang hanya terdapat 2 anggota yang bertugas di bahagian inkuiri sahaja dan tidak melihat sesiapa keluar masuk dari balai. SP10 juga menyatakan tidak mengetahui sama ada CCTV di Balai Polis Bandar Baru Klang berfungsi

dengan baik atau tidak walaupun telah berkhidmat di balai tersebut selama 5 tahun. Sebelum kejadian kematian si mati CCTV tersebut tidak mempunyai paparan di skrin monitor namun kini paparan di skrin monitor telah pun ada.

7.11 Dr. Kartini bin Md Ariff (SP11)

SP11 merupakan Pakar Perubatan Forensik (UD54), Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang. SP11 telah membuat bedah siasat pertama ke atas mayat si mati pada 8 Februari 2017 pukul 10.00 pagi.

Menurut SP11, sebelum proses bedah siasat dijalankan, proses pengecaman mayat si mati telah dilakukan oleh adik kepada si mati dan turut disertai oleh seorang anggota polis.

Ketika proses bedah siasat dijalankan, SP11 dibantu oleh seorang pembantu pegawai perubatan dan seorang pembantu perawat kesihatan. Gambar-gambar bedah siasat diambil atas arahan SP11 dan laporan bedah siasat si mati disediakan sendiri oleh SP11. Sewaktu proses pengecaman mayat, SP11 hanya menunjukkan bahagian muka sahaja kepada SP3.

SP11 telah melihat x-ray dada dan abdomen si mati dan mendapati tiada kesan kepatahan atau kecederaan. Hasil pemeriksaan luaran juga mendapati si mati mempunyai beberapa kesan parut lama di dada dan bahagian kiri atas serta bahagian kiri bawah anggota badan.

Pemeriksaan luaran SP11 juga mendapati mata si mati berwarna kekuningan (*yellowish discolouration*) yang biasanya ditemui dalam kalangan pesakit yang mempunyai penyakit berkaitan hati.

Hasil pemeriksaan luaran juga mendapati terdapat 3 kecederaan di badan si mati seperti di Ekshhibit P9 Gambar 17, 18 dan 21. SP11 juga berpendapat kecederaan luaran yang terdapat di badan si mati memerlukan kekuatan luaran (*external force*). *Direct force* diperlukan untuk menghasilkan kecederaan di kawasan ini. Kecederaan-kecederaan tersebut ialah :

- (i) Ekshibit P9 Gambar 18 menunjukkan kecederaan *left periorbital bruises* berukuran 3x2 cm;
- (ii) Ekshibit P9 Gambar 21 menunjukkan *bruise on the right chest just below the right nipple* yang berukuran 5x3 cm; dan
- (iii) Terdapat juga kecederaan *abrasion on tip of the right ear* berukuran 2x1 cm seperti di Ekshibit P9 Gambar 37.

Manakala di bahagian muka pula, SP11 melihat terdapat cecair berwana coklat yang keluar daripada hidung dan mulut si mati.

Setelah melakukan pemeriksaan luaran, SP11 menjalankan pemeriksaan dalaman dan mendapati terdapat lapan kecederaan ke atas badan si mati. Pemeriksaan pada bahagian rusuk mendapati tiada kesan kepatahan namun SP11 mendapati terdapat *subcutaneous muscle and muscle contusion at the right side of the anterior chest wall at the level of 5th and 6th ribs* yang mana kecederaan ini berkait dengan kecederaan di nombor (ii).

SP11 mendapati *coronary artery* jantung si mati mempunyai *resporosis occlusion* seperti di Ekshibit P9 Gambar 77, 78, 79 dan 80. Ini menunjukkan jantung si mati dalam keadaan kurang sihat. SP11 menyatakan jantung si mati mempunyai 2 *brances* yang dalam keadaan penyumbatan yang teruk.

SP11 juga mendapati si mati pernah menjalani pembedahan jantung (*heart surgical procedure*) memandangkan terdapat *stent* dan kesihatan jantung si mati adalah sangat teruk jika dibandingkan dengan kesihatan jantung orang yang normal.

Selain itu, pemeriksaan esofagus si mati (Ekshibit P9 Gambar 71) mendapati terdapat *dilated vessel* yang menunjukkan si mati juga mempunyai penyakit hati yang kronik dan menurut SP11, si mati sepatutnya mengambil ubat secara konsisten bagi penyakit hati tersebut. Ekshibit P9 Gambar 73 menunjukkan hati si mati yang mengecut dan lebih

kecil berbanding dengan hati seorang yang normal. Hati si mati mempunyai *macro and micronodular changes on external surfaces*.

Skeleton examination mendapati tiada kesan kepatahan walau bagaimanapun SP11 mendapati terdapat kesan kecederaan di bawah lapisan kulit seperti di Ekhibit P9 Gambar 59, 60, 61, 62, 67, 68 dan 69.

SP11 mendapati kesan kecederaan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) *Subcutaneous haematoma on the left thigh* berukuran 15x5cm;
- (ii) *Subcutaneous haematoma at the postero-lateral aspect of the right leg* berukuran 30x10cm;
- (iii) *Subcutaneous haematoma at the antero-lateral aspect of the left leg extended to the dorsal part of the left foot* berukuran 30x12cm;
- (iv) *Subcutaneous haematoma at the right knee* berukuran 6x5 cm;
- (v) *Subcutaneous haematoma on the medial aspect of the right wrist* 4x5cm;
- (vi) *Subcutaneous haematoma on the medial aspect of the left wrist* 2x1cm; dan
- (vii) *Subcutaneous haematoma on the left side of the upper back* berukuran 7x7cm.

Mengikut SP11, berdasarkan tempat kecederaan nombor (v) dan (vi) berkemungkinan kecederaan tersebut disebabkan oleh penggunaan gari.

SP11 berpendapat secara keseluruhannya, kesemua kesan lebam yang dijumpai di badan si mati tidak begitu parah sehingga menyebabkan kematian. Walau bagaimanapun, kecederaan yang dialami oleh si mati itu, memburukkan lagi kesihatan jantung si mati yang sememangnya sudah teruk itu.

Menurut SP11 lagi, kecederaan-kecederaan tersebut berlaku dalam satu tempoh masa yang sama di mana berkemungkinan kecederaan tersebut terjadi dalam tempoh masa 72 jam sebelum bedah siasat dibuat.

SP11 membuat kesimpulan bahawa punca kematian si mati yang pertama adalah disebabkan oleh *coronary artery disease* dan yang kedua beberapa kecederaan iaitu *multiple blunt force injuries* di badan si mati yang telah menyumbang kepada kemerosotan kesihatan jantung si mati yang sudah tenat.

Kesimpulan hasil bedah siasat pertama yang dijalankan oleh SP11 turut dipersetujui dan disokong oleh Dr. Siew Sheue Feng (SP12) iaitu Konsultan Perubatan Forensik yang menjalankan bedah siasat kedua.

7.12 Dr. Siew Sheue Feng (SP12)

SP12 merupakan Konsultan Perubatan Forensik yang menjalankan *post mortem* kedua ke atas si mati pada 18 Februari 2017 melalui perintah Mahkamah Tinggi Shah Alam bertarikh 15 Februari 2017.

Semasa *post mortem* kedua dijalankan, tubuh si mati sudah berada di peringkat peruraian atau pembusukkan awal (*early decomposition*). Mayat si mati telah terdapat artifak atau kesan-kesan bedah siasat pertama.

Tanda-tanda kecederaan si mati (kecederaan yang dilihat pada luaran jasad mayat dan disahkan melalui pemeriksaan dalaman – *dissection*)

- (i) Lebam pada sisi luar mata kiri – *left periorbital haematoma*.
Lebam berukuran 3×3 cm. SP12 merujuk pada Ekshibit P9 Gambar 18. Ekshibit P15 Gambar 8 juga dirujuk untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas.
- (ii) *Inner aspect of right upper eyelid*.
Lebam ini berukuran 0.2×0.2 cm. SP12 merujuk kepada Ekshibit P15 Gambar 7.

- (iii) *Haematoma, measuring 13 x 10 cm at the right temporo-periauricular area.* Ini bermaksud di kawasan kanan telinga dan bahagian atas kepala.
SP12 merujuk pada Ekshhibit P9 Gambar 35, 36 dan 3. Gambar 46 dan 47 juga terdapat sebahagian lebam berdekatan kawasan telinga. Ekshhibit P15 Gambar 91, 92 dan 93 boleh dilihat *collection of blood* berdekatan dengan telinga.
- (iv) *Haematoma measuring 12 x 6 cm at the right side of the chest below the nipple.*
Kesan lebam ini dinyatakan oleh SP12 boleh dilihat dengan mata kasar di bahagian dada si mati di Ekshhibit P15 Gambar 32. Ekshhibit P15 Gambar 71 menunjukkan kesan dari dalam semasa diseksi.
- (v) *A bruise, measuring 5 x 3 cm at the lateral aspect of right side of the chest.*
SP12 merujuk kepada Ekshhibit P9 Gambar 3. Ekshhibit P15 Gambar 74, 75, 76, 77, 80 dan 81 juga dirujuk dan dapat dilihat dengan jelas kesan lebam yang ditimpakan pada dada si mati.
- (vi) *A bruise, measuring 2 x 1 cm at antero-lateral aspect of distal end of the right forearm.*
Tiada gambar daripada bedah siasat pertama namun Ekshhibit P15 Gambar 15 dirujuk oleh SP12. Ekshhibit P15 Gambar 82 bedah siasat kedua lebih jelas menunjukkan kesan lebam tersebut. Walau bagaimanapun, SP12 berpendapat kebarangkalian yang tinggi kecederaan tersebut adalah daripada penggunaan gari.
- (vii) *A bruise, measuring 2 x 1 cm at the postero-medial aspect of distal end of the right forearm.*
SP12 merujuk Ekshhibit P9 Nombor 61 dan P15 Gambar 16 dan 18 serta Ekshhibit P15 Gambar 78 bedah siasat kedua adalah apabila SP12 membuka kulit si mati. Lebam ini adalah akibat

dari pada penggunaan gari kerana terdapat tekanan pada bahagian tersebut.

- (viii) *A bruise, measuring 1.5 x 1 cm at the postero-medial aspect of the distal end of left forearm.*
SP12 juga merujuk kepada Ekshibit P9 Gambar 60 dan Ekshibit P15 Gambar 28.
- (ix) *A bruise, measuring 5 x 5 cm at the back of the left wrist.*
SP12 merujuk kepada Ekshibit P15 Gambar 27 dan 84. Terdapat lebam di bahagian belakang tangan kiri si mati.
- (x) *A bruise measuring 2 x 1.5 cm at the second knuckle of the left hand.*
SP12 merujuk kepada Ekshibit P15 Gambar 27.
- (xi) *A bruise measuring 3 x 2 cm at the third knuckle of the left hand.*
SP12 merujuk kepada Ekshibit P15 Gambar 27.
- (xii) *Haematoma, measuring 15 x 3 cm of subcutaneous tissues at lateral aspect of the upper half of left thigh.*
SP12 merujuk kepada Ekshibit P15 Gambar 26.
- (xiii) *Haematoma, measuring 19 x 8 cm at antero-lateral aspect of the lower half of left thigh.*
SP12 merujuk kepada Ekshibit P15 Gambar 24 dan 25. Lebam dapat dilihat daripada bahagian atas dan sisi peha kiri.
- (xiv) *Haematoma, measuring 6 x 5 cm at the left knee.*
SP12 merujuk kepada Ekshibit P15 Gambar 14 dan 62. SP12 mengalihkan mayat si mati *up side down* untuk mendapatkan dapatan lebam di belakang betis si mati.
- (xv) *Haematoma, measuring 33 x 7.5 cm at left shin, left ankle and dorsum left of left foot.*
SP12 merujuk kepada Ekshibit P15 Gambar 62 dan 63. Gambar – gambar ini adalah *collection of blood* di belakang anggota bawah.

- (xvi) *Haematoma, measuring 13 x 4 cm at the back of left lower leg.*
Kcederaan ini hanya dikenalpasti semasa bedah siasat kedua dijalankan. SP12 merujuk kepada Ekshhibit P15 Gambar 42, 65 dan 66.
- (xvii) *Haematoma, measuring 8 x 7 cm at the right knee area.*
SP12 merujuk kepada Ekshhibit P15 Gambar 42, 21, 22 dan 72.
Haematoma tersebut jelas kelihatan di kawasan kanan lutut.
- (xviii) *Subcutaneous contusion with haematoma, measuring 30 x 9 cm of muscles at the front and lateral aspects of right lower leg.*
Semasa bedah siasat kedua, SP12 melakukan diseksi dengan lebih mendalam daripada bedah siasat pertama. Ekshhibit P15 Gambar 21 dan 68 dinyatakan oleh SP12 kelihatan lebih jelas lebam tersebut. Kcederaan Ekshhibit P15 Gambar 19 dan 20 adalah dapatan SP12 melalui diseksi yang lebih mendalam.
- (xix) *Haematoma measuring 8 x 8 cm of the muscle, middle third of postero-lateral aspect of left thorax.*
SP12 merujuk kepada P15 Gambar 47. Menurut SP12, *haematoma* ini hanya dapat dilihat melalui diseksi yang lebih dalam.
- (xx) *A collection of haematoma, measuring 7 x 6 cm of muscles at lower third of postero-lateral aspect of left thorax.*
Haematoma ini juga hanya dapat dikesan oleh SP12 semasa bedah siasat yang kedua.

Untuk kecederaan luaran pada si mati yang disahkan melalui diseksi, SP12 menyatakan bahawa untuk kecederaan Nombor 15, iaitu *haematoma* berukuran 33 x 7.5 cm di bahagian kaki (Ekshhibit P15 Gambar 27) *haematoma* ini dinyatakan sebagai *haematoma* terbesar jika dibandingkan dengan senarai kecederaan dan *haematoma* pada tubuh si mati yang lain.

Kcederaan nombor 15 ini adalah berpunca daripada trauma kekerasan objek tumpul. Kemungkinan besar si mati dipukul dengan menggunakan objek tumpul tetapi sememangnya kecederaan itu bukanlah akibat terjatuh.

Kcederaan kedua terbesar adalah kcederaan nombor 18. Kcederaan ini adalah akibat daripada pukulan objek tumpul dan bukan akibat terjatuh.

Hasil Pemeriksaan

Kepala

- (i) Tiada kecederaan di kulit kepala semasa proses pemisahan kulit kepala dan otak;
- (ii) Tiada *fracture* pada tengkorak;
- (iii) Tiada pendarahan dikesan di kawasan *meninges* (*three layers of protective tissue called the dura mater, arachnoid mater, and pia mater that surround the neuraxis*); dan
- (iv) Otak – Tiada luka atau pendarahan.

Mulut, Kerongkok dan Struktur Leher

Tiada kecederaan dikesan. Hanya perubahan pembusukkan “*decomposition*”.

- (i) Pemeriksaan pada leher, otot-otot leher menunjukkan pembusukkan tetapi tiada kecederaan dijumpai;
- (ii) Tulang survical 1-7 utuh (*intact*); dan
- (iii) Sangkar rusuk menunjukkan artifak bedak siasatan yang pertama dan tiada kesan kecederaan atau patah pada sangkar rusuk ditemui.

Toraks/Thorax

Tiada kecederaan ataupun penyakit dikesan kecuali di organ jantung. Organ jantung menunjukkan potongan akibat daripada bedah siasat yang pertama. Otot jantung yang diperiksa menunjukkan tanda-tanda pembusukkan. Salur darah koronari arteri kanan yang diperiksa masih terdapat kesan *sten*. Salur darah koronari kiri utama tidak tersumbat. Salur darah koronari arteri *left anterior descending* (LAD) telah terdapat hirisan-hirisan bedah siasat pertama.

Sebahagian daripada bahagian proksimal LAD telah diambil oleh SP11. Keratan pangkal LAD yang masih ada pada jantung menunjukkan

penyumbatan *moderate*. Salur darah koroner arteri (*left circumflex artery* - LCX) juga menunjukkan hirisan bedah siasat pertama. Bahagian proksimal LCX tiada. Namun, hujung proksimal keratan LCX itu menunjukkan penyumbatan hampir penuh yang boleh menyebabkan kematian.

Abdomen

Pemeriksaan pada organ *hepar* menunjukkan organ tersebut telah diperiksa kerana terdapat hirisan daripada bedah siasat yang pertama. Walau bagaimanapun, permukaan *hepar* tersebut menunjukkan tanda-tanda nodul yang bermaksud *hepar* ini adalah *hepar* yang *cirrhosis* (mengeras dipercayai akibat alkohol atau lain-lain sebab).

Saluran esofagus dan perut. Pemeriksaan menunjukkan terdapat kesan-kesan *varices* (pembengkakan salur darah vena) yang merupakan komplikasi daripada *chronic liver disease*. Terdapat *varices* yang telah runtuh. Ini menyebabkan pendarahan yang keluar dari hidung dan mulut. Ini adalah penyakit dan bukan disebabkan kecederaaan.

Tulang-Belulang

Tiada keretakkan atau kepatahan tulang yang dikesan pada *long bones*, *pelvis* dan *vertebrae*.

Keputusan Bedah Siasat

- (i) Lebam-lebam pada tubuh si mati merupakan lebam baru;
- (ii) Kecederaan pada tubuh si mati bukanlah ditimpakan oleh si mati sendiri mahupun terjadi secara kemalangan;
- (iii) Kecederaan pada tubuh si mati tidak mencukupi untuk menyebabkan kematian ke atas seorang lelaki dewasa yang sihat tetapi kecederaan ini sudah cukup untuk menyebabkan kematian memandangkan si mati mempunyai penyakit jantung; dan
- (iv) Punca kematian si mati adalah disebabkan *coronary artery disease with multiple blunt force*.

7.13 Elleyerance Hamid (SP13)

SP13 bertugas sebagai Penolong Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan Kapar, Klang. SP13 telah bertugas *on call* 24 jam pada tarikh 7 - 8 Februari 2017. Lebih kurang pukul 11.40 - 11.50 malam, SP13 telah menerima panggilan telefon daripada MCC HTAR dan telah dimaklumkan terdapat satu OKT telah pengsan di IPD Klang Utara.

Setibanya di sana, SP13 telah diiringi oleh seorang anggota polis sehingga ke luar sel yang terletak di Bahagian Siasatan Jenayah. SP13 mendapati pintu sel tersebut dalam keadaan terbuka dan terdapat seorang lelaki terbaring di dalam sel tersebut. Sel tersebut dalam keadaan gelap dan sumber pencahayaan hanyalah daripada lampu di luar sel tersebut. SP13 telah masuk ke dalam sel seorang diri untuk membuat pemeriksaan tanpa diiringi mana-mana anggota atau pegawai.

Berdasarkan ingatan SP13, si mati memakai baju berwarna ungu. Posisi si mati dalam keadaan mengiring dan berada di tengah-tengah sel dan tidak berada hampir dengan tembok. SP13 tidak mengubah kedudukan mayat si mati dan SP13 mengesahkan mayat si mati tidak berada dalam keadaan terbaring seperti dalam Ekhibit P17 Gambar 10. SP13 tidak ada melihat tanda-tanda lebam pada badan si mati namun ada melihat darah beku keluar daripada bahagian mulut dan terdapat darah kering pada hidung si mati.

SP13 telah menyentuh mayat si mati untuk memastikan sama ada si mati sedar atau tidak. SP 13 mendapati tiada denyutan dapat dikesan. Badan si mati juga berada dalam keadaan sejuk. SP13 telah menggunakan lampu suluh untuk melihat reaksi anak mata namun tiada tindak balas diberikan. Selain itu, badan si mati sudah dalam keadaan keras.

SP13 memaklumkan kepada pegawai polis yang berada di luar sel itu bahawa si mati sudah meninggal dunia. Selepas itu, SP13 membuat panggilan ke MCC HTAR mengenai pemeriksaan yang dilakukannya yang telah mendapati OKT tersebut telah meninggal dunia.

Selepas itu, SP13 telah mengisi borang (Ekshhibit P18) yang telah diserahkan oleh pegawai polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah. SP13 telah mengisi butiran seperti nama si mati dan juga nombor kad pengenalannya. Borang tersebut kemudiannya telah ditandatangani oleh seorang anggota polis, SP42 yang berada di situ pada ketika itu.

7.14 Gerard Lazarus a/l Percy John Lazarus (SP14)

SP14 merupakan peguambela mewakili si mati semasa permohonan reman di Mahkamah Majistret Klang pada 7 Februari 2017 .

Semasa SP14 berjumpa si mati buat kali pertama beliau melihat hidung dan mulut si mati berdarah. Sebelum proses reman berjalan, SP14 telah memberikan air mineral kepada si mati. Secara tiba-tiba si mati telah muntah dan darah keluar dari mulutnya. Darah tersebut telah mengenai tangan SP14 dan juga masuk ke dalam botol tersebut. SP14 juga melihat si mati mempunyai lebam pada muka, dahi, kawasan mata dan pipi dan memerlukan pertolongan untuk berjalan. SP14 diberitahu oleh SP17 dan SP1 bahawa si mati telah dipukul oleh pihak polis.

Semasa permohonan reman, SP15 kemudiannya bertanya kepada SP14 apa terjadi kepada si mati. SP14 memberitahu SP15 bahawa si mati telah dipukul oleh pihak polis. SP17 kemudiannya mengarahkan permohonan reman si mati dipanggil terlebih dahulu.

SP15 kemudiannya membuat keputusan menolak permohonan reman ke atas si mati bagi membolehkan si mati dibawa ke hospital. Menurut SP14, si mati hanya dibawa keluar selepas proses reman ke atas semua OKT selesai. SP14 juga menyatakan si mati telah diasingkan daripada OKT lain kerana si mati tidak boleh bangun berdiri. SP14 dimaklumkan oleh anggota pengiring bahawa si mati perlu dibawa balik ke balai. Anggota pengiring memaklumkan SP14 bahawa apabila tiba di balai nanti, keluarga si mati boleh mengambil si mati memandangkan permohonan reman terhadap si mati telah ditolak.

Lebih kurang pukul 4.00 petang, SP4 menelefon SP14 untuk memberitahu bahawa si mati masih belum dibebaskan lagi. Lebih kurang pukul 5.00 -

6.00 petang, SP2 memaklumkan SP14 melalui panggilan telefon bahawa si mati telah ditangkap semula. SP14 kemudian bercakap dengan seorang pegawai bernama Tuan Amirul dan SP14 dimaklumkan bahawa si mati telah ditangkap dan akan dihantar ke Shah Alam.

SP14 tidak berpuas hati apabila SP11 memberitahu SP14 bahawa kematian si mati adalah disebabkan sakit jantung dan SP11 tidak dapat menjelaskan apabila ditanya berhubung dengan kesan-kesan lebam di mulut si mati. SP14 kemudiannya menghubungi SP4 dan mencadangkan agar bedah siasat kali kedua dijalankan.

7.15 Puan Nik Nur Amalina binti Mad Zaidan (SP15)

SP15 merupakan Majistret yang mengendalikan permohonan reman ke atas si mati. Pada 7 Februari 2017, SP15 telah menjalankan prosedur reman yang bermula pukul 10.30 pagi di Mahkamah Majistret Jenayah.

Pada masa tersebut, terdapat lebih kurang 30 orang OKT. SP16 telah membuat permohonan reman ke atas OKT-OKT iaitu si mati, SP17, SP1 dan Kanapathy. Berdasarkan kepada catatan minit permohonan reman yang dibuat, pemohon adalah SP19 tetapi SP16 yang menggantikan SP19 dan OKT-OKT diwakili oleh SP14.

Berdasarkan minit permohonan reman terdapat 8 alasan telah dinyatakan untuk permohonan reman iaitu merakam percakapan OKT, merakam percakapan risikan, mengesan barang kes yang dilarikan semasa kejadian, menjalankan kawad cam terhadap suspek, mengesan senjata yang digunakan semasa kejadian, mengesan penglibatan suspek dalam kejadian jenayah yang lain, merujuk kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya dan menjalankan proses pertuduhan.

Menurut SP15 semasa kes dipanggil saksi akan dipanggil dan pemerhatian juga telah dibuat ke atas OKT-OKT. Pada masa tersebut semua OKT yang dipanggil telah berdiri kecuali si mati. SP15 tidak bertanya alasan si mati tidak berdiri tetapi SP14 telah menyatakan bahawa si mati telah dipukul dengan teruk. Semasa si mati dipanggil beliau seperti tidak sedarkan diri,

mata tertutup, tidak memberikan sebarang respon sewaktu nama dipanggil dan tidak berkelakuan seperti OKT yang lain.

Sepanjang prosedur permohonan reman si mati tidak membuka mata dan apabila namanya dipanggil si mati tidak menyahut. Disebabkan reaksi si mati yang sebegini, SP15 telah membenarkan si mati duduk dan perhatian yang lebih diberikan kepada si mati kerana keadaannya yang teruk.

SP15 tidak melihat si mati mempunyai pendarahan tetapi telah melihat mata dan muka si mati dalam keadaan bengkak. SP15 juga telah bertanyakan mengenai keadaan si mati kepada SP16 tetapi tiada jawapan diberikan. Permohonan reman ke atas si mati tidak dibenarkan. SP15 membuat keputusan untuk menolak permohonan reman kerana keadaan si mati yang teruk dan telah mengarahkan si mati untuk dibawa ke hospital.

Menurut SP15, sekiranya reman ditolak pihak polis seharusnya melepaskan OKT tersebut dengan kadar segera. Namun, terpulang juga kepada pihak polis sama ada untuk melepaskan sebaik sahaja reman tamat atau pun selepas selesai proses dokumentasi oleh pihak polis.

7.16 Sjn. Muhammad Nabil bin Abd. Manaf (SP16)

SP16 telah mengendalikan permohonan reman ke atas empat orang OKT iaitu SP17, si mati, SP1 dan Kanapathy pada 7 Februari 2017.

SP16 menyatakan bahawa pada malam 6 Februari 2017, SP16 telah mendapat pesanan melalui *WhatsApp* daripada SP19 memintanya untuk membantu mengendalikan prosiding reman (Ekhibit P23). Ini kerana SP19 tidak dapat hadir pada prosiding tersebut memandangkan SP19 mempunyai urusan lain. SP16 menyatakan bahawa Diari Penyiasatan reman (ID reman) dan alasan-alasan bagi permohonan reman telah disediakan oleh SP19.

Pada 7 Februari 2017, SP16 telah memanggil nama empat orang OKT SP19, namun hanya tiga orang OKT sahaja yang berdiri. SP16 menyatakan bahawa si mati tidak berdiri pada masa tersebut dan menyatakan bahawa sewaktu nama setiap OKT dipanggil, si mati memang telah tersandar pada

OKT yang berada di sebelahnya dengan meletakkan kepalanya di bahu OKT lain.

Si mati tidak memberikan respon dan berada dalam keadaan tidak bermaya dan lemah apabila namanya dipanggil. SP16 juga menyatakan bahawa mata si mati ketika itu lebam. SP16 telah mengemukakan permohonan reman kepada mahkamah dan menyatakan sebab-sebab permohonan seperti mana yang telah disediakan oleh SP19 dalam dokumen yang diberikan. Semasa prosiding permohonan reman, SP14 ada mengatakan kepada Majistret bahawa keempat-empat OKT telah dipukul.

SP15 bertanya kepada SP16 tentang dakwaan tersebut, namun SP16 tidak dapat memberikan jawapan kepada SP15 kerana SP16 hadir bagi pihak SP19 sahaja untuk membuat permohonan reman. SP14 telah membantah permohonan reman dan menyatakan bahawa 4 OKT termasuk si mati telah dipukul oleh pihak polis dan berada dalam keadaan sakit.

SP16 kemudiannya telah membalas kenyataan SP14 dan memohon kepada mahkamah untuk memberikan reman dengan alasan pengadu dapat mengecam suspek iaitu SP1 dan bukannya si mati. Namun, memandangkan si mati ditangkap bersama-sama SP1, andaian adalah si mati juga merupakan rakan subahat SP1. SP15 kemudiannya membenarkan permohonan reman ke atas tiga orang OKT, manakala permohonan reman ke atas si mati ditolak dan SP15 telah arahkan supaya si mati dibawa ke hospital.

Setelah selesai proses reman di mahkamah, SP16 telah memaklumkan kepada SP19 bahawa permohonan reman hanya dibenarkan ke atas tiga OKT sahaja, dan permohonan reman ke atas si mati telah ditolak. SP16 mengakui bahawa SP16 tidak memaklumkan kepada SP19 berhubung dengan arahan SP15 supaya si mati dihantar ke hospital dan SP16 telah memberi alasan bahawa beliau tidak memaklumkan tentang perkara tersebut kerana masa perbualan yang agak singkat.

Semasa SP16 mengambil OKT sekitar pukul 3.00 petang untuk dihantar ke Lokap Berpusat di Shah Alam, SP16 mendapati si mati berada di ruang

khas OKT dan dalam keadaan sedang bersandar. SP16 menyatakan bahawa ruang khas OKT dalam keadaan berkunci.

SP16 menyatakan bahawa semasa SP16 berada di IPD Klang Utara sekitar pukul 11.30 malam, keadaan telah mula kecoh kerana si mati dijumpai dalam keadan terbaring dan tidak bergerak. SP16 kemudian turun ke tingkat bawah menuju ke ruang khas OKT dan melihat si mati sedang terbaring keselorongan tanpa OKT-OKT lain. SP16 telah mengesahkan keadaan si mati sepetimana dalam Ekhibit P17 Gambar 9 dan kedudukannya seperti dalam Ekhibit P17 Gambar 10.

7.17 Tamilasan a/l Karapiyah (SP17)

SP17 merupakan pekerja si mati yang membantu si mati membuat *tyre recycling*. Menurut SP17, pada petang 6 Februari 2017, si mati telah menerima panggilan telefon daripada kawan si mati menyatakan bahawa minyak keretanya telah habis dan ingin meminta bantuan daripada si mati. Selepas itu, SP17 bersama-sama dengan si mati dan juga SP1 telah pergi ke Jalan Kapar menaiki kereta Perdana V6 bewarna *silver* yang dipandu SP17.

Semasa menuju ke Jalan Kapar melalui *Carrefour* Jalan Batu Belah, kereta mereka telah disuruh untuk berhenti oleh polis peronda yang menaiki motorsikal kerana tidak memakai tali pinggang keledar. Polis peronda tersebut telah meminta kad pengenalan dan lesen SP17 tetapi SP17 tidak mempunyai kad pengenalan kerana baru 13 hari keluar dari Penjara Sungai Buloh.

SP17, SP1 dan si mati telah diminta keluar oleh polis peronda tersebut bagi tujuan pemeriksaan badan dan kereta yang mereka naiki. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, telefon bimbit dan juga dompet SP17 telah dirampas. Pihak polis juga telah menjumpai satu pisau kecil yang dibungkus dengan kertas daripada *toolbox* yang berada di bahagian hadapan kerusi penumpang. Kemudian, lebih kurang 10 hingga 15 minit kemudian, 2 orang anggota polis lain tiba menaiki kereta peronda.

SP17 juga dalam keterangannya memberitahu bahawa mereka bertiga kemudiannya telah ditahan atas kesalahan tidak mempunyai kad pengenalan, kereta yang dinaiki mereka tidak mempunyai cukai jalan dan sebilah pisau telah dijumpai di dalam kereta tersebut. Tujuan mereka ditahan dan dibawa ke balai polis adalah untuk melakukan pemeriksaan selanjutnya. Sebelum mereka dibawa menaiki kereta peronda, tangan mereka telah digari.

SP17 juga turut memaklumkan bahawa semasa mereka diperiksa oleh polis peronda tersebut, adik si mati iaitu SP18 telah datang. Kemudian SP17 dan SP1 dibawa ke Balai Polis Bandar Baru Klang menaiki *patrol car* tersebut manakala si mati dibawa ke Balai Polis Bandar Baru Klang menaiki kereta Proton Perdana tersebut bersama-sama dengan pegawai polis.

Lebih kurang pukul 7.15 malam, SP17 dan SP1 tiba di Balai Polis Bandar Baru Klang manakala si mati tiba tidak lama kemudian. Kemudiannya, mereka dibawa ke satu tempat seperti lorong di belakang kaunter inkir. Kemudian, SP17 dan SP1 duduk di atas sebuah kerusi. Namun, si mati tidak duduk atas kerusi tersebut. SP17 juga memaklumkan bahawa, keluarga si mati iaitu isteri dan adiknya turut berada di luar Balai Polis Bandar Baru Klang semasa mereka ditahan.

Kemudian kumpulan polis yang pertama terdiri daripada 4 atau 5 orang pegawai polis masuk. Pada masa itu, SP17 dan SP1 sedang berdiri manakala si mati sedang duduk. Selepas SP17 disoal dan dipukul, pegawai-pegawai polis tersebut mula menyoal dan memukul si mati.

Menurut SP17 lagi, selepas itu kumpulan kedua yang terdiri daripada 2 orang anggota polis berbangsa India telah masuk dan menyoal mereka. SP17 turut mendakwa bahawa salah seorang daripada mereka berdua telah menumbuk dan menendang di bahagian dada serta menumbuk bahagian rusuk kiri si mati. Kemudian kumpulan ketiga yang terdiri daripada 3 orang Melayu telah masuk dan salah seorang daripada mereka telah menendang si mati.

SP17 telah membuat pengecaman dan memaklumkan bahawa SP25 adalah merupakan salah seorang anggota polis daripada kumpulan pertama. Manakala SP27 dan SP22 adalah merupakan anggota polis kumpulan kedua. Menurut SP17, SP22 telah bertanya kepada SP17 tentang kereta yang dipandu oleh SP17 adalah kepunyaan siapa dan SP17 telah menjawab bahawa kereta tersebut adalah kepunyaan majikannya.

Kemudian, SP22 mula menyoal si mati dan selepas itu SP27 memukul si mati. SP17 mendakwa SP27 telah menumbuk, menendang dan menampar si mati semasa soal siasat dilakukan. SP17 telah melihat si mati dipukul di bahagian dada, dan ditumbuk di bahagian rusuk kiri badan si mati. Menurut SP17, SP27 juga telah menampar si mati sambil berkata pada si mati "*luar you gangster dalam balai saya gangster*" dalam Bahasa Tamil. Semasa SP27 memukul si mati, pegawai dan anggota polis yang lain hanya melihat si mati dipukul.

SP17 dan si mati tidak menjerit semasa dipukul. Hanya SP1 sahaja yang menjerit "*sakit jangan pukul saya*" dalam Bahasa Tamil. Selepas soal siasat tersebut dijalankan, gambar SP17, SP1 dan juga si mati telah diambil menggunakan kamera *handphone*.

Menurut SP17, selepas gambar diambil, kumpulan ketiga yang terdiri daripada 2 orang pegawai polis berbangsa Melayu telah masuk. Salah seorang daripada pegawai polis tersebut telah bertanya kepada mereka bertiga siapakah Tamil dan SP17 telah memperkenalkan dirinya sebagai Tamil. Kemudian polis tersebut telah memukul SP17 dan juga si mati kerana si mati memberitahu bahawa kereta itu adalah kepunyaannya. Pegawai polis tersebut telah menyuruh si mati duduk dan diam. Setelah si mati duduk, pegawai polis tersebut terus menendang si mati sebanyak sekali. Manakala, pegawai polis yang satu lagi hanya memeriksa *handphone* kepunyaan SP17. Selepas itu, SP1 telah digari dan dibawa pergi oleh SP22.

Kemudian, ada seorang pegawai polis telah datang meminta kad pengenalan mereka. Kemudian SP17 tertidur kerana keletihan sementara menunggu untuk dibawa ke IPD Klang Utara. Si mati juga ada berkata

kepada SP17 bahawa dia hendak berbaring kerana kesakitan. Terdapat dua orang anggota polis yang menunggu mereka di meja berhampiran. Salah seorang daripada mereka adalah anggota daripada kumpulan yang pertama manakala yang seorang lagi yang mengambil butiran diri mereka.

Menurut SP17, tidak ada mana-mana anggota kumpulan pertama yang memukul si mati. Manakala, untuk kumpulan kedua hanya SP27 yang telah memukul SP17, SP1 dan juga si mati. Ketiga pula ialah salah seorang daripada 2 orang anggota polis berbangsa Melayu telah menendang dada si mati dengan kuat sehingga si mati jatuh terduduk.

Kemudian, SP17 bersama-sama dengan si mati telah dibawa ke IPD Klang Utara menaiki satu kereta yang mempunyai logo PDRM. SP17 telah membantu si mati untuk berdiri. Menurut SP17, si mati masih boleh berjalan tetapi dalam keadaan lemah lemah. Kemudian, si mati telah berjalan sendiri secara perlahan-lahan ke kereta sambil SP17 memegang sebelah tangan si mati dengan tangan bergari.

Semasa dalam perjalanan, SP17 memberitahu bahawa si mati telah batuk dan darah telah terpercik ke tangan SP17. SP17 mengetahui bahawa itu adalah darah kerana pada ketika itu SP17 duduk di sebelah si mati dan ianya boleh dilihat kerana disinari lampu jalan. SP17 telah memaklumkan kepada 2 orang anggota polis yang membawa mereka ke IPD Kang Utara. Anggota polis yang tidak memandu telah berkata “*padan muka*” kepada mereka. SP17 dalam keterangannya memberitahu bahawa si mati telah terbatuk 3 - 4 kali. Batuk kali pertama telah mengeluarkan darah.

Setibanya mereka di IPD Klang Utara, SP17 bersama dengan pemandu kereta tersebut telah membantu memapah si mati untuk berjalan. Pemandu kereta itu juga memberitahu SP17 bahawa dia akan menguruskan untuk si mati menerima rawatan.

Kemudian SP17 dan si mati telah dibawa masuk ke bilik D7. Dalam bilik tersebut SP17 dan si mati telah duduk atas lantai di tepi dinding sebelah tong sampah selama lebih kurang 20 minit. Dalam tempoh 20 minit tersebut tidak ada mana-mana anggota polis yang memukul mereka.

Selepas itu, maklumat diri SP17 dan si mati diambil kemudian mereka dimasukkan ke dalam ruang khas OKT. Gari mereka telah dibuka dan si mati berbaring di dalam lokap tersebut manakala SP17 berbaring dan tidur di dalam lokap tersebut. (SP17 dirujuk kepada Ekhibit P21 gambar 1-13 dan SP17 mengesahkan “lokap” tersebut adalah sama dengan ruang khas OKT).

Selepas SP1 dan Kanapathy dimasukkan ke dalam ruang khas, nama mereka telah dipanggil dan mereka telah digari untuk dibawa ke Lokap Berpusat Shah Alam. Menurut SP17, pada masa itu keadaan si mati adalah lemah. SP17 dan SP1 telah membantu si mati untuk berjalan dan menaiki van. Mereka bertiga telah digari rantai bersama tetapi berasingan dengan 4 orang OKT yang lain.

Sepanjang perjalanan si mati hanya menutup mata dan berbaring sahaja. Sampai di Lokap Berpusat Shah Alam, badan mereka termasuklah si mati tidak diperiksa oleh anggota-anggota polis di Lokap Berpusat tersebut. SP17 dan SP1 membantu untuk menukar baju dan seluar si mati memandangkan si mati tidak boleh berdiri. SP17 tidak perasan sama ada pada masa itu terdapat kesan lebam di badan si mati dan juga di badannya.

Selepas selesai menukar baju, mereka dibawa naik ke tingkat atas untuk dimasukkan ke dalam lokap. SP17 melihat mulut si mati sudah kering dan telah memaklumkan perkara tersebut kepada anggota polis yang bertugas untuk permohonan reman. Anggota polis itu memberitahu SP17 bahawa untuk memberitahu Mahkamah tentang keadaan si mati dan Mahkamah boleh menghantar si mati ke hospital.

Semasa hendak menaiki lori, si mati telah dibantu oleh OKT lain. Menurut SP17, lori yang membawa mereka ke Mahkamah tidak mempunyai kerusi. Oleh itu, si mati hanya berbaring di bawah di atas paha SP1. Si mati tidak berkata apa-apa tetapi SP17 ada memberikan air kepada si mati dan telah diminumnya.

Semasa prosiding reman, SP14 mengambil botol air mineral dan menyerahkannya kepada si mati. Menurut SP17, si mati tidak berdaya

untuk minum dan telah melihat ada darah si mati yang terlekat pada atas botol air mineral tersebut. SP14 seterusnya membawa botol air tersebut untuk ditunjukkan kepada SP15. Kemudian, SP15 telah membenarkan permohonan reman untuk SP17, SP1 dan juga Kanapathy selama 7 hari manakala permohonan reman si mati ditolak.

Setelah urusan permohonan reman tamat pada pukul 11.45 pagi, OKT tersebut telah dibawa keluar dan menaiki lori untuk ke lokap masing-masing. SP17, SP1, Kanapathy, si mati dan 3 OKT lain telah dibawa pulang ke IPD Klang Utara. SP17 dan beberapa OKT lain telah membantu si mati menaiki lori kerana si mati langsung tidak boleh berjalan kerana keadaannya yang bertambah teruk dan lemah.

Sepanjang perjalanan, si mati hanya berbaring sahaja dan tidak bergerak. Sampai di IPD Klang Utara, mereka berenam telah dibawa masuk ke dalam ruang khas. SP17 juga telah disuruh oleh seorang pegawai polis untuk meletakkan si mati di luar lokap dalam keadaan berbaring. Setelah SP17 masuk ke dalam lokap, SP17 tidak boleh melihat si mati tetapi hanya dapat mendengar suaranya sahaja.

Menurut SP17, pada lebih kurang pukul 12.00 tengah hari, mereka telah dibawa masuk ke dalam lokap dan SP17 telah tidur. Tiba-tiba SP17 telah terjaga dari tidur apabila terdengar suara dalam Bahasa Tamil bertanyakan “*ini siapa punya OKT apasal dia sudah terkencing*”. Kemudian SP22 telah datang ke lokap dan bertanya kepada mereka “*ini siapa punya case-mate ini?*” dan SP17 menjawab itu adalah *case-mate* SP17. Kemudian SP17 bersama-sama dengan SP1, Kanapathy dan 2 orang lagi OKT telah diarahkan keluar untuk pergi membersihkan si mati yang terkencing.

Kemudian, si mati diarahkan oleh seorang anggota polis untuk masuk ke dalam lokap. SP17, SP1, Kanapathy bersama-sama dengan 2 OKT lain telah mengangkat si mati untuk dibawa masuk ke dalam lokap. Kemudian, anggota polis yang sama juga telah mengarahkan mereka keluar dan mereka dipakaikan gari untuk dihantar ke Lokap Berpusat Shah Alam. Manakala si mati ditinggalkan di dalam lokap yang berkunci.

7.18 Kumar a/l M. Suppiah (SP18)

SP18 merupakan adik kepada simati. Pada 6 Februari 2017 beliau telah dimaklumkan oleh SP3 bahawa si mati telah ditangkap oleh polis di Jalan Batu Belah, Klang. Kemudian SP18 telah pergi ke tempat kejadian untuk berjumpa dengan si mati.

Apabila tiba di tempat kejadian, SP18 melihat si mati dalam keadaan bergari. SP18 memberitahu si mati telah lanjut usia dan meminta pihak polis membuka gari si mati. Anggota polis telah membuka gari si mati dan meminta SP18 datang ke Balai Polis Bandar Baru Klang.

Kemudiannya, SP18 telah pulang ke rumah bagi mengambil SP3 dan setelah itu terus menuju ke Balai Polis Bandar Baru Klang. Apabila tiba di Balai Polis Bandar Baru Klang hanya SP3 yang berjumpa dengan si mati manakala SP18 hanya menunggu di dalam lori.

Pada 7 Februari 2017, SP18 telah pergi ke mahkamah bersama SP3. Semasa proses reman dijalankan, SP18 melihat keadaan si mati agak teruk kerana terdapat darah pada mulut si mati. SP18 telah diarahkan oleh SP14 untuk membuat laporan polis setelah dimaklumi SP3 bahawa pihak polis enggan membebaskan si mati selepas melawat si mati di IPD Klang Utara.

Pada 8 Februari 2017, SP3 telah memberitahu SP18 bahawa si mati telah meninggal dunia dan SP3 telah pergi ke hospital untuk membuat pengecaman mayat.

7.19 Insp. Mohd Noor Husri bin Johari (SP19)

SP19 pada waktu kejadian merupakan pegawai penyiasat di Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara. SP19 ditugaskan untuk menyiasat satu kes samun bersenjata di bawah seksyen 397 / seksyen 395 Kanun Keseksaan yang mana si mati telah disyaki terlibat dalam kes tersebut. Pada 6 Februari 2017, SP19 telah menerima satu panggilan telefon daripada Balai Polis Bandar Baru Klang yang memaklumkan kepadanya bahawa 3 orang lelaki berbangsa India telah ditangkap kerana disyaki terlibat dalam kejadian samun yang berlaku pada 4 Februari 2017. SP19

kemudiannya telah meminta ketiga-tiga OKT termasuk si mati dihantar ke Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara.

Pada 7 Februari 2017, pukul 12.30 tengah malam, si mati dan SP17 telah diserahkan kepada SP19. Sewaktu penyerahan dibuat, SP19 dan SP33 telah menerima kunci kereta dan barang rampasan bersabit dengan tangkapan yang dibuat. Namun, SP19 menyatakan bahawa tandatangan di Borang Penyerahan Barang-Barang Kes (Ekhibit P12) bukan miliknya.

SP19 mengatakan bahawa sewaktu penerimaan tersebut, si mati berada dalam keadaan mabuk dan keletihan sehingga menyebabkan si mati tidak mampu untuk berdiri. SP19 mengetahui si mati berada dalam keadaan mabuk kerana SP19 tercium bau arak yang kuat datang daripada si mati. SP19 juga telah bertanya kepada si mati tentang kesihatannya, namun, si mati tidak menjawab dan hanya tunduk mendiamkan diri. Sewaktu perjumpaan tersebut, SP19 mendapati si mati berada dalam keadaan yang baik dan sihat serta tiada apa-apa kecederaan fizikal dapat dilihat pada badannya.

SP19 mengakui bahawa lokap atau ruang khas OKT di IPD Klang Utara adalah tidak berwarta dan ianya tidak boleh digunakan untuk meletakkan mana-mana orang yang telah ditahan. Ruang khas di IPD Klang Utara tersebut digunakan untuk meletakkan mana-mana OKT sebelum OKT tersebut dihantar ke Lokap Berpusat Shah Alam.

SP19 memaklumkan bahawa permohonan reman telah dibuat oleh SP16 di Mahkamah pada 7 Februari 2017. SP19 tidak membuat permohonan reman tersebut kerana SP19 mempunyai urusan keluarga yang tidak dapat dielakkan. Permohonan reman si mati yang ditolak telah dimaklumkan oleh SP16 kepada SP19 lebih kurang pukul 12.00 tengah hari. Namun demikian, si mati tidak dibebaskan dan sebaliknya telah dibawa pulang ke IPD Klang Utara.

SP19 kemudiannya memohon kepada SP28 agar si mati diberikan jaminan. Menurut SP19 lagi, beliau ada memaklumkan kepada SP28 bahawa reman terhadap si mati telah ditolak dan si mati berada dalam

keadaan tidak sihat. Walau bagaimanapun, SP28 telah mengarahkan SP19 untuk menangkap semula si mati dan disabitkan dengan kes lain. Selain itu, SP19 juga telah menerima pesanan *Whatsapp* daripada SP37 yang memaklumkan bahawa si mati tidak sihat dengan butiran pesanan “*Boss, Keling ni cmner. Semak aje dok kt bwh ni boss. Dh mcm nk mampos dh tgk*” (Ekshhibit P49(c)). SP19 kemudian membalaas mesej tersebut dengan menyatakan bahawa beliau akan cuba mendapatkan kebenaran untuk si mati dijamin daripada SP28. SP37 turut menghantar satu keping gambar si mati yang berada dalam keadaan mulut berdarah (Ekshhibit P49) kepada SP19.

SP19 kemudiannya telah memaklumkan dalam *WhatsApp Group JSJ command KLG U* dengan butiran seperti yang berikut “*Salam tuan..utk mkluman okt nama balakrishnan reman tolak kerana okt ada mslh ksihatan...mohon arahan Injut tuan memdngkan okt tsbut kini pngadu sakit di dalam lokap. Okt selain itu reman 7 hri*”. Perkataan ‘*tuan*’ dalam mesej tersebut adalah merujuk kepada SP28 dan ‘*balakrishnan*’ adalah kesilapan daripada SP19 yang mana SP19 ingin merujuk nama si mati, iaitu Balamurugan. Walau bagaimanapun, SP28 tidak memberi apa-apa maklum balas kepada SP19 sehingga pada pukul 4.39 petang barulah SP28 memberi arahan untuk menangkap semula si mati iaitu “*Tangkap sangkut lain dulu dan bawa pi reman semula*” (Ekshhibit P22(a)). Walau bagaimanapun, SP19 memaklumkan bahawa beliau tidak menerima apa-apa laporan polis berkait mana-mana kes lain daripada sesiapa pun untuk menangkap semula si mati.

Lebih kurang pukul 6.00 petang, SP19 telah ke IPD Klang Utara dan mendapati si mati masih lagi ditahan dan berada dalam keadaan terbaring di ruang hadapan pejabat detektif. Pada waktu tersebut, SP19 masih lagi menunggu laporan tangkapan yang baru daripada SP22 selepas dimaklumkan oleh SP22 bahawa SP25 akan membuat laporan tangkapan dan akan diserahkan kepadanya. Keterangan tersebut adalah berdasarkan Ekshhibit P24(f) dengan butiran “*bro fuad akan bagi no repot*”.

Menurut SP19, si mati kemudiannya telah diletakkan di dalam ruang tahanan khas OKT. Pada pukul 10.30 malam, sebelum SP19 balik ke rumah, SP19 telah singgah ke pejabat detektif dan melihat si mati dalam keadaan tidak berbaju di dalam lokap dalam keadaan tidur mengiring. SP19 kemudian telah memanggil nama si mati, namun si mati tidak menyahut panggilan SP19. SP19 kemudiannya meminta SP37 untuk membuka pintu lokap dan SP19 memegang kaki si mati namun masih tiada respon. Selepas itu, SP19 telah menghubungi SP28 untuk memaklumkan perkara tersebut. SP19 kemudiannya telah diarahkan untuk menghubungi Klinik Kesihatan Kapar.

SP19 telah membuat Laporan Polis SG KAPAR/000781/17 (Ekshibit P25) dan Laporan Polis SG KAPAR/000784/17 (Ekshibit P26) berkaitan dengan kematian si mati.

SP19 tidak mengetahui arahan dalam SOP Pengurusan Lokap 2014 yang menetapkan OKT yang dibawa ke mahkamah untuk menghadiri permohonan reman perlulah memakai pakaian ketika mereka ditangkap. SP19 mengakui tidak pernah melihat SOP tersebut tetapi mengakui pernah diberikan taklimat berkenaan dengan SOP tersebut.

7.20 ASP Harun bin Abu Bakar (SP20)

SP20 bertugas sebagai Ketua Polis Balai Bandar Baru Klang bermula 9 Januari 2017. Pada 6 Februari 2017, sewaktu dalam perjalanan balik ke rumahnya di Kuala Lumpur, lebih kurang pukul 7.35 - 7.45 malam, SP20 telah dihubungi oleh anggota Pejabat Pertanyaan, SP21 memaklumkan bahawa terdapat tangkapan yang telah dibuat oleh anggota URB dan telah dibawa balik ke Balai Polis Bandar Baru Klang. SP20 kemudiannya telah kembali semula ke balai dan tiba di sana lebih kurang pukul 8.30 malam.

Apabila tiba di balai, SP20 telah masuk ke kawasan di belakang pejabat pertanyaan dan melihat lebih kurang tiga hingga empat orang anggota polis dari Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Utara berada di sana. Selain itu, SP20 juga melihat dua orang pegawai polis iaitu SP22 dan SP27. SP20 tidak mengenali SP27 pada ketika itu.

SP20 juga melihat tiga orang lelaki berbangsa India dalam keadaan bergari sedang duduk di kerusi yang ditempatkan di ruang legar belakang pejabat dan beberapa orang anggota sedang bercakap dengan tangkapan tersebut. Kemudian, SP22 telah menghampiri SP20 dan memaklumkan bahawa tangkapan telah dibuat oleh anggota URB melibatkan kes curi dan samun kenderaan.

SP20 kemudian telah menghampiri mereka dan menyatakan kepada OKT bahawa beliau telah mengejar salah seorang daripada mereka di Jalan Goh Hock Huat lebih kurang dua hari lepas berkaitan dengan kes curi kereta. Namun, perkara tersebut dinafikan oleh SP17. Selepas itu, SP20 telah masuk ke pejabatnya.

Kemudian, SP22 telah masuk ke pejabat SP20 bersama dengan SP27. Mereka telah menceritakan penglibatan OKT dalam kes samun kenderaan sebelum meminta izin untuk keluar dari bilik untuk meneruskan tugas kerja. Sewaktu berada di dalam bilik, SP20 tidak mendengar apa-apa jeritan, bunyi pelik atau bunyi orang dipukul.

Lebih kurang 35 - 45 minit kemudian, SP20 telah keluar dari biliknya dan mendapati SP27, SP22 bersama-sama SP1 tidak lagi berada di dalam balai. SP20 telah dimaklumkan anggotanya bahawa SP22 telah membawa keluar SP1 bagi menjalankan siasatan lanjut.

SP20 turut melihat dua lagi OKT sedang duduk dan tidur. Kemudian, SP20 telah memanggil mereka dan mengarahkan mereka untuk bangun dengan nada suara yang kuat dan mereka telah tersedar dan bertanyakan tentang keadaan mereka. SP17 kemudiannya telah menjawab *okay* manakala seorang lagi yang sedikit tua hanya mengangguk sahaja. Selepas itu mereka telah tidur semula. Pada waktu tersebut, terdapat dua orang anggota Bahagian Siasatan Jenayah yang tidak beruniform berada di ruang legar belakang balai. Pada waktu tersebut juga, anggota yang membuat tangkapan berada di Bilik RCJ. Selepas itu, SP20 telah pulang ke rumah.

Pada mulanya SP20 tidak mengetahui bahawa pegawai dan anggota yang berada di balai tersebut adalah dari Cawangan Jenayah Berat (Cawangan D9). Sepanjang keberadaannya di balai, SP20 tidak tahu jika ada soal siasat yang dijalankan oleh mereka terhadap OKT tersebut. Sekiranya SP20 tahu anggota dan pegawai tersebut dari Cawangan D9, beliau akan melarang mereka daripada membuat soal siasat kerana Balai Polis Bandar Baru Klang tidak mempunyai bilik soal siasat yang diwartakan.

Anggota Pejabat Pertanyaan tidak membuat sebarang catatan tentang pergerakan tiga orang OKT tersebut di dalam Buku Perharian Balai Polis Bandar Baru Klang (Ekshhibit P30) kerana terlepas pandang kerana kesibukan melayani orang awam yang datang ke balai.

SP20 tidak melihat jika ketiga-tiga orang OKT tersebut berada dalam keadaan lemah, sakit atau mengalami apa-apa kesan lebam. Pada hari tersebut, SP20 tidak mengetahui SP1 ialah seorang yang bawah umur.

SP20 memaklumkan bahawa Balai Polis Bandar Baru Klang dilengkapi dengan empat kamera CCTV. CCTV tersebut tiada mempunyai keupayaan untuk merakam dan telah dipasang di dalam balai kerana ada anggota yang ‘tangan panjang. Sebahagian daripada CCTV tersebut dipasang dengan menggunakan wang sendiri dan sebahagian lagi didapati daripada premis-premis judi yang telah ditutup dan dilelong serta dipasang dengan izin pemilik premis perjudian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, tidak ada orang yang ditugaskan untuk memantau CCTV tersebut dan ianya dipasang untuk tujuan *dummy* sahaja.

7.21 L/Kpl. Mohd Farid bin Abdul Kadir (SP21)

SP21 merupakan anggota yang bertugas di Pejabat Pertanyaan Balai Polis Bandar Baru Klang. Pada 6 Februari 2017, SP21 bertugas sebagai anggota inkuiiri bersama-sama Konst. 197493 Zulamizan bin Mohd Noor.

Pada tarikh tersebut, terdapat kira-kira 4 orang anggota URB IPD Klang Utara telah membawa pulang 3 orang lelaki ke Balai Polis Bandar Baru Klang kira-kira sekitar pukul 7.15 - 7.25 malam. Dua orang daripada lelaki tersebut dibawa dalam keadaan tangan bergari manakala seorang lagi

yang berbadan besar tidak bergari. Ketiga-tiga OKT tersebut dilihat boleh berjalan. Tiada catatan dibuat berhubung dengan kemasukan tangkapan yang dibawa oleh anggota URB namun SP21 telah memaklumkan kepada SP20.

Selepas itu, terdapat kira-kira 4 orang anggota beruniform dari Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Utara telah datang ke Balai Polis Bandar Baru Klang lebih kurang pada pukul 7.30 - 7.45 malam. SP22 masuk bersama-sama dengan seorang lelaki berbangsa India iaitu SP27. Mereka terus masuk ke satu ruang taklimat di bahagian belakang kaunter enquieri yang mana terdapat bilik dengan pintu yang tertutup. SP21 tidak mendengar apa-apa bunyi daripada bilik tersebut kerana menumpukan perhatian kepada pengadu yang datang untuk membuat laporan polis.

SP20 tiba di balai polis tersebut kira-kira pada pukul 8.30 - 8.40 malam. kemudiannya terus masuk ke dalam bilik tersebut. Pada masa itu, pintu masih tertutup. SP21 tidak mendengar apa-apa bunyi atau jeritan selepas SP20 masuk ke dalam bilik itu. SP1 dibawa keluar oleh SP22 pada sekitar pukul 8.00 - 9.00 malam. SP17 dan si mati telah dibawa keluar dari bilik tersebut setelah 2 orang anggota dari Cawangan MPV IPD Klang Utara tiba di Balai Polis Bandar Baru Klang sekitar pukul 10.30 - 11.30 malam. Si mati pada ketika itu masih boleh berjalan.

7.22 Insp. Vickneswaran a/l Poobalan (SP22)

SP22 berumur 32 tahun dan kini bertugas sebagai Pegawai Bahagian D4 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah. SP22 telah ditugaskan sebagai Pegawai *Task Force* yang membuat risikan, operasi serbuan dan tangkapan untuk kes-kes yang melibatkan Bahagian D4, D7 dan D9 di IPD Klang Utara.

Pada 6 Februari 2017, lebih kurang pada pukul 7.10 malam, SP25 telah menerima panggilan telefon daripada SP26 yang memaklumkan bahawa SP17 telah ditangkap dan berada di Balai Polis Bandar Baru Klang. Setibanya di Balai Polis Bandar Baru Klang, SP22 telah dimaklumkan oleh anggota inkirai bahawa 3 OKT yang ditahan berada di dalam balai

SP22 juga menafikan bahawa terdapat kekerasan dilakukan ke atas 3 OKT tersebut semasa proses temu bual dijalankan. SP22 berinteraksi secara lembut dengan SP1 kerana ingin mengesan SP17. SP22 hanya bertanyakan kepada SP1 adakah beliau boleh menunjukkan kepadanya yang mana satu adalah SP17 dan SP1 telah memberikan kerjasama. SP22 hanya menemubual SP1 sahaja dan berada di Balai Polis Bandar Baru Klang selama lebih kurang 15 minit.

Menurut SP22, bunyi bising yang didengari terjadi kerana apabila 3 - 4 orang bercakap sesama sendiri di dalam bilik tersebut, sudah tentu bunyi suara mereka menjadi sangat kuat. SP22 hanya bertanyakan mengapa mereka membuat bising. Walau bagaimanapun, SP22 menafikan bunyi bising tersebut adalah akibat dari tindakan SP27 memukul ketiga-tiga orang OKT kerana beliau tidak melihat apa-apa kejadian memukul OKT.

SP22 juga dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau mempunyai pengetahuan mengenai permohonan reman terhadap si mati telah ditolak oleh mahkamah melalui *WhatsApp*. SP22 juga mengetahui terdapatnya arahan daripada SP46 untuk membuat tangkapan semula ke atas si mati setelah permohonan reman terhadap si mati ditolak oleh Mahkamah.

7.23 D/Sjn. Mohd Freddy Sany Abdullah (SP23)

SP23 bertugas sebagai seorang detektif di Cawangan D4 Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara. Pada 6 Februari 2017, SP23 mendapat arahan daripada SP22 untuk mengesan lelaki berbangsa India yang merupakan suspek kes samun di Klang Utara bersama-sama dengan SP22, SP24 dan SP25.

Pada pukul 7.45 malam, SP23, SP24 dan SP25 menuju ke Balai Bolis Bandar Baru Klang untuk memastikan sama ada OKT tersebut adalah suspek yang dicari mereka.

SP23 melihat si mati yang tidak bergari dan SP17 serta SP1 yang bergari berada di situ. SP23 telah melihat SP27 sedang bercakap dalam Bahasa Tamil dengan si mati. SP23 mengesahkan ketika itu SP25 sedang menemubual SP1.

SP23 mengesahkan bahawa beliau berada di ruang itu lebih kurang 25 minit. OKT berada dalam keadaan normal dan semasa di situ SP23 telah mendengar SP27 telah menengking OKT. Nada tersebut kedengaran agak tinggi dan SP23 menyatakan tahap ketinggian suara ialah ditahap antara 7/10 atau 8/10. SP23 tidak melihat insiden pukul memukul berlaku.

SP23 tidak mendengar sebarang jeritan dan mungkin kerana keadaan bilik kecil menyebabkan bunyi bising terhasil kerana semua orang sedang bercakap. Menurut SP23, sesiapa sahaja boleh membuat siasatan awal kepada OKT. Sekiranya terdapat pegawai bersama pada masa itu, anggota masih boleh melakukan soal siasat atas arahan pegawai.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, SP23 menyatakan bahawa soal siasat tidak berlaku dan hanya temubual sahaja dibuat dengan OKT. SP23 tidak mengetahui dakwaan SP1 dipukul dan ditumbuk kerana tidak ada insiden tersebut terjadi pada waktu itu.

Pada pukul 8.10 malam, SP23 telah keluar dan pada masa itu yang tinggal di situ ialah SP20, SP27 dan anggota-anggota siasatan. SP23 telah keluar bersama SP22 daripada Balai Bandar Baru Klang untuk menuju ke Banting. Kanapathy iaitu seorang lagi suspek berjaya ditangkap pada pukul 11.00 malam.

SP23 menyatakan bahawa ada membuat catatan keluar masuk di dalam buku sakunya (Ekshhibit P35). Walau bagaimanapun, catatan berkaitan SP1 tidak direkodkan pada masa yang sama dan hanya direkodkan selepas itu kerana tidak sempat untuk membuat catatan pada waktu kejadian. Terdapat kesilapan dalam Ekshhibit P35 kerana dalam rekod menyatakan telah keluar ke Banting pada pukul 7.00 malam namun SP23 mengesahkan semula telah keluar pada pukul 8.00 malam.

7.24 D/Sjn. Mohd Rizal bin Abdullah (SP24)

SP24 bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara. Pada 6 Februari 2017, pada pukul 3.00 petang, SP24 telah menerima satu arahan daripada SP22 melalui *WhatsApp* untuk mengesan satu kumpulan lelaki India yang disyaki terlibat dalam kes kejadian samun yang berlaku.

Lebih kurang pukul 7.15 malam, SP23, SP24 dan SP25 telah bertolak ke Balai Polis Bandar Baru Klang. Semasa sampai di balai, SP24 melihat 2 orang lelaki India iaitu SP1 dan SP17 sedang duduk di sebelah kiri dalam keadaan tangan bergari manakala si mati sedang duduk di atas bangku dengan tangan tidak bergari. Pada masa tersebut, SP20, SP27 dan SP26 telah berada di situ.

Menurut SP24, pegawai dan anggota di sana telah bertanya soalan kepada ketiga-tiga OKT. SP24 tidak bertanya soalan kepada si mati. SP24 hanya melihat SP27 membuat temubual terhadap si mati. SP24 telah melihat SP27 menjerit kepada si mati. Pada ketika itu, SP22 telah keluar dari bilik yang diduduki SP5 untuk membuat laporan tangkapan dan telah menegur bunyi bising tersebut. Kemudian, SP24 telah mengikuti SP22 membawa SP1 ke Banting bagi mengesan seorang lagi suspek.

7.25 D/Kpl. Mohd Fuad bin Bahadin (SP25)

SP25 merupakan anggota Cawangan D7, Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Utara. Pada 6 Februari 2017, SP25 telah ke Pandamaran lebih kurang pukul 3.00 petang kerana SP22 telah meminta bantuannya untuk mencari SP17. Pada waktu itu, turut berada bersama SP25 ialah SP23, SP 22, SP24 dan SP27. Lebih kurang pukul 6.00 petang, SP25 telah menerima satu panggilan telefon daripada SP26 yang memaklumkan bahawa SP17 telah ditangkap oleh anggota MPV dan URB.

Apabila SP25 bersama-sama SP23 dan SP24 tiba, SP22 dan SP27 telah pun berada di bahagian ruang legar di dalam Balai Polis Bandar Baru Klang bersama-sama dengan SP20 dan 6 hingga 7 orang anggota polis yang lain. SP25 dapat melihat si mati dalam keadaan tidak bergari manakala tangan SP17 serta SP1 bergari.

Pada waktu itu, SP22 dan SP27 berada berdekatan dengan ketiga-tiga orang OKT menemubual mereka. SP25 tidak memahami apa yang dibualkan kerana mereka bercakap dalam Bahasa Tamil dengan nada suara yang agak tinggi. SP25 dalam keterangannya memaklumkan tidak bercakap dengan SP17 dan tidak memukulnya. SP25 memaklumkan telah bertanyakan soalan kepada SP1 berkenaan rakannya yang masih bebas.

Sepanjang 20 hingga 30 minit SP25 berada di kawasan tersebut, SP25 tidak melihat apa-apa perkara yang tidak diingini berlaku. SP25 tidak mendengar apa-apa bunyi daripada ruang legar ketika berada di kaunter inkir walaupun pintu dalam keadaan terbuka. SP25 turut menyatakan bahawa tiada insiden OKT dipukul berlaku pada waktu itu. Selepas itu, lebih kurang pukul 8.15 malam, SP1 telah dibawa ke Banting bagi tujuan membantu untuk menangkap Kanapathy.

Selepas selesai, mereka telah bergerak pulang ke IPD Klang Utara. Kemudian, SP22 telah menghubungi anggota bertugas 24 jam untuk menghantar OKT-OKT ke Lokap Berpusat Shah Alam. SP25 tidak terlibat mengiringi OKT ke Lokap Berpusat Shah Alam walaupun berdasarkan catatan di Ekshhibit P37, tercatat nombor badan SP25 sebagai anggota yang mengiringi OKT ke Lokap Berpusat Shah Alam. SP25 memaklumkan kesilapan sedemikian berlaku kerana anggota 24 jam tidak membawa bersama mereka Borang Keluar Masuk OKT sewaktu OKT dihantar ke Lokap Berpusat Shah Alam. Oleh yang demikian, anggota sentri di Lokap Berpusat Shah Alam telah menggunakan Ekshhibit P32 yang mengandungi nama SP25 sebagai penerima repot dan telah menulis nama SP25 di Ekshhibit P37 Entri Siri No. 0347.

SP25 juga memaklumkan tidak menerima apa-apa arahan daripada mana-mana pegawai untuk memberikan laporan polis bagi tujuan membuat tangkapan semula terhadap si mati.

7.26 D/Kpl. Mohd Luqmanul Hakim bin Mukhtar (SP26)

SP26 merupakan anggota polis yang bertugas di Cawangan D4 IPD Klang Utara sejak akhir tahun 2015. SP26 mengenali si mati sejak daripada tahun 2011 iaitu sejak si mati menjalani perniagaan menarik kereta kerana si mati merupakan pemberi maklumat kepada SP26 berkaitan dengan kes kecurian kereta. SP26 mengetahui si mati pernah menjalani rawatan *angiogram* (rawatan jantung) sejak dari tahun 2016. Walau bagaimanapun, SP26 tidak mengenali SP17.

Pada 6 Februari 2017 pukul 6.50 petang, SP26 telah menerima satu panggilan telefon daripada SP18 yang memaklumkan tentang penahanan

si mati di Balai Polis Bandar Baru Klang tetapi tidak diberitahu oleh SP18 sebab penangkapan si mati tersebut.

Lebih kurang pukul 7.20 malam, SP26 telah menuju ke Balai Polis Bandar Baru Klang. Setibanya di sana, SP26 terus memasuki kawasan ruang belakang Balai Polis Bandar Baru Klang dan mendapati SP22 telah berada di sana bersama dengan 3 orang OKT termasuklah si mati. Selain itu, SP26 juga mendapati beberapa anggota URB dan anggota Balai Polis Bandar Baru Klang turut berada di sana tetapi tidak mengingati jumlah keseluruhan anggota-anggota tersebut. SP22, SP23, SP24, SP25 dan SP27 merupakan anggota polis berpakaian preman pada ketika itu.

Pada ketika itu juga, SP26 tidak memaklumkan kepada sesiapa pun bahawa si mati merupakan pemberi maklumatnya. SP26 mendapati tangan si mati tidak bergari dan sedang duduk berdekatan dengan SP27, manakala tangan SP1 dan SP17 berdiri dengan tangan bergari.

SP26 hanya memasuki perkarangan ruang belakang Balai Polis Bandar Baru Klang selama 10 minit sahaja dan sepanjang tempoh tersebut, SP26 tidak melihat sesiapapun menemubual ketiga-tiga OKT tersebut melainkan SP22 dan SP27. Namun begitu, SP26 tidak memahami butiran percakapan di antara SP22 dan SP27 serta OKT kerana ianya dibuat dalam Bahasa Tamil. SP26 menafikan terdapatnya kejadian pukul sepanjang SP26 berada di Balai Polis Bandar Baru Klang.

Pada pukul lebih kurang 8.00 malam, SP26 kemudiannya diarahkan oleh SP22 untuk membuat “*follow-up*” di Banting. SP26 telah menuju ke sana bersama dengan SP22, SP23, SP24 dan SP25 dengan menaiki 2 buah kereta dan telah berjaya menangkap seorang lagi suspek.

SP26 mengetahui si mati berada dalam keadaan sakit semasa ditahan tetapi beliau tidak pernah memberikan apa-apa cadangan untuk meminta supaya si mati dibawa ke hospital.

7.27 Insp. Mohoneswaran a/l Thigarajah (SP27)

SP 27 merupakan Pegawai Risikan Cawangan D9, Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Selatan bermula tahun 2013. Pada 6 Februari 2017, SP27 telah ke Balai Polis Bandar Baru Klang kerana semua OKT yang ditangkap terlibat dengan kes-kes lain yang turut disiasat oleh IPD Klang Selatan. SP27 tiba di Balai Polis Bandar Baru Klang bersama-sama dengan SP22, SP25 dan seorang lagi yang tidak dapat dipastikan.

SP 27 telah bertanya kepada si mati “*Orang tua you terlibat kes apa ini?*” dalam bahasa Tamil. Walaupun tidak mendapat jawapan, tidak ada apa-apa kekerasan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan tidak ada tuduhan dilemparkan ke atas si mati. Hanya itu soalan yang dikemukakan kepada si mati dan SP27 berpuas hati walaupun tiada jawapan diberikan.

SP27 tidak pernah menjerit atau meninggikan suara ketika bertanyakan soalan dan hanya bercakap dengan suara yang normal tetapi menggunakan nada yang tegas. SP27 tidak mengingati sama ada SP27 telah bersuara kuat kepada SP1, SP17 dan si mati atau tidak.

SP27 tidak melihat mana-mana anggota atau pegawai yang hadir menumbuk atau memukul si mati. SP27 juga menafikan ada menggunakan rotan dan paip getah semasa membuat soal siasat.

SP27 sedia maklum mengenai kecederaan yang dialami oleh si mati namun tidak pasti bagaimana kecederaan tersebut boleh terjadi kerana SP27 hanya berada di sana untuk tempoh 15 hingga 20 minit sahaja. Walau bagaimanapun, SP27 mengakui bahawa kecederaan-kecederaan tersebut boleh ditimpakan dalam masa beberapa minit sahaja.

Kehadiran SP27 di Balai Polis Bandar Baru Klang adalah untuk mengetahui penglibatan ketiga-tiga OKT dalam kes ini dan mengambil gambar mereka untuk diserahkan kepada pegawai atasan SP27. Walau bagaimanapun, SP27, gambar si mati tidak diambil kerana bukan orang yang disyaki.

7.28 ASP Norsanizam bin Haji Nordin (SP28)

SP28 merupakan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD) IPD Klang Utara bermula pada 1 April 2016.

SP28 telah dimaklumkan berkaitan dengan Ekshibit P10 oleh SP22 lebih kurang pukul 8.00 malam pada 6 Februari 2017. SP22 memaklumkan terdapat 3 orang yang telah ditangkap iaitu SP1, SP17 dan si mati. SP22 telah memaklumkan bahawa suspek utama untuk kes samun di Klang Utara telah dapat ditangkap. SP28 kemudiannya telah mengarahkan untuk SP22 bagi meneruskan siasatan dan melihat penglibatan OKT terhadap kes-kes lain.

Untuk tangkapan kes ini, pegawai penyiasat yang mengendalikan kes ialah SP19 namun SP19 tidak pernah memaklumkan apa-apa perkembangan siasatan kes kepada SP28.

SP28 menyatakan ruang khas di Bilik Detektif, Bahagian Siasatan Jenayah mempunyai jeriji besi namun tidak menyerupai lokap kerana saiz lokap yang lebih besar daripada ruangan tersebut. Namun tidak semua IPD mempunyai ruang seperti itu. Ruang khas tersebut juga tidak akan dikunci dari luar meskipun terdapat OKT di dalamnya.

SP28 menyatakan bahawa ruang khas tersebut tidak mempunyai POL.40 iaitu buku perharian balai. Namun, SP28 berpendapat bahawa Ekshibit P37 berbeza dengan POL.40 yang terdapat di lokap-lokap kerana Ekshibit P37 mempunyai perkara tambahan iaitu rekod keluar masuk dan cuti sakit detektif serta pegawai yang akan dicatatkan di dalam POL. 40. Sekiranya tidak ada ruang khas OKT di IPD Klang Utara, Ekshibit P37 tersebut tetap akan dibuka untuk kegunaan Bahagian Siasatan Jenayah.

Apabila dirujuk dengan Ekshibit P5A Gambar 11 yang menunjukkan ruang tersebut dalam keadaan berkunci, SP28 menyatakan pihak pengurusan Bahagian Siasatan Jenayah tidak menyediakan kunci dan mangga. Anggota dan pegawai tidak boleh menggunakan kunci dan mangga mereka sendiri untuk mengunci ruang khas tersebut. SP28 berpendapat

berkemungkinan kunci dan mangga tersebut adalah milik mana-mana pegawai dan anggota Bahagian Siasatan Jenayah.

Menurut SP28, apabila beliau membuat lawatan ke ruang khas tersebut, beliau mendapati bahawa ruangan tersebut dalam keadaan tidak berkunci dan terdapat anggota 24 jam *stand by* di bilik tersebut. SP28 menyatakan bahawa anggota yang bertugas boleh dianggap sebagai anggota sentri.

Ruang khas tersebut hampir bersifat seperti lokap namun OKT tidak boleh ditahan selama 24 jam di ruang tersebut. Hal ini kerana ruang tersebut bersifat lebih kepada tempat transit OKT. SP41 semasa di dalam mesyuarat telah memberikan kebenaran untuk ruang tersebut dijadikan sebagai tempat transit OKT. Menurut SP28, maksud tempat transit dalam hal ini ialah tempat tahanan sementara OKT daripada Mahkamah atau penjara sebelum mereka dihantar semula ke destinasi mereka.

SP28 pernah melihat dan mempunyai pengetahuan mengenai Ekshibit P40 sejak berkhidmat di IPD Klang Utara. Pada perenggan 19.3 Ekshibit P40 menyatakan bahawa OKT perlu dihantar ke Lokap Berpusat Shah Alam semula selepas pukul 6.00 petang. OKT yang ditangkap selepas pukul 6.00 petang hendaklah terus dihantar ke lokap berpusat. SP28 memberitahu bahawa arahan ini telah dimaklumkan kepada pegawai dan anggota di Bahagian Siasatan Jenayah.

Dalam kes si mati, berlaku pelanggaran terhadap perintah di dalam Ekshibit P40 namun SP28 menyatakan bahawa fakta yang si mati berada di ruang khas tersebut selepas pukul 6.00 petang adalah di luar pengetahuannya. SP28 menyatakan bahawa tiada mana-mana pegawai yang mengarahkan untuk meletakkan si mati di ruangan khas tersebut dan berkemungkinan SP19 yang meletakkan si mati di ruangan khas tersebut.

SP28 tidak bertanya jika ada mana-mana pegawai yang meletakkan si mati di dalam ruang khas tersebut. SP28 telah menjalankan siasatan dan mendapati anggota Cawangan Pengiring yang telah meletakkan si mati di dalam ruang khas tersebut.

Menurut SP28, SP19 tidak memberi apa-apa pemakluman berkaitan dengan permohonan reman si mati. SP19 juga tidak memaklumkan telah keluar daerah untuk ke Kuala Lumpur bagi menguruskan ibu bapanya. SP28 tidak mengetahui bahawa SP16 telah menggantikan SP19 untuk menguruskan permohonan reman si mati dan 3 yang lain di Mahkamah.

Kali pertama SP28 mengetahui si mati dalam keadaan sakit adalah menerusi perbualan SP19 dengan SP38 di dalam *WhatsApp Group JSJ command KLG U* lebih kurang pukul 12.00 tengah hari pada 7 Februari 2017 iaitu “*Salam tuan...utk mkluman okt nama Balakrishnan reman tolak kerana okt ada mslh ksihatan..mohon arahan Injut tuan memdngkan okt tersebut kini pngadu sakit di dalam lokap. Okt selain itu reman 7 hari*” (Ekshibit P24(a)).

Lebih kurang pukul 2.00 petang, SP38 telah mengeluarkan arahan untuk si mati dibawa ke hospital iaitu “*bawak pi hospital..*” (Ekshibit P24(n)). Menurut SP28, beliau sendiri tidak memberikan arahan kerana sudah ada sistem dimana pegawai penyiasat kanan sendiri akan berurusan dengan hal-hal seperti ini. Sekiranya terdapat apa-apa maklum balas, pegawai penyiasat kanan akan berhubung dengan SP38.

SP28 tidak membuat apa-apa membuat tindakan susulan sama ada si mati telah dihantar ke hospital kerana berpendapat bahawa tugas dan tanggungjawab tersebut telah dikendalikan dan diserahkan kepada SP19 selaku pegawai penyiasat kes si mati. Tambahan pula, SP38 tidak memberi apa-apa pemakluman kepada SP28.

SP28 tidak mengambil kira keadaan si mati yang sedang nazak sewaktu mengeluarkan arahan tangkapan semula menerusi Ekshibit P22(a) pada pukul 4.39 petang. Hal ini kerana, SP28 beranggapan arahan SP38 pada Ekshibit P24(n) pada pukul 2.00 petang untuk menghantar si mati ke hospital telah pun dilaksanakan oleh SP19. Tambahan pula, Majistret juga telah mengeluarkan arahan untuk si mati dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Arahan tangkapan semula juga dikeluarkan dengan pengetahuan permohonan reman si mati juga telah ditolak oleh Mahkamah. Tambah SP28 lagi, permohonan tangkapan semula itu dibuat oleh SP19 sendiri.

Menurut SP28, pemakluman untuk si mati yang dalam keadaan sakit juga tidak dibuat secara serius dan tiada kesungguhan dalam memberikan pemakluman kepadanya oleh SP19. Sekiranya pemakluman diberikan secara serius kepadanya, maka tindakan drastik akan diambil oleh SP28.

SP19 hanya memberi pemakluman berkaitan dengan permohonan reman ditolak kerana si mati sakit lebih kurang pukul 4.00 petang 7 Februari 2017 melalui aplikasi *Whatsapp* (Ekhibit P22).

SP19 kemudiannya telah memohon arahan daripada SP22 sama ada untuk membuat tangkapan semula atau memberi jamin (Ekhibit P22). Pada waktu itu, SP28 tidak mengetahui sama ada SP19 telah melihat sendiri keadaan si mati yang sedang sakit.

SP28 kemudiannya telah dimaklumkan oleh SP22 bahawa si mati ini mempunyai satu kes lain di mana seorang pengadu warganegara Vietnam telah disamun keretanya dan telefon bimbit di Bandar Baru Klang. Oleh yang demikian, SP28 telah mengarahkan SP19 untuk membuat tangkapan semula terhadap si mati. Hal ini berikutan SP19 juga merupakan pegawai penyiasat bagi kes melibatkan pengadu warganegara Vietnam. Namun, SP19 tidak ada membuat sebarang laporan tangkapan baru sehinggalah kematian si mati.

SP28 memaklumkan bahawa ianya satu kebiasaan untuk membawa OKT pulang ke IPD Klang Utara walaupun permohonan reman ditolak disebabkan untuk proses menukar pakaian dan mengambil barang-barang OKT di lokap.

SP28 tidak pasti sama ada pakaian si mati dijadikan barang kes atau tidak berikutan isu si mati memakai pakaian lokap sewaktu dibawa ke mahkamah. Namun, menurut SP 28 isu ini diluar pengetahuannya dan tindakan memakai pakaian lokap kepada OKT adalah kerana Lokap

Berpusat Shah Alam akan menyimpan pakaian OKT. Tujuan dipakaikan pakaian lokap kerana untuk keselesaan dan keselamatan OKT.

Selepas arahan tangkapan semula diberikan, SP19 tidak memberi sebarang pemakluman kepada SP28 sehinggalah pada malam tersebut di mana SP19 memberitahu bahawa si mati dalam keadaan tidak sedarkan diri di dalam ruang khas tersebut.

SP28 kemudiannya telah memberikan arahan supaya SP19 berhubung dengan pihak hospital untuk satu pemeriksaan dilakukan. Selepas itu, SP28 telah pergi ke ruang khas tersebut dan melihat si mati dalam ruang khas dalam keadaan masih berbaju.

SP28 telah tiba bersama dengan SP13 dan telah melihat pemeriksaan dilakukan oleh SP13. Apabila dirujuk kepada Ekhibit P17 Gambar 11 dan 12, SP28 memaklumkan bahawa pakaian si mati berkemungkinan telah dibuka oleh SP13. SP13 selepas itu telah memaklumkan kepada SP28 bahawa si mati telah meninggal dunia. SP28 kemudian telah menghubungi SP29. SP29 telah tiba dalam lingkungan pukul 3.00 – 4.00 pagi. Selepas itu, SP28 telah mengarahkan agar Laporan Mati Mengejut atau *Sudden Death Report* (SDR) dibuka oleh SP46. SP28 sedia maklum akan hasil bedah siasat pertama dan kedua mengenai kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati.

Berkaitan *monitoring line*, SP28 telah mengakui kegagalan mekanisme tersebut disebabkan oleh sikap anggota dan pegawai kerana beberapa peristiwa seperti arahan untuk ruang khas tidak dikunci, arahan untuk si mati dibawa ke hospital dan arahan untuk laporan polis untuk mengaitkan si mati diserahkan tidak dipatuhi oleh mana-mana pegawai dan anggota Bahagian Siasatan Jenayah.

SP28 memaklumkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam siasatan SDR walaupun SP46 dan SP19 bertugas di satu IPD yang sama dan selalu berkomunikasi. Hal ini kerana, SP19 bukanlah dibawah seliaan SP46. Tambahan pula, SDR tersebut dipantau oleh IPK Selangor.

7.29 Tuan Ahmad Azhari bin Abdul Hamid (SP29)

SP29 merupakan seorang Hakim Mahkamah Sesyen di Mahkamah Sesyen Shah Alam dan juga bertugas sebagai Koroner sejak tahun 2014.

Pada pukul 3.00 pagi, 8 Februari 2017, SP29 telah menerima panggilan telefon daripada SP28 yang memaklumkan mengenai kematian seorang lelaki berbangsa India di lokap IPD Klang Utara. SP29 tiba di IPD Klang Utara lebih kurang pukul 5.00 pagi dan kemudiannya terus dibawa ke ruang lokap yang menempatkan si mati. SP29 menyatakan bahawa beliau tidak dimaklumkan mengenai latar belakang OKT yang mati tersebut sebelum beliau masuk ke ruang yang menempatkan si mati.

Menurut SP29, kawasan lokap tersebut adalah terang kerana disinari dengan lampu kalimantang dan beliau boleh melihat dengan jelas keadaan di tempat itu. Menurut SP29 lagi, terdapat kesan darah antara bahagian hidung dan mulut si mati. SP29 menyatakan semasa pemeriksaan fizikal dibuat, beliau tidak menemui apa-apa kecederaan pada tubuh badan si mati melainkan kesan darah kering di kawasan hidung dan mulut si mati. Anggaran masa yang diambil oleh SP29 untuk memeriksa mayat adalah lebih kurang 30 minit.

SP29 mengakui telah menandatangani Ekshibit P41, namun butiran di Ekshibit P41 tidak diisinya. SP29 memaklumkan bahawa berkemungkinan beliau hanya menandatangani borang yang kosong sahaja. SP29 memaklumkan telah menandatangani Ekshibit P41 sewaktu beliau membuat pemeriksaan terhadap si mati di IPD Klang Utara.

Selepas selesai pemeriksaan mayat, SP29 telah mengarahkan agar pihak polis membawa si mati ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang untuk tujuan bedah siasat.

7.30 Kpl/S. Ridhwan bin Mohammad (SP30)

SP30 merupakan seorang anggota MPV yang bertugas di IPD Klang Utara. Pada 6 Februari 2017, lebih kurang pukul 10.55 malam, SP30 telah menerima arahan daripada Bilik Gerakan IPD Klang Utara untuk mengiringi OKT ke IPD Klang Utara daripada Balai Polis Bandar Baru Klang.

SP30 memaklumkan OKT berjalan masuk ke dalam kenderaan MPV berduaan dalam keadaan tangan bergari di depan menggunakan satu gari dan tidak perlu dipapah. SP6 dan SP5 mengiringi OKT masuk ke dalam kenderaan MPV dan OKT masih digari sewaktu di dalam kereta. Sepanjang perjalanan OKT hanya tidur dalam keadaan berdengkur.

SP30 memaklumkan apabila tiba di IPD Klang Utara, SP30 dan SP31 telah mengejutkan OKT dari tidur. SP30 turut menyatakan bahawa kedua-dua OKT boleh berjalan dengan sendirinya dan tidak mabuk kerana boleh berjalan secara normal. SP30 tidak nampak sebarang pemeriksaan dibuat terhadap OKT tersebut oleh anggota yang menerima OKT.

7.31 L/Kpl. Mohd Taufik bin Awang (SP31)

SP31 merupakan anggota polis Cawangan MPV IPD Klang Utara. SP31 memaklumkan bahawa pada 6 Februari 2017, lebih kurang pukul 10.50 malam, SP31 bersama-sama dengan SP32 telah mengiringi 2 OKT dari Balai Polis Bandar Baru Klang ke IPD Klang Utara. Sewaktu berada di dalam kereta, kedua-dua OKT tersebut telah ditempatkan di bahagian belakang dan tangan mereka digari secara bersilang.

Lebih kurang pukul 11.15 malam, mereka tiba di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Utara dan kedua-dua OKT telah diserahkan kepada anggota yang bertugas. kemudiannya OKT-OKT tersebut telah dimasukkan ke dalam lokap tahanan sementara.

Berkaitan dengan buku saku, SP31 dalam keterangannya memaklumkan bahawa beliau hanya menulis pergerakan keluar masuk tugas sahaja. Tugas mengiringi OKT dari Balai Polis Bandar Baru Klang ke IPD Klang Utara tidak dicatatkan di dalam buku sakunya (Ekshhibit P43).

7.32 D/Kpl. Mohd Reduwan bin Musa (SP32)

SP32 bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara dan telah berkhidmat dengan PDRM bermula tahun 2005. Pada 6 Februari 2017, SP32 bertugas sebagai anggota *stand by* 24 jam bersama SP33 dan SP26.

SP32 menyatakan bahawa anggota yang menerima si mati dan OKT lain ialah SP33. SP32 mengesahkan bahawa IPD Klang Utara merupakan bangunan rumah kedai dan tidak mempunyai lokap khas yang diwartakan. Ruang khas tersebut boleh menempatkan lebih kurang 7 - 8 OKT dalam satu-satu masa.

SP32 juga mengesahkan bahawa pergerakan keluar masuk OKT di ruang khas tidak akan direkodkan di dalam *Station Diary* atau di mana-mana dokumen yang lain. SP32 memaklumkan bahawa Buku Perharian Rasmi digunakan oleh Bahagian Siasatan Jenayah, namun buku tersebut tidak berada di bilik *standby* 24 jam dan hanya berada di Pejabat Pentadbiran yang lokasinya berada di tingkat atas.

SP32 mengesahkan bahawa beliau yang menyediakan Borang Keluar Masuk OKT (Ekshhibit P44) dan telah memberikan arahan kepada SP33 untuk mengeluarkan OKT ke lokap secara bergari dengan gari jenis berantai selepas P44 ditandatangani olehnya. Walau bagaimanapun, si mati dipakaikan gari *single* kerana SP32 mengesyaki si mati berada dalam keadaan mabuk berdasarkan kepada bau mulutnya. Oleh itu, si mati telah diasingkan daripada OKT yang lain kerana dikhuatiri akan membahayakan OKT-OKT lain.

SP32 yang memandu van untuk membawa semua OKT ke lokap dan pada masa itu semua OKT berada di belakang manakala SP33 berada di sebelahnya.

SP32 mengetahui mengenai SOP penggarian. Namun begitu, SP32 tidak pasti sama ada van yang dinaiki itu diwartakan sebagai kenderaan yang dibenarkan untuk membawa OKT atau tidak.

Setelah sampai di lokap, OKT telah diserahkan kepada anggota yang bertugas di bahagian tempat penerimaan OKT iaitu SP34. Namun, SP32 tidak memberikan apa-apa dokumen kepada SP34 kerana terlupa membawa Ekshhibit P44. SP34 hanya memohon salinan 3 laporan tangkapan yang berkaitan dengan 6 orang OKT yang mengandungi nama mereka.

SP32 memaklumkan bahawa beliau tidak tahu nama siapa yang direkodkan dalam Ekshhibit P37 semasa penghantaran OKT kerana SP32 terlupa untuk memberikan identiti diri sebagai anggota pengiring bersama dengan SP33. Walau bagaimanapun, SP32 menyatakan bahawa beliau telah merekodkan pergerakan kerja di dalam buku saku miliknya (Ekshhibit P45).

7.33 L/Kpl. Faizul Azmi bin Maliki (SP33)

SP33 merupakan anggota Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Utara. Pada 6 Februari 2017, SP33 bertugas sebagai anggota *standby* 24 jam.

Lebih kurang pukul 11.00 - 12.00 tengah malam, SP33 telah menerima 2 OKT berbangsa India daripada 2 orang anggota URB. Kedua-dua OKT dilihat tidak mempunyai apa-apa masalah namun si mati berbau arak. Walau bagaimanapun, si mati boleh berjalan sendiri tanpa perlu dipapah.

SP33 tidak membuat pemeriksaan badan melalui sentuhan sebaliknya hanya melihat tubuh badan si mati tersebut. Si mati telah menjawab "OK" apabila ditanya dengan keadaannya oleh SP33.

Semasa penyerahan OKT dibuat, anggota URB menyerahkan Borang Serah Menyerah (Ekshhibit P12) beserta satu bungkusan plastik berwarna biru. SP33 telah menandatangani Ekshhibit P12 tersebut. Walau bagaimanapun, nama OKT yang terlibat tidak ditulis pada Ekshhibit P12.

Menurut SP33, SP19 telah tiba di situ beberapa minit kemudian. SP33 mengenali SP17 dan si mati dengan berdasarkan kepada laporan polis tangkapan. SP19 telah mengarahkan SP33 untuk membawa OKT ke belakang dan SP33 yang menguruskan penghantaran OKT ke Lokap Berpusat Shah Alam.

Selepas OKT dihantar ke bahagian belakang, SP33 menyediakan P44 dan sedang menunggu 2 lagi OKT. SP33 telah melihat si mati dalam keadaan tidur sewaktu di dalam ruang khas dan SP33 pasti si mati sedang tidur kerana dapat mendengar bunyi berdengkur yang agak kuat.

Dua lagi OKT iaitu SP1 dan juga Kanapathy diterima daripada SP22 lebih kurang pukul 2.00 - 2.15 pagi. SP33 dan SP32 telah bergerak ke Lokap Berpusat Shah Alam pada pukul 3.00 – 3.15 pagi dan SP33 telah mengambil OKT-OKT dari bahagian belakang dan digari secara berantai. Menurut SP33, atas budi bicara SP33 dan SP32 si mati telah digari berasingan kerana kelihatan tidak bermaya. Si mati berjalan di belakang sekali sewaktu hendak masuk ke dalam van.

Selepas sampai di Lokap Berpusat Shah Alam SP33 dan OKT telah berjalan seiring manakala si mati berjalan di belakang dengan perlahan. OKT telah diserahkan untuk dibawa naik ke aras atas yang menempatkan lokap bagi IPD Klang Utara. Selepas membuat penghantaran OKT, SP33 telah pulang ke IPD Klang Utara.

7.34 Kpl. Muszanzizam bin Mustaffa (SP34)

SP34 merupakan penyelia aras bawah Lokap Berpusat Shah Alam. Pada 7 Februari 2017, SP34 bertugas dari pukul 12.00 tengah malam - 8.00 pagi. Pada pukul 3.30 pagi, beliau telah menerima 6 orang OKT daripada IPD Klang Utara. Semasa penyerahan OKT tersebut, terdapat 3 orang lagi anggota bersama SP34 iaitu Kpl. Mohd Fauzi, L/Kpl. Malsius dan Kpl. Mohd Hamizan.

SP34 telah membenarkan OKT tersebut dimasukkan ke dalam lokap dengan menggunakan budi bicaranya meskipun pada ketika itu anggota pengiring OKT tidak membawa Borang Keluar Masuk OKT. Hal ini disebabkan oleh anggota pengiring tersebut telah berjanji untuk menghantar Borang Keluar Masuk OKT pada keesokkan paginya. Kemasukan OKT tersebut hanya berpandukan kepada laporan polis yang dibuat ke atas kesemua OKT tersebut.

SP34 menyatakan bahawa, pada ketika penerimaan OKT tersebut, SP34 melihat salah seorang OKT iaitu si mati telah digari berseorangan. Si mati berada dalam keadaan menggigil dengan kuat. SP34 ada bertanyakan kepada si mati berhubung dengan keadaannya. Walau bagaimanapun, soalan beliau dijawab oleh rakan si mati yang menyatakan bahawa si mati sedang ketagihan arak.

SP34 tidak mengetahui sama ada kesemua OKT tersebut ditempatkan di dalam sel yang sama atau tidak. Namun begitu, beliau ada memaklumkan kepada L/Kpl. Halim tentang terdapatnya 2 OKT juvana dalam kalangan 6 OKT tersebut.

7.35 ASP Mazhar bin Mohamad (SP35)

SP35 mula bertugas sebagai Ketua Lokap Berpusat Shah Alam sejak tahun 2012. SP35 mempunyai tugasan luar pada 7 Februari 2017 dan tidak mengetahui berkaitan kemasukan 6 OKT tanpa sebarang Borang Keluar Masuk pada hari tersebut.

SP35 telah dirujuk kepada rakaman CCTV (Ekhibit P48). SP35 mengesahkan bahawa si mati tiba di lokap pada pukul 3.30 pagi pada 7 Februari 2017. Si mati dilihat berjalan sendiri tanpa bantuan mana-mana rakan dalaman rakaman CCTV tersebut. SP35 menegaskan bahawa OKT akan diperiksa terlebih dahulu dan borang POL. 56 akan diisi.

Walau bagaimanapun, apabila dirujuk dengan rakaman CCTV di mana si mati dibawa masuk terus ke meja kaunter anggota sentri dan kemudiannya dimasukkan ke sel sementara tanpa sebarang pemeriksaan fizikal. SP35 menjelaskan bahawa pemeriksaan fizikal akan dibuat di Bahagian Inkir untuk melihat sebarang kecederaan. Sekiranya pemeriksaan mendapati OKT tidak mempunyai kecederaan maka OKT akan dibenarkan masuk dan anggota sentri akan memantau proses menukar pakaian di sel sementara.

Walau bagaimanapun, melalui rakaman CCTV, didapati tidak ada anggota memantau semasa si mati menukar pakaian dan SP35 menjelaskan ia adalah kelemahan anggota yang bertugas. Kelemahan tersebut dikira sebagai ketidakpatuhan.

SP35 ketika dirujuk dengan pakaian si mati yang dilihat sudah siap memakai pakaian lokap berwarna ungu sedangkan OKT lain yang tiba bersama beliau masih memakai pakaian asal semasa ditangkap, SP35 menyatakan berkemungkinan si mati telah menukar pakaian di bilik dobi di bahagian tengah lokap berpusat. Walau bagaimanapun, SP35 tidak dapat

memastikan kenapa si mati telah menukar pakaian terlebih dahulu daripada 5 OKT yang dibawa bersama-sama dengan si mati.

SP35 menjelaskan selepas menukar pakaian, OKT akan di bawa ke bilik POL. 56 di mana di sana OKT untuk tujuan pendaftaran penyakit yang dihidapi sekiranya ada.

SP35 menyatakan selepas si mati dan OKT lain menukar pakaian mereka telah dipindahkan ke sel di aras 1 untuk IPD Klang Utara. Pada pukul 4.51 pagi, 6 OKT termasuk si mati ditempatkan di sel aras 1. Lampu di dalam sel tidak akan dipadam sekiranya terdapat OKT. Berkemungkinan lampu di dalam sel tersebut rosak.

Rakaman CCTV menunjukkan si mati telah bangun dari tidur pada pukul 6.11 pagi. Semasa rakaman tersebut dimainkan kelihatan si mati berjalan ke arah tandas untuk membuang air kecil. Terdapat anggota yang berjalan untuk pemantauan di kawasan tersebut. Pada pukul 6.46 pagi, si mati dilihat bangun untuk kali kedua dan berjalan menuju ke tandas.

Pada pukul 9.00 pagi, si mati dilihat bangun untuk sarapan sebelum dibawa keluar. Ketika itu si mati masih kekal mengenakan pakaian lokap berwarna ungu.

Rakaman CCTV pada pukul 9.13 pagi menunjukkan terdapat pemeriksaan dengan memanggil nama OKT dibuat oleh anggota. Pada ketika itu dilihat si mati meminta bantuan SP1 untuk bangun. Si mati kemudiannya dibawa keluar meninggalkan sel untuk dibawa ke mahkamah bagi tujuan permohonan reman.

7.36 L/Kpl. Nik Razman Badrul Hisham bin Nik Abdul Rahman (SP36)

SP36 bertugas di Cawangan Pengiring IPD Klang Utara. Pada 7 Februari 2017, SP36 telah menerima senarai nama OKT yang perlu diambil dari Lokap Berpusat Shah Alam dan telah bergerak menaiki lori *Black Maria*.

Kesemua OKT telah digari termasuk si mati dan juga OKT lain yang ditahan bersama si mati. SP36 memaklumkan bahawa keadaan si mati ketika dibawa sehingga ke Mahkamah adalah sihat dan tiada masalah. SP36

juga tidak melihat sebarang kesan darah pada muka si mati. SP36 telah mendengar SP15 menolak permohonan reman yang dikemukakan oleh SP16 terhadap si mati.

Selepas selesai permohonan reman, Kpl. Mohd Izharul Fardaus bin Mohamad Isa membawa si mati ke tandas. SP36 menyatakan bahawa si mati boleh berjalan sendiri ke tandas sambil diiring oleh Kpl. Mohd Izharul Fardaus bin Mohamad Isa. SP36 tidak dapat memastikan keadaan si mati ketika menaiki *Black Maria* setelah proses reman di Mahkamah selesai kerana terdapat ramai OKT yang perlu dipantau.

SP36 memaklumkan apabila tiba di IPD Klang Utara, si mati terus dibawa oleh Kpl. Mohd Izharul Fardaus bin Mohamad Isa ke bilik kurungan yang menyerupai lokap di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara

SP36 juga melihat si mati telah dibantu ketika menuruni lori kerana semua OKT dalam keadaan bergari yang menyebabkan pergerakan mereka agak terhad. Namun, selepas itu semua OKT berjalan dengan sendiri. SP36 turut menyatakan bahawa sepanjang tempoh beliau mengiringi OKT pada hari tersebut, hanya si mati sahaja yang perlu dibantu untuk bergerak.

7.37 D/Kpl. Yusri bin Romli (SP37)

Pada 7 Februari 2017, SP37 bertugas sebagai detektif ‘*standby*’ 24 jam bersama-sama dengan SP42 dan Kpl. Khairul di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara. SP37 telah menerima seramai 14 orang OKT termasuk si mati dari mahkamah sekitar pukul 1.00 petang.

SP37 melihat si mati dalam keadaan tidak bermaya dan telah dipapah oleh OKT lain untuk masuk ke dalam bilik detektif. SP37 juga melihat kesan darah yang telah kering di bahagian mulut si mati. Si mati telah ditanya keadaannya namun si mati hanya menggelengkan kepala tanpa bercakap.

Si mati telah diletakkan di hadapan meja tempat SP37 duduk memandangkan keadaan si mati yang tidak bermaya. SP37 memaklumkan tidak mengetahui tentang permohonan reman terhadap si mati telah ditolak oleh Majistret. SP37 hanya mengetahui tentang perkara tersebut setelah si mati meninggal dunia. SP37 telah memaklumkan kepada SP19, SP42

dan Kpl. Khairul mengenai keadaan si mati dan mereka juga telah melihat keadaan si mati ketika itu.

Menurut SP37, pada pukul 12.59 tengahari, SP37 telah menghantar pesanan WhatsApp iaitu gambar si mati dalam keadaan berbaring (Ekshhibit P49) kepada SP19 dan mencadangkan kepada SP19 “*Elok suruh family mai ambil dia trs sj boss*”(Ekshhibit P49(a)). SP37 memberi cadangan sedemikian kerana melihatkan keadaan si mati yang dalam kesakitan memandangkan SP37 melihat kesan darah kering pada mulut si mati dan keadaan si mati yang perlu dipapah sewaktu berjalan. Sepanjang berada di hadapan SP37, si mati hanya mendiamkan diri. SP37 juga ada memberikan botol berisi air kepada si mati namun si mati tidak minum air tersebut tetapi menjadikan botol air tersebut sebagai alas kepala untuk tidur.

Pada pukul 1.15 petang, SP37 telah menghantar pesanan ke kumpulan WhatsApp Group JSJ command KLG U dan memaklumkan bahawa terdapat kesan darah pada mulut si mati. SP37 mengakui bahawa beliau telah menghantar gambar (Ekshhibit P49) ke dalam kumpulan WhatsApp Group JSJ command KLG U yang melihatkan si mati dalam keadaan terbaring di hadapan meja SP37 dalam keadaan mulut yang berdarah (Ekshhibit P49(b)).

Selepas menghantar pesanan tersebut ke kumpulan WhatsApp Group JSJ command KLG U, SP37 tidak menerima apa-apa arahan lanjut. SP37 menyatakan bahawa si mati terbaring di hadapan mejanya dari pukul 12:59 tengahari sehingga pukul 2.49 petang. SP37 menyatakan bahawa pada pukul 2.49 petang, SP37 telah menghantar pesanan WhatsApp kepada SP19 seperti yang berikut “*Boss, keling ini macam mana, semak aje duduk kat bawah ini boss, dah macam nak mampos dah tengok*”. SP19 kemudiannya membala pesanan WhatsApp SP37 dengan memaklumkan bahawa SP19 sedang menunggu arahan pihak atasannya dengan butiran seperti yang berikut “*J xckp pe lg...da call*” (Ekshhibit P49(d)).

Pada pukul 2.41 petang, SP37 telah diarahkan oleh SP19 untuk membuat tangkapan bagi satu kes lain dan ketika itu si mati masih lagi terbaring di

hadapan meja SP37. SP37 memaklumkan, kali terakhir SP37 melihat si mati terbaring di hadapan mejanya adalah pada pukul 7.00 malam.

SP37 hanya kembali semula ke pejabat sekitar pukul 11.15 malam selepas selesai menjalankan tugasannya. SP37 kemudiannya telah diberitahu oleh SP19 yang ketika itu datang dari ruang belakang pejabat bahawa si mati dalam keadaan tidak bergerak. SP37 telah mencatatkan kejadian tersebut dalam buku saku (Ekhibit P50).

7.38 ASP Ahmad bin Osman (SP38)

SP38 bertugas sebagai Pegawai Penyiasat Kanan (SIO) di Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara sejak 16 April 2016. SP38 merupakan ketua bagi *Team B* di mana SP19 turut berada dalam pasukan tersebut.

SP19 merupakan pegawai penyiasat di bawah seliaan SP38 namun SP19 boleh memohon arahan lanjut terus kepada SP28 selepas memaklumkan kepada SIO. SP38 tidak dimaklumkan tangkapan si mati kerana SP38 tidak bertugas sebagai SIO pada tarikh 6 Februari 2017.

SP38 telah bertugas pada tarikh 7 Februari 2017 dan menurut SP38, Ekhibit P24(a) merupakan mesej yang dihantar untuk perhatian SP28 dan SP38 membala mesej tersebut (Ekhibit P24 (b)) kerana tiada sesiapa yang membala mesej tersebut.

Selepas itu SP38 ada memberikan arahan untuk si mati dibawa ke hospital kepada SP19. Walau bagaimanapun, SP38 tidak pasti siapa yang membala mesejnya itu.

SP38 turut memaklumkan Ekhibit P24(o) bermaksud jika terjadi apa-apa kepada si mati, pihak mereka yang akan bertanggungjawab. Sebagai pegawai bawahan SP38, sepatutnya SP19 wajib untuk mengikuti arahan SP38 untuk membawa si mati ke hospital dan tidak mengabaikan arahan tersebut. SP38 hanya mengetahui si mati tidak ada dibawa ke hospital selepas kematian si mati. SP38 bersetuju terdapat satu pelanggaran arahan yang serius telah dilakukan oleh SP19.

SP38 tidak mengetahui SP19 tidak menguruskan permohonan reman untuk si mati dan 3 OKT lain. SP38 tidak dimaklumkan oleh SP19 bahawa SP19 tidak dapat hadir kerana bapanya dirawat di IJN. SP38 hanya mendapat makluman mengenai perkara tersebut selepas kematian si mati. Sekiranya mana-mana pegawai ingin keluar daerah, pegawai tersebut hendaklah memaklumkan kepada SP28 dan mendapatkan kebenaran daripada SP28.

SP38 juga tidak mempunyai pengetahuan dan tidak pernah ditaklimatkan mengenai Ekshhibit P40 yang menyatakan mana-mana OKT yang sakit perlu dihantar ke hospital dengan kadar segera atau dengan memberi jamin dengan izin KPD.

7.39 Insp. Nor Harman bin Ab Hamid (SP39)

SP39 bertugas sebagai pegawai penyiasat tempat kejadian (forensik) di Cawangan Forensik IPK Selangor. Lebih kurang pukul 2.30 pagi 8 Februari 2017 semasa SP39 berada di IPK Selangor, beliau telah menerima panggilan telefon daripada SP46 yang melaporkan tentang kejadian kematian yang berlaku di lokap IPD Klang Utara dan telah meminta bantuan forensik untuk hadir ke tempat kejadian.

Setelah SP39 dan pasukannya tiba di IPD Klang Utara, mereka telah berjumpa dengan SP46 dan telah diberikan taklimat mengenai kejadian kematian. Pada pukul 5.00 pagi, SP29 telah tiba dan telah masuk ke tempat kejadian.

Semasa SP39 mula-mula masuk ke tempat kejadian, SP39 mendapati terdapat 1 mayat lelaki berbangsa India dalam keadaan terbaring di dalam lokap. SP39 juga mendapati terdapat kesan darah di bahagian hidung serta mulut mayat tersebut. Darah tersebut merupakan darah yang telah kering.

Pemeriksaan SP39 ke atas keseluruhan badan mayat mendapati tiada kecederaan di bahagian luar badan. SP39 cuma mendapati terdapat sedikit kesan lebam pada bahagian mata si mati. Melalui pemerhatian SP39, darah yang terdapat pada si mati adalah daripada mulut dan hidung

si mati sahaja dan sederhana banyak. Semasa membuat pemeriksaan badan, SP39 juga telah membuka seluar si mati dan mendapati tiada kecederaan di bahagian anggota bawah badan si mati.

Kesimpulan daripada siasatan di tempat kejadian yang dijalankan oleh SP39 mendapati kes ini diklasifikasikan sebagai *sudden death report pending post mortem*. Ini adalah kerana SP39 mendapati tiada apa-apa kecederaan di bahagian luar tubuh badan mangsa.

7.40 L/Kpl. Addrie bin Ambrose (SP40)

SP40 merupakan Jurufoto Forensik yang bertugas di IPK Selangor sejak Februari 2014. Lebih kurang pukul 2.00 pagi 8 Februari 2017, SP40 telah menerima maklumat daripada Insp. Ahmad untuk ke Lokap IPD Klang Utara kerana terdapat seorang OKT telah meninggal dunia di dalam lokap. SP40 pergi ke Lokap IPD Klang Utara bersama dengan SP39 dan tiga lagi anggota.

Pasukannya tiba di IPD Klang Utara sekitar pukul 3.00 - 4.30 pagi manakala SP29 tiba lebih kurang pukul 5.00 pagi dan selepas itu, SP39 mengarahkan SP40 untuk mengikuti SP39 dan SP29 masuk ke dalam bangunan yang menempatkan ruang khas OKT. Keseluruhan gambar-gambar yang diambil oleh SP40 ialah sebanyak 16 keping seperti dalam Ekhibit P17.

SP29 berada dalam lokap dan menjalankan pemeriksaan selama lebih kurang sejam dan tiada gambar pemeriksaan diambil kerana tiada arahan diberikan.

7.41 SAC Yusoff bin Mamat (SP41)

SP41 merupakan Ketua Polis Daerah, Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara ketika tarikh kejadian kematian si mati.

SP41 juga ada mengeluarkan arahan-arahan ketika mesyuarat tersebut dan pemantauan arahan dibuat melalui Ketua Bahagian yang wajib menyampaikan arahan SP41 kepada anggota bawahannya. Selain itu, SP41 juga selalu membuat pemeriksaan mengejut untuk memastikan setiap arahannya dipatuhi.

Menurut SP41, setiap Perintah Tetap Ketua Polis Negara, Perintah Tetap Ketua Polis Negeri akan disimpan dan diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Integriti IPD yang berkenaan. Tambah SP41 lagi, Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Integriti tersebut bertanggungjawab untuk membuat taklimat mengenai setiap dokumen atau Perintah Tetap yang diterima daripada Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Namun, SP41 mengatakan tiada arahan spesifik untuk pihak Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Integriti untuk membuat taklimat mengenai PTKPN dan setiap anggota dan pegawai perlu mengambil inisiatif sendiri bagi mengetahui Arahan Ketua Polis Negara, Ketua Polis Negeri dan Ketua Polis Daerah.

Berkenaan nama ruang khas, SP 41 tempat berkenaan hanya dipanggil bilik khas olehnya namun anggota lain memanggilnya sebagai lokap sementara kerana menurutnya terdapat perbezaan persepsi antara mereka mengenai ruang tersebut.

Menurut SP41, arahannya di minit 19.3 Ekshibit P40 supaya OKT diharamkan ditempatkan di bilik khas OKT IPD Klang Utara selepas pukul 6.00 petang telah dipatuhi oleh semua anggota dan pegawainya.

Walau bagaimanapun, SP41 memaklumkan bahawa dalam kes kematian si mati ini, SP41 tidak mengetahui berkenaan hal penahanan si mati di situ dan arahannya telah tidak dipatuhi oleh anggota dan pegawai pada hari tersebut.

Manakala arahan di minit 19.4 Ekshibit P40 supaya pegawai penyiasat menghantar OKT yang sakit ke hospital dengan kadar segera atau memberi jamin dengan izin Ketua Polis Daerah terlebih dahulu juga tidak dipatuhi dalam kes kematian si mati ini.

SP41 memaklumkan bahawa untuk memastikan ketidakpatuhan tidak berlaku, SP41 akan membuat pemeriksaan mengejut untuk memastikan arahan dipatuhi namun SP41 tidak mampu untuk membuat pemeriksaan mengejut setiap hari. SP41 telah meletakkan kepercayaannya kepada

SP28 dan Pegawai Penyiasat Kanan untuk memastikan arahan-arahan dipatuhi.

SP41 juga tidak dimaklumkan apa-apa perkara untuk si mati diberi pertimbangan jamin. SP41 tidak mengetahui mengenai arahan SP28 untuk membuat tangkapan semula ke atas si mati walaupun Mahkamah telah menolak permohonan reman ke atas si mati. Arahannya juga tidak dipatuhi kerana OKT yang sakit perlu dihantar ke hospital dengan kadar yang segera.

SP41 memakumkan bahawa SP41 tidak mengetahui dan tidak sedar bahawa Balai Polis Bandar Baru Klang mempunyai CCTV walaupun pernah melawat balai polis tersebut. Berkemungkinan CCTV tersebut dipasang dengan inisiatif sendiri dan bukan daripada peruntukan kewangan oleh kerajaan kerana sepanjang SP41 berada di IPD Klang Utara, tiada sebarang peruntukan untuk CCTV dipasang di mana-mana balai.

SP41 telah mengeluarkan arahan untuk tidak membenarkan mana-mana OKT ditahan di situ selepas pukul 6.00 petang kerana khuatir ada anggota atau pegawai yang menggunakan ruang khas tersebut sebagai lokap dan bagi menolak kemungkinan ruang khas tersebut digunakan untuk menahan OKT selepas pukul 6.00 petang.

SP41 tidak mengetahui ruang khas OKT tersebut dalam keadaan berkunci kerana tidak ada sebarang arahan dikeluarkan untuk mengunci ruang khas tersebut. Hal ini kerana, ruang khas tersebut mempunyai terletak dalam bilik detektif yang sudah pun mempunyai sistem keselamatan. Sepanjang pengetahuan SP41, terdapat detektif yang bertugas 24 jam untuk membuat penyeliaan di kawasan tersebut.

Jika ada pegawai ingin keluar daerah, pegawai tersebut hendaklah memaklumi SP41. Namun, SP41 tidak mengetahui bahawa SP19 telah keluar ke Kuala Lumpur pada 7 Februari 2017.

SP41 juga menyatakan jika permohonan reman ditolak oleh Mahkamah, maka OKT tersebut boleh dilepaskan di Mahkamah atau di IPD. Tujuan

OKT tersebut dibawa balik ke IPD kerana ingin membuat serahan barang-barang kepunyaan OKT dan untuk tujuan rekod. SP41 berpendapat bahawa sekiranya permohonan reman telah ditolak, maka OKT tersebut tidak perlu bergari dan tidak patut dibawa menggunakan kenderaan polis untuk pulang ke IPD.

Berkenaan isu ketiadaan laporan tangkapan baru, SP41 memaklumkan bahawa laporan polis ini hanya isu pentadbiran kerana undang-undang tidak ada menyatakan perlu membuat laporan polis. Dalam isu ini, SP19 telah cuai dalam menyediakan laporan polis baru kerana tidak akur pada arahan SP28. Laporan tangkapan perlu disediakan dalam tempoh 24 jam selepas tangkapan dibuat. Dalam insiden ini, si mati telah meninggal dunia kurang dari 24 jam selepas arahan tangkapan semula dikeluarkan.

SP41 percaya bahawa SP28 telah membuat tindakan yang tepat dengan mengeluarkan arahan tangkapan semula kerana si mati merupakan ketua Geng 18 di Selangor dan mempunyai 9 kes yang positif dengannya. Namun, SP41 tidak mengetahui sama ada SP28 mempunyai maklumat penuh berkenaan dengan fakta si mati telah jatuh sakit. Walau bagaimanapun, pegawai hendaklah memberikan keutamaan kepada membawa OKT yang sakit ke hospital terlebih dahulu. Tangkapan semula ke atas OKT juga boleh dilakukan di hospital.

SP41 juga berpendapat terdapat kemungkinan anggota bawahan tidak melihat SOP dan Perintah Tetap serta undang-undang yang terpakai. SP41 juga tidak pasti sama ada anggota itu melihat sendiri SOP berkaitan atau hanya mendengar dan menuruti anggota atau pegawai lain. Namun, SP41 pasti arahan yang diberikannya sampai ke peringkat bawahan kerana setiap kali pemeriksaan mengejut dibuat, terdapat anggota yang mengetahui arahan-arahan tersebut.

Berkaitan isu anggota tidak mencatatkan perkara penting di dalam buku saku, isu anggota tidak mengetahui Perintah Tetap Ketua Polis Negara, Prosedur Operasi Standard Pengiring dan Penggarian, SP41 berpendapat hanya segelintit anggota yang tersebut sahaja tidak mencatatkan dan mengetahui peraturan dan prosedur terbabit.

SP41 menyatakan bahawa memang terdapat arahan dalam Perintah Tetap yang menyatakan bahawa OKT perlu dibawa ke lokap dengan menggunakan pakaian semasa dia ditangkap. Namun, SP41 tidak pasti jika ada arahan lain daripada Lokap Berpusat Shah Alam yang menyatakan sebaliknya bagi memastikan keselamatan OKT kerana pakaian yang OKT pakai mungkin boleh digunakan untuk membunuh diri.

SP41 menyatakan terdapat *refresher course* dan *service training* yang dilakukan di IPD Klang Utara. Hal ini berdasarkan kepada hasil penemuan dan laporan oleh pegawai bertugas dan JIPS IPK Negeri dan Bukit Aman yang turun membuat pemeriksaan dan melaporkan kepada SP41.

Kursus tersebut dibuat kepada anggota dan pegawai terpilih sahaja di mana berkemungkinan pemilihan dibuat secara berperingkat dan tidak melibatkan semua secara sekali gus. Hal ini kerana, operasi secara keseluruhan akan terjejas sekiranya semua anggota terlibat sekali gus.

7.42 Kpl. Siva Nathan a/l Arumugamnadan (SP42)

SP42 merupakan anggota di Cawangan D9 Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara. Pada 7 Februari 2017, SP42 telah melihat si mati dipapah oleh OKT lain sewaktu dibawa masuk ke dalam Bilik Detektif Bahagian Siasatan Jenayah. SP42 telah meminta rakan-rakan si mati untuk meletakkan si mati di atas lantai di sebelah pejabat SP42 bertugas yang berhampiran dengan mejanya. Pemakluman kepada SP19 telah diberikan oleh SP37. Namun SP19 memaklumkan yang beliau sedang menunggu arahan daripada SP28 untuk membawa si mati ke hospital bagi mendapatkan rawatan perubatan.

Pada pukul 1.00 petang, SP42 bersama dengan SP37 telah mengambil gambar si mati. SP42 melihat keadaan si mati agak teruk dan telah memberikan air kepada si mati namun tidak diminum. Si mati juga kelihatan seperti sukar untuk membuka mulutnya dan mata si mati hanya separuh terbuka dan tangannya tidak boleh bergerak. SP3 telah datang melawat si mati dan cuba untuk memberi makan kepadanya namun si mati tidak dapat makan mahupun minum.

Sebelum OKT lain dihantar ke Lokap Berpusat Shah Alam, si mati telah terkencing di dalam seluar di ruangan hadapan tempat si mati dibaringkan. SP42 berpendapat si mati kencing secara tidak sengaja kerana si mati berada dalam keadaan yang tidak bermaya dan kelihatan seperti tidak sedarkan diri. Pada pukul 7.15 malam, SP19 telah mengarahkan agar si mati dipindahkan ke dalam ruang khas OKT di belakang pejabat. 2 orang rakan si mati telah membantu memapah si mati untuk dimasukkan ke dalam ruang khas OKT yang tidak dikunci.

Selepas itu, SP42 telah keluar untuk membuat tugas luar dan hanya kembali lebih kurang pukul 11.30 malam. SP42 hanya mengetahui si mati masih berada di ruang khas OKT selepas SP19 masuk ke dalam pejabat detektif. SP19 mengarahkan agar SP42 menghubungi pasukan forensik. Lebih kurang pukul 12.15 tengah malam, SP13 telah tiba. SP42 juga memaklumkan tanpa kebenaran pegawai atasan untuk membawa si mati mendapatkan rawatan, mereka tidak dapat berbuat apa-apa dan mereka terikat kerana tiada arahan lanjut.

7.43 L/Kpl. Edi Arman bin Ismail (SP43)

SP43 merupakan jurugambar yang bertugas di IPD Klang Utara. Pada 8 Februari 2017, SP43 telah diarahkan oleh SP46 untuk mengambil 80 keping gambar bedah siasat si mati di Jabatan Forensik HTAR, Klang, Selangor. Gambar-gambar tersebut telah ditandakan sebagai Eksibit P9 (1 – 80).

Pada 8 Februari 2017, SP 43 juga telah menerima arahan daripada SP46 untuk mengambil gambar-gambar pada waktu siang dan pada waktu malam bermula daripada pintu masuk IPD Klang Utara sehingga ke ruang khas OKT. Gambar-gambar tersebut masing-masing telah ditandakan sebagai Eksibit P5A 1 - 13 (gambar pada sebelah siang) dan Eksibit P5B 1 – 13 (gambar pada sebelah malam).

7.44 Mohd Abdul Shukor bin Yong (SP44)

SP44 merupakan Pegawai Aduan yang bertugas di Bahagian Operasi EAIC. Pada 22 Februari 2017, SP44 telah diarahkan oleh YBhg. Dato'

Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid, Pengarah Bahagian Operasi, EAIC untuk mengambil gambar Balai Polis Bandar Baru Klang.

SP44 dalam keterangannya memaklumkan bahawa beliau telah menggunakan *Iphone 6s* untuk mengambil gambar-gambar tersebut. Gambar-gambar yang diambil kemudiannya telah ditandakan sebagai Ekshibit P1.

7.45 Muhammad Zairul Shahiri bin Rusidi (SP45)

SP45 merupakan Pembantu Tadbir yang bertugas di Bahagian Operasi EAIC. SP45 dalam keterangannya memaklumkan bahawa pada 9 Februari 2017, beliau telah diarahkan oleh Pasukan Petugas EAIC untuk mengambil gambar di Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Utara yang ditandakan sebagai Ekshibit P21.

7.46 ASP Muhammad Khuzairi bin Abd Wahab (SP46)

SP46 merupakan Pegawai Penyiasat *Sudden Death Report* (SDR) melibatkan kes kematian si mati. Pada 7 Februari 2017, sewaktu SP46 bertugas sebagai pegawai penyiasat kanan 24 jam di Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Utara, SP46 telah dimaklumkan oleh SP37 bahawa seorang OKT yang ditempatkan dalam ruang khas berada dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Selepas SP46 dimaklumkan bahawa si mati telah meninggal dunia, SP46 telah menghubungi SP28 dan selanjutnya SP28 telah mengarahkan SP46 untuk membuka kertas siasatan SDR. Lanjutan daripada itu, SP46 telah mengarahkan SP19 untuk menghubungi SP29 dan pasukan forensik IPK Selangor.

SP46 melihat si mati dalam keadaan terlentang, tidak memakai baju dan hanya memakai seluar sewaktu kali pertama melihatnya. SP46 juga tidak menjalankan apa-apa pemeriksaan ke atas si mati pada ketika itu. Semasa SP46 hadir bersama-sama dengan SP29 di ruang khas OKT sewaktu pemeriksaan mayat dijalankan, SP46 mendapati terdapat kesan darah mengalir keluar dari hidung dan mulut si mati.

Selepas pemeriksaan oleh SP29 dan pasukan forensik selesai, SP46 telah diarahkan untuk menghantar mayat si mati ke HTAR untuk bedah siasat. SP46 telah mengakui kesilapan pada Ekshibit P41 di mana nama SP29 telah ditulis di bahagian nama yang sepatutnya diisi dengan nama si mati. Menurut SP46, catatan di Ekshibit P41 telah dibuat oleh SP42.

Pada pukul 9.30 pagi di HTAR, pengecaman mayat telah dilakukan oleh SP4. Selepas pengecaman mayat dibuat, bedah siasat telah dijalankan dengan kehadiran SP46, SP11 dan dua orang pembantu SP11. Prosedur bedah siasat telah dimulakan pada pukul 10.15 pagi. Selepas bedah siasat tamat, SP11 memaklumkan bahawa terdapat satu lebam di mata kiri, satu lebam di telinga kanan, satu lebam *superficial* di dada kiri manakala lebam pada bahagian telinga kanan yang dapat dilihat hingga ke bahagian dalaman kulit. Walaubagaimanapun, SP46 telah dimaklumkan bahawa kecederaan tersebut tidak parah sehingga menyebabkan kematian secara langsung.

Selepas itu, SP46 telah merakam percakapan saksi-saksi yang terlibat bermula dari tangkapan si mati sehingga kematian si mati. SDR juga telah dihantar ke Cawangan D5 Bukit Aman.

SP46 hanya mengetahui mengenai permohonan bedah siasat kedua setelah dimaklumkan oleh SP11. Bedah siasat kedua telah dijalankan pada 19 Februari 2017 dan dapatan punca kematian adalah *coronary artery disease with multiple blunt force injuries*.

Apabila diajukan soalan berhubung dengan *conflict of interest* melibatkan SP46 berkaitan dengan kematian si mati, iaitu melibatkan keterangan SP46 juga telah menghantar mesej-mesej WhatsApp berkaitan dengan penahanan si mati seperti yang berikut “*Insp Husri okt ni ada byk kes di klang utara.semak semula dgn anggota D9 utk sangkutkan kes samun yg lain berdasarkan oengakuan rakan subahat.tq*” (Ekshibit P55), SP46 tidak dapat menjawab soalan tersebut.

SP46 telah mengetahui tentang penahanan si mati sebelum SP46 dilantik menjadi pegawai penyiasat SDR lagi. SP46 tidak memberitahu SP41

mengenai penglibatan SP46 dengan arahan tangkapan semula terhadap si mati pada petang sebelum kematian si mati. Tidak ada pemberitahuan dibuat kerana SP46 hanya bertindak mengikut arahan yang diterima daripada SP41.

8.0 ANALISIS DAN HASIL DAPATAN

8.1 Hasil Dapatan

Hasil daripada analisa ke atas keterangan yang telah diperolehi dan daripada siasatan yang dijalankan, Suruhanjaya mendapati bahawa terdapat keterangan yang boleh mengaitkan kematian si mati di Ruang Khas OKT dengan insiden kekerasan oleh anggota atau pegawai PDRM.

- 8.1.1 Walaupun SP20, SP22, SP23, SP24, SP25, SP26 dan SP27 dalam keterangan menafikan adanya terjadi insiden kekerasan terhadap simati. Namun begitu, Suruhanjaya mendapati kekerasan digunakan terhadap simati berdasarkan keterangan SP1 dan SP17 yang disokong dengan keterangan-keterangan sedemikian ;
- 8.1.2 Keterangan SP2, SP3, SP5 dan SP6 yang telah mendengar bunyi jeritan sakit dan juga meminta pertolongan daripada bahagian ruang di belakang kaunter inkuiiri yang menempatkan si mati dan OKT lain sewaktu ditemu bual.
- 8.1.3 Suruhanjaya mendapati keterangan saksi SP11 dan SP12 yang telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati pada 8 Februari 2017 dan 18 Februari 2017 bahawa punca kematian adalah “*coronary artery disease with multiple blunt force injuries*”.
- 8.1.4 Terdapat sejumlah 20 kecederaan dalam bentuk kesan-kesan lebam pada tubuh badan si mati yang diakibatkan oleh hentakan objek tumpul. SP11 berpendapat penggunaan *direct force* diperlukan untuk menghasilkan kecederaan yang terdapat pada tubuh badan si mati.
- 8.1.5 Berdasarkan corak kecederaan yang ditemui, SP11 dan SP12 mendapati kecederaan ini tidak terjadi secara kemalangan mahupun ditimpakan oleh diri sendiri. Kesan kecederaan yang ditemui pada badan si mati ini konsisten dengan bentuk kekerasan yang digunakan oleh SP27 seperti mana yang dilihat oleh SP1 dan SP17.

- 8.1.6 SP11 berpendapat kecederaan-kecederaan ini terhasil dalam tempoh 72 jam sebelum bedah siasat pertama dilakukan olehnya pada 8 Februari 2017.
- 8.1.7 Dengan itu, Suruhanjaya berpendapat bahawa keterangan SP20, SP22, SP23, SP24, SP25, SP26 dan SP27 merupakan keterangan penafian semata-mata (*bare-denial*) dengan mengambil kira keterangan sokongan seperti yang dihuraikan di perenggan diatas yang jelas menunjukkan terjadi insiden kekerasan terhadap simati.
- 8.1.8 Walau bagaimanapun, SP11 dan SP12 berpendapat kecederaan-kecederaan ini tidak mampu mendatangkan kematian secara langsung sebaliknya menyumbang kepada kemerosotan kesihatan jantung si mati.
- 8.1.9 Kesimpulannya, kejadian kekerasan fizikal yang dilakukan ke atas si mati tidak dapat disabitkan secara langsung sebagai punca sebenar kematian si mati. Walau bagaimanapun, kekerasan fizikal tersebut telah menjadi punca yang mencetuskan serangan jantung yang dialami si mati hingga menyebabkan si mati meninggal dunia pada 7 Februari 2017.
- 8.1.10 Suruhanjaya juga mendapati kekerasan fizikal telah dilakukan terhadap si mati ketika ditahan dan disoal siasat adalah bercanggah dan melanggar Perkara 33 Perintah Tetap Ketua Polis Negara Bahagian ‘A’ 118 iaitu –

“Tugas untuk menjalankan soal siasat ke atas orang tahanan selepas dimasukkan ke dalam lokap hanya boleh dijalankan oleh anggota polis tetap (regular). Semasa soal siasat tidak boleh digunakan kekerasan ke atas orang tahanan”



Haematoma 12 x 6 cm at the right side of the chest below the nipple



Subcutaneous contusion with haematoma measuring 30 x 9 cm of the muscles at the front and lateral aspect of right lower leg



Haematoma 12 x 6 cm at the right side of the chest below the nipple



A bruise measuring 5 x 3 cm at the lateral aspect of right side of the chest



A bruise measuring 5 x 3 cm at the lateral aspect of right side of the chest



Haematoma 33 x 7.5 cm at left shin ankle and dorsum left of left foot



Subcutaneous contusion with haematoma measuring 30 x 9 cm of the muscles at the front and lateral aspect of right lower leg

8.2 Dapatan – Dapatan Lain

Selain daripada memperoleh keterangan untuk mendapatkan sebab dan punca kematian si mati, Suruhanjaya juga telah menemukan beberapa isu lain sewaktu pendengaran awam.

8.2.1 Lokap Yang Tidak Diwartakan di Bilik Detektif Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Utara

- (a) Hasil lawatan Suruhanjaya dan juga semakan terhadap Senarai Lokap PDRM mendapati Ruang Khas OKT tersebut tidak diwartakan dan tidak selamat serta sesuai untuk menempatkan tahanan.
- (b) Keterangan daripada SP19, SP30, SP32 dan SP36 mendapati bahawa ruang khas OKT tersebut lebih dikenali sebagai lokap dan adalah merupakan satu ruang yang tidak berwarta untuk menahan mana-mana OKT.
- (c) Ruang tersebut lebih menyerupai sebuah lokap kerana berperanan untuk mengurung OKT, mempunyai jeriji besi dan dikunci dengan mangga serta mempunyai detektif yang bertugas untuk membuat penyeliaan walaupun saiz tidak sebesar sel lokap sebenar. Keterangan daripada SP32 mendapati tindakan mengunci ini telah dilakukan sejak beliau mula-mula bertugas pada Oktober 2012.
- (d) Suruhanjaya mendapati larangan penggunaan Ruang Khas OKT selepas pukul 6.00 petang seperti di minit 19.3 Ekhibit P40 tidak dihebahkan dan tidak diketahui oleh setiap lapisan anggota dan pegawai IPD Klang Utara.
- (e) Suruhanjaya mendapati terdapat penggunaan ruang khas tersebut selepas pukul 6.00 petang untuk keperluan tugas. Ini dapat dilihat melalui tindakan menahan si mati dan OKT lain di ruang khas pada hari tangkapan mereka sebelum dihantar ke Lokap Berpusat Shah Alam.

- (f) Berdasarkan kepada Perintah Tetap Ketua Polis Negara Bahagian ‘A’ 118 berkaitan Orang-orang Tahanan Dan Lokap Polis, di bawah perintah 4.3 menyatakan setiap OKT boleh ditahan mengikut kesesuaian dan keperluan sama ada di Lokap Polis di Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Ibu Pejabat Polis Daerah, dan di Balai-balai polis atau Lokap Polis Pusat.
- (g) Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa semua lokap yang digunakan untuk menahan OKT hendaklah diwartakan, selaras dengan Kaedah-kaedah Lokap 1953 dan perintah 5.1 PTKPN Bahagian ‘A’ 118 manakala perintah 4.3 PTKPN Bahagian ‘A’ 118 turut menyatakan bahawa setiap OKT hendaklah ditahan di Lokap Polis atau Lokap Polis Pusat dan tidak boleh ditahan di lain-lain bahagian atau kawasan polis.
- (h) Suruhanjaya mendapati ruangan khas OKT di IPD Klang Utara ini telah digunakan sebagai lokap dan ia adalah tidak diwartakan, maka ia telah melanggar Kaedah-kaedah Lokap 1953, Akta Penjara 1995 dan PTKPN Bahagian ‘A’ 118 serta penahanan OKT tersebut boleh dianggap penahanan secara salah oleh pihak polis.



Pintu masuk ke dalam Ruang Khas OKT



Label “Ruang Khas OKT” yang dilekatkan di atas pintu masuk



Keadaan di dalam Ruang Khas OKT



Kabel penghawa dingin di dalam Ruang Khas OKT



Keadaan dinding di dalam Ruang Khas OKT



Keadaan di dalam Ruang Khas OKT



Sudut di dalam Ruang Khas OKT yang bersebelahan dengan pintu shutter



Keadaan dinding di dalam Ruang Khas OKT

8.2.2 Perintah dan Arahan Majistret Yang Tidak Dipatuhi

- (a) SP15 telah menolak permohonan reman ke atas si mati dan tela mengarahkan secara lisan agar si mati dibawa ke hospital dan arahan tersebut turut didengari oleh peguambela si mati iaitu SP14.
- (b) Tindakan membawa si mati pulang pulang ke IPD Klang dengan lori *Black Maria* dari mahkamah di mana hal ini adalah bertentangan dengan arahan Majistret yang menolak permohonan reman si mati dan si mati adalah orang yang bebas pada ketika itu.
- (c) SP19 selaku pegawai penyiasat juga sedia maklum akan perintah Majistret memandangkan SP16 telah menghubunginya untuk memaklumkan permohonan reman telah ditolak.
- (d) Keterangan SP16 dan SP28 mendapati bahawa telah menjadi kebiasaan dan prosedur di IPD Klang Utara tidak akan melepaskan OKT walaupun permohonan reman ditolak atas alasan untuk tujuan dokumentasi, menukar pakaian dan urusan jamin serta serahan barang kes dan barang peribadi.
- (e) Kegagalan ini juga mungkin berpunca daripada tindakan SP19 yang sendiri tidak menghadiri proses permohonan reman untuk OKT kesnya dan juga kecuaian SP16 untuk memaklumkan arahan Majistret kepada SP19.
- (f) Terdapat kegagalan komunikasi yang serius di IPD Klang Utara melibatkan pemakluman arahan Majistret yang melibatkan penolakan permohonan reman si mati dan arahan untuk menghantar si mati ke hospital. Kegagalan lain juga antara lain melibatkan pemantauan terhadap arahan-arahan yang diberikan oleh pegawai atasan terutamanya arahan untuk menghantar si mati ke hospital.

- (g) Suruhanjaya mendapati kegagalan pihak polis melepaskan si mati setelah permohonan reman ditolak oleh Majistret adalah suatu kesalahan kerana telah melanggar perintah mahkamah. SP19 telah melakukan satu salah laku yang serius kerana tidak mengikut arahan yang telah diberikan oleh Majistret. Keputusan SP19 untuk tidak melepaskan si mati juga adalah disebabkan oleh arahan oleh pegawai atasan iaitu SP46 dan SP28 untuk membuat tangkapan semula kepada si mati.
- (h) Suruhanjaya turut berpendapat isu *wrongful detention* adalah isu yang perlu diberi perhatian sewajarnya memandangkan adalah jelas bahawa penahanan terhadap si mati setelah remannya di tolak adalah satu penahanan yang salah.
- (i) Suruhanjaya turut mendapati, pembebasan si mati yang dibuat di balai polis berdasarkan praktis atau amalan yang dijalankan oleh IPD Klang Utara, adalah merupakan suatu amalan yang bertentangan dengan kehendak undang-undang.

8.2.3 Arahantangkapan Semula

- (a) Keterangan daripada SP14, SP19 dan SP22 mendapati terdapat arahan tangkapan semula terhadap si mati oleh SP28 dan SP46 yang turut diakui oleh SP28 dan SP46.
- (b) SP19 tidak menerima mana-mana laporan polis yang boleh mengaitkan si mati dengan mana-mana kes untuk membuat laporan tangkapan semula. SP25 turut tidak menerima apa-apa arahan untuk memberikan mana-mana laporan polis bagi satu tangkapan semula dibuat.
- (c) Keterangan SP41 mendapati arahan tangkapan semula yang diberikan oleh SP28 adalah tepat kerana si mati mempunyai beberapa kes yang positif. Tetapi pegawai

hendaklah memberikan keutamaan dengan membawa si mati ke hospital terlebih dahulu dan tangkapan semula boleh dilakukan di hospital.

- (d) Isu pemberian jamin polis terhadap si mati tidak timbul kerana permohonan reman si mati telah ditolak oleh Mahkamah dan tiada laporan polis baru yang dapat mengaitkan si mati dengan mana-mana kes.
- (e) Suruhanjaya mendapati bahawa arahan SP28 dan SP46 untuk menangkap semula si mati adalah satu tindakan yang menekan dan melangkaui bidang kuasa yang sepatutnya. Ini kerana SP28 dan SP46 tidak melaksanakan kuasanya dengan penuh kewajipan berjaga-jaga (*'duty of care'*).
- (f) Semakan terhadap rekod lampau si mati dan kes-kes yang mempunyai kaitan dengan si mati tidak dibuat sebelum arahan tangkapan semula dikeluarkan. Tiada asas yang kukuh telah dibina untuk menjustifikasi arahan tangkapan semula.
- (g) Suruhanjaya juga mendapati terdapat kecuaian daripada SP19 yang sepatutnya mendapatkan satu laporan polis yang boleh mengaitkan si mati untuk dibuat satu laporan tangkapan semula. Hal ini penting bagi mengelakkan pihak polis menyalahgunakan kuasa bagi menahan mana-mana orang semula selepas dibebaskan oleh Mahkamah.
- (h) SP19 juga boleh menghantar si mati ke hospital terlebih dahulu sebelum membuat tangkapan semula terhadap si mati. Terdapat kecuaian daripada pihak SP19 dalam mematuhi arahan pegawai atasan dan juga kelalaian dari sudut pemantauan pematuhan arahan oleh SP28 dan SP46.

8.2.4 Konflik Kepentingan Dalam Siasatan Laporan Mati Mengejut


- (a) Keterangan daripada SP46 mendapati beliau juga telah mengarahkan SP19 untuk membuat tangkapan semula terhadap si mati selepas permohonan reman ditolak oleh Majistret. Hal ini telah menunjukkan SP46 telah bertindak secara langsung dengan SP19 dan juga si mati.
- (b) SP46 juga menyatakan beliau tidak memaklumkan SP41 berkenaan dengan penglibatannya mengenai arahan tangkapan semula terhadap si mati. Pelantikannya sebagai pegawai penyiasat *Sudden Death Report* oleh SP41 dibuat tanpa mengambil kira peranannya secara langsung dalam isu tangkapan semula terhadap si mati.
- (c) Keterangan daripada SP28 menyatakan tidak timbul isu konflik kepentingan dalam siasatan walaupun SP19 dan SP46 bertugas dalam tempat yang sama dan siasatan ini dipantau oleh IPK Selangor.
- (d) Walau bagaimanapun, Suruhanjaya mendapati di dalam kes ini, apabila SP46 dilantik menjadi pegawai penyiasat *Sudden Death Report*, secara jelas telah mewujudkan *conflict of interest*. Ini adalah kerana SP46 dan SP19 bertugas di balai yang sama dan beliau telah terlibat dalam kes ini sejak dari awal. Kes *Sudden Death Report* tersebut adalah melibatkan kes kematian di dalam IPD yang sama iaitu IPD Klang Utara yang merupakan tempat SP46 dan SP19 bertugas.

8.2.5 CCTV di Balai Polis Bandar Baru Klang

- (a) CCTV yang dipasang di Balai Polis Bandar Baru Klang tersebut tidak mempunyai keupayaan untuk merakam dan hanya bersifat *dummy*.
- (b) CCTV tersebut juga bukan daripada inventori PDRM sebaliknya diperolehi daripada hasil rampasan daripada

kedai-kedai judi haram yang tidak sepatutnya digunakan untuk dijadikan sebagai aset PDRM.

- (c) Ketidakupayaan CCTV ini untuk merakam telah menafikan peluang Suruhanjaya untuk mendapatkan “*best evidence*” berkaitan pergerakan OKT dan anggota polis di ruang belakang pejabat inkuriri Balai Polis Bandar Baru Klang tersebut khasnya yang berkaitan dengan dakwaan si mati telah dipukul oleh anggota dan pegawai Cawangan D9.



CCTV di ruangan hadapan Balai Polis BBK



CCTV di ruangan dalam Balai Polis BBK



CCTV di ruangan dalam Balai Polis BBK



Monitor yang memaparkan visual CCTV di Bilik Cawangan Pencegahan Jenayah

8.2.6 Tahanan Juvana

- (a) Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang diperoleh, terdapat ketidakpatuhan SOP dan undang-undang yang sedia ada semasa tangkapan dan penahanan terhadap OKT juvana, iaitu SP1 dan Kanapathy.
- (b) Keterangan-keterangan yang didapati mendapati bahawa SP1 telah digari sewaktu tangkapan dibuat dan sewaktu dibawa ke Mahkamah untuk proses permohonan reman.
- (c) Keterangan daripada SP1, SP17, SP35 dan SP36 mendapati SP1 dan Kanapathy tidak diasingkan daripada OKT dewasa sewaktu berada di ruang khas IPD Klang Utara, semasa ditahan di sel Lokap Berpusat Shah Alam dan sewaktu dibawa ke Mahkamah Majistret Klang untuk proses permohonan reman. Hal ini juga boleh dilihat menerusi Ekhibit P48 yang menunjukkan si SP1 dan SP17 berada dalam satu sel lokap yang sama di Lokap Berpusat Shah Alam.
- (d) SP1 juga tidak dimaklumkan akan sebab penahanan ketika ditahan oleh pihak polis sebagaimana peruntukan seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah.
- (e) Suruhanjaya ini juga mendapati terdapat kegagalan pihak polis untuk mematuhi Peraturan 6(1) Kaedah-Kaedah Lokap (L.N.328/1953) dan Peraturan 7.1 PTKPN Bahagian A ‘118’ di mana Peraturan 6(1) Kaedah-Kaedah Lokap (L.N.328/1953) memperuntukkan bahawa pegawai penjaga hendaklah, jika boleh, membuat peruntukan bagi menempatkan banduan-banduan dengan cara berasingan berdasarkan sebab pengurungan, umur dan jantina manakala Peraturan 7.1 PTKPN Bahagian ‘A’ 118 memperuntukkan bahawa pesalah kanak-kanak iaitu

seseorang yang berumur 18 tahun dan ke bawah, hendaklah diasingkan daripada OKT dewasa dan ditempatkan di dalam lokap yang diwartakan khas untuk pesalah kanak-kanak, di lokasi yang berlainan daripada lokap untuk orang dewasa.

- (f) Selain itu, di bawah peruntukan seksyen 87 Akta Kanak-Kanak 2001, pihak polis perlu dengan kadar segera menghubungi pegawai kebajikan atau ibu bapa SP1 berkenaan penangkapan SP1 dan Kanopathy yang mana telah gagal dipatuhi oleh SP19.

8.2.7 Pematuhan Perintah Tetap Ketua Polis Negara, Prosedur Operasi Standard, Arahan dan Peraturan-Peraturan Lain

- (a) Suruhanjaya mendapati terdapat sebilangan anggota dan pegawai yang tidak mengetahui tentang kewujudan Perintah Tetap Ketua Polis Negara Bahagian 'A' 118, Perintah Tetap Ketua Polis Negara Bahagian 'A' 120, *Standard Operating Procedure Pengurusan Lokap PDRM 2014* dan Arahan Ketua Polis Daerah (Ekhibit P40) berkaitan dengan pengurusan OKT yang masih berkuatkuasa sehingga kini.
- (b) Dapatan keterangan mendapati anggota dan pegawai IPD Klang Utara telah gagal untuk menghantar OKT dengan secepat mungkin lokap polis dan telah melanggar peraturan berikut:

Perkara 28 PTKPN Bahagian 'A' 118 iaitu Pergerakan Orang-Orang Tahanan iaitu –

"28.1 Orang-orang yang ditangkap akan dibawa ke Lokap Polis dengan secepat mungkin selepas tangkapan. Sebelum memasukkan orang yang ditangkap ke dalam lokap, badan mereka hendaklah diperiksa dan semua barang-barang yang ada pada mereka hendaklah disimpan selamat. Butir-butir barang orang

tahanan hendaklah dicatatkan di dalam Daftar Harta Benda Orang Tahanan (Pol.56) kecuali pakaian yang dipakai orang tahanan. Semua barang-barang berharga dan wang kepunyaan orang tahanan hendaklah disimpan selamat secara berasingan oleh Timbalan Pegawai Penjaga dan hendaklah juga dicatatkan di dalam daftar (Pol.56). Nama orang tahanan hendaklah juga dicatatkan di dalam daftar berkenaan tanpa mengira samada orang tahanan itu memiliki atau tidak apa-apa harta persendirian. Catatan bahawa tahanan tidak mempunyai apa-apa harta persendirian hendaklah dibuat di dalam Buku Perharian Balai. Catatan yang sama hendaklah juga dibuat di dalam daftar lokap (Pol.84). Nota berkaitan dengan keadaan fizikal orang tahanan juga hendaklah dicatatkan.

28.5 Sekiranya seorang ditahan di Balai Polis yang tidak mempunyai lokap diwartakan, tindakan hendaklah diambil untuk memindahkan orang tahanan itu ke Lokap Balai Polis yang diwartakan dengan seberapa segera yang boleh”.

- (c) Suruhanjaya juga mendapati bahawa terdapat pelanggaran kaedah penggunaan gari yang menyalahi peruntukan di PTKPN Bahagian ‘A’ 120 Pengiring Polis seperti berikut:

“4.2.1 Gari Individu (Single Handcuff)

Gari jenis ini digunakan untuk menggari banduan perseorangan atau dua orang banduan. Kaedah penggunaan gari ini bagi seorang banduan iaitu kedua-dua belah tangan digari dibelakang. Apabila gari digunakan bagi dua orang banduan, gari dipasang ditangan kiri seorang banduan ke tangan kiri banduan yang lain ataupun sebaliknya. Pengiring hendaklah berada di belakang banduan dengan jarak yang boleh dikawal.”

“15. Pengangkutan Untuk Mengangkut Banduan Yang Digari Dengan Gari Berantai

15.1 Jenis Kenderaan

15.1.1 Lori Black Maria

15.1.2 Lori Berjaring

Ulasan: Larangan: Lain-lain pengangkutan tidak boleh digunakan untuk mengangkut banduan yang digari dengan gari berantai atas sebab keselamatan. Keselamatan banduan dalam van, MPV atau kereta saloon sukar dijangka sekiranya berlaku kemalangan.”

- (d) Suruhanjaya mendapati bahawa penghantaran OKT pada hari kematian si mati pada pukul 7.00 malam dan keberadaan si mati di ruang khas tersebut telah melanggar peruntukan para 19.3 Ekhibit P40 yang menyatakan -
- “Pengerusi mengarahkan mulai dari hari ini, semua OKT diharamkan ditempatkan dalam Bilik Khas OKT IPD Klang Utara di Bahagian Siasatan Jenayah dan Bahagian Narkotik selepas jam 6 petang hendaklah terus dihantar ke Lokap Pusat Shah Alam”.*
- (e) Suruhanjaya juga mendapati kegagalan SP19 menghantar si mati untuk mendapatkan rawatan kesihatan juga telah melanggar peruntukan para 19.4 Ekhibit P40 yang menyatakan –
- “Pengerusi juga mengarahkan semua pegawai penyiasat supaya menghantar OKT yang sakit ke hospital dengan kadar segera atau memberi jamin dengan izin KPD terlebih dahulu”.*
- (f) Suruhanjaya juga mendapati pemakaian baju lokap PDRM ke atas OKT yang dibawa untuk permohonan reman telah melanggar peraturan yang berikut:
- Perkara 14.2 PTKPN Bahagian ‘A’ 118 iaitu –
- “Apabila seorang tahanan dibawa ke mahkamah, dia hendaklah memakai pakaian yang dipakai semasa dia ditangkap, melainkan*

pakaian berkenaan dijadikan sebagai barang kes. Di dalam keadaan sedemikian, Timbalan Pegawai Penjaga hendaklah memberikan pakaian yang bersesuaian kepada tahanan”

Para 10.3.6 SOP Pengurusan Lokap PDRM 2014 iaitu –

“PTKPN A 118 Para 14.2, Apabila banduan dibawa ke mahkamah, dia hendaklah memakai pakaian yang dipakai semasa dia ditangkap, melainkan pakaian berkenaan dijadikan sebagai barang kes. Di dalam keadaan sedemikian, Timbalan Pegawai Penjaga hendaklah memberikan pakaian yang bersesuaian kepada banduan.”

- (g) Keterangan juga mendapati anggota dan pegawai kanan PDRM mengambil mudah berkenaan dengan pengurusan borang-borang berkaitan dengan siasatan dan juga penahanan OKT yang mampu menjelaskan siasatan.
- (h) Hal ini boleh dilihat melalui Ekshhibit P12 yang sepatutnya ditandatangani oleh pegawai penyiasat ataupun penolong pegawai penyiasat namun telah ditandatangani SP33. P12 tersebut juga tidak mempunyai nama OYDS. Penyerahan si mati oleh anggota tangkapan kepada pegawai penyiasat juga tidak disertakan bersama-sama dengan Borang Serah Menyerah OKT seperti Ekshhibit P33.
- (i) Penyerahan OKT kepada Lokap Berpusat juga tidak disertakan bersama dengan Ekshhibit P44 namun OKT tetap dibenarkan masuk ke dalam lokap dan tiada sebarang catatan berkenaan dengan kegagalan mengemukakan P44 dicatatkan di Ekshhibit P37 Entri Siri 0347.
- (j) Ekshhibit P37 Entri Siri 0347 juga tidak dicatatkan dengan betul di mana nama SP32 dan SP33 tidak dicatatkan

sebagai anggota yang menghantar OKT sebaliknya nama SP25 telah dicatatkan.

- (k) Ekhibit P41 juga tidak diisi dengan tepat oleh pegawai penyiasat iaitu SP46 yang telah mencatatkan nama SP29 di tempat yang sepatutnya diisi dengan nama si mati dan tiada sebarang pembetulan dibuat.
- (l) SP19 juga telah gagal untuk memberi pemakluman kepada pegawai atasan mengenai ketidakhadiran dalam membuat permohonan reman dan juga telah keluar daerah untuk urusan peribadi.
- (m) Hasil keterangan yang diberikan kepada Suruhanjaya juga telah mendapat terdapat kelemahan dalam pengendalian dan pengurusan buku saku dan buku perharian balai. Anggota dan pegawai di Balai Polis Bandar Baru Klang, IPD Klang Utara dan Lokap Berpusat Shah Alam telah gagal merekodkan dan mencatatkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku sewaktu penugasan mereka.

9.0 SYOR DAN PERAKUAN SURUHANJAYA

Berdasarkan dapatan-dapatan siasatan yang dinyatakan di atas, Suruhanjaya mengesyorkan dan memperakukan perkara-perkara berikut kepada pihak Polis DiRaja Malaysia -

- 9.1 Tindakan tata tertib hendaklah diambil oleh Pihak Berkuasa Tata tertib PDRM terhadap SP20, SP22, SP23, SP24, SP25, SP26 dan SP27 yang menggunakan kekerasan semasa proses soal siasat si mati dan OKT lain di balai polis.
- 9.2 Tindakan tata tertib hendaklah diambil terhadap SP28 dan SP46 kerana perlakuan salah guna kuasa apabila mengarahkan tangkapan semula ke atas si mati pada 7 Februari 2017 tanpa apa-apa justifikasi walaupun si mati sepatutnya dibebaskan pada hari tersebut setelah SP15 menolak permohonan reman terhadap si mati.
- 9.3 Tindakan tata tertib hendaklah diambil terhadap SP19 yang telah keluar daerah tanpa kebenaran Ketua Polis Daerah untuk urusan peribadi dan tidak menghadiri permohonan reman OKT yang di bawah siasatannya, gagal membawa si mati ke hospital dan juga melepaskannya dari penahanan selaras dengan arahan Mahkamah.
- 9.4 Tindakan tata tertib hendaklah diambil terhadap SP34 iaitu anggota sentri lokap kerana telah membenarkan si mati dan 5 OKT lain dimasukkan ke lokap berpusat tanpa dokumen Kebenaran Keluar/Masuk OKT Dari Lokap.
- 9.5 PDRM hendaklah menambah baik mekanisme sedia ada yang berkaitan dengan tugas-tugas penyeliaan atau pemantauan dalam memastikan setiap anggota dan pegawai memahami dan mematuhi kandungan Perintah Tetap Ketua Polis Negara termasuk PTKPN Bahagian ‘A’ 118, PTKPN Bahagian ‘A’ 120, serta SOP Pengurusan Lokap PDRM yang dikemas kini bertarikh 21 April 2014.
- 9.6 PDRM hendaklah menambah baik mekanisme sedia ada untuk memastikan setiap pegawai penyelia lokap dan anggota sentri lokap serta

pegawai dan anggota PDRM lainnya yang berurusan dengan orang tahanan di lokap-lokap mematuhi.

- 9.7 PDRM hendaklah menambah baik mekanisme sedia ada melalui seliaan yang efektif bagi memastikan setiap anggota dan pegawai yang dibekalkan dengan buku saku untuk mengemas kini catatan perbuatan, merekodkan, penyimpanan selamat buku saku yang telah habis digunakan serta melaporkan serta merta sebarang kehilangan atau kerosakan buku saku tersebut.
- 9.8 PDRM hendaklah mengadakan “*refresher course*” atau “*refresher training*” termasuk latihan semasa dalam jawatan (“*on the job training*”) serta peringatan berkala kepada semua pegawai dan anggota yang terlibat dalam aktiviti berkaitan penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan supaya pegawai dan anggota benar-benar memahami dan mengamalkan kehendak dan peruntukan undang-undang, PTKPN dan peraturan-peraturan serta SOP yang ada.
- 9.9 PDRM hendaklah menambah baik atau menggubal suatu mekanisme yang membolehkan pegawai atau anggota bawahan membuat aduan atau melaporkan terus sebarang arahan/perintah oleh pegawai atasan yang bertentangan dengan SOP atau undang-undang dan siasatan ke atasnya dilakukan oleh suatu jawatankuasa khas.
- 9.10 Bagi kes-kes kematian OKT semasa dalam tahanan, siasatan kes hendaklah dilakukan oleh pegawai penyiasat berpengalaman yang bukannya daripada Ibu Pejabat Polis Daerah yang sama di mana kejadian kematian berlaku bagi dapat memelihara ketelusan dan kredibiliti siasatan.

Manakala, Suruhanjaya juga mengesyorkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) perkara-perkara seperti berikut :

- 9.11 Pihak Kementerian Dalam Negeri dan PDRM perlu menyegerakan pembinaan sebuah bangunan IPD baru beserta lokap yang diwartakan untuk IPD Klang Utara bagi menggantikan bangunan IPD yang sedia ada. Bangunan sedia ada adalah bangunan rumah kedai yang tidak sesuai

untuk dijadikan sebuah IPD malahan bangunan sedia ada juga sudah pun dalam keadaan uzur yang menyukarkan pegawai dan anggota untuk berkhidmat dan menjalankan tugas.

- 9.12 Pihak Kementerian Dalam Negeri dan PDRM hendaklah mengkaji semula keberkesanan lokap berpusat kerana dilihat tidak efektif untuk menahan OKT daripada balai polis yang lokasinya terletak agak jauh daripada lokasi lokap berpusat. Ini memberi kemungkinan tindakan menahan OKT secara salah di ruang khas atau lokap tidak berwarta bagi menjimatkan masa dan logistik semasa soal siat dan permohonan reman.
- 9.13 Pihak Kementerian Dalam Negeri dan PDRM juga disarankan untuk membina lokap di setiap IPD bagi menangani masalah kebanjiran OKT di lokap berpusat. Pihak kerajaan juga disarankan untuk menyediakan lokap khusus bagi setiap agensi seperti JIM, AADK, APMM dan agensi lain supaya lokap PDRM tidak dibanjiri dengan OKT daripada agensi lain dan untuk memudahkan sistem pengurusan lokap. Hal ini juga dapat mengelakkan terdapat ruang khas yang tidak diwartakan seperti mana di IPD Klang Utara.
- 9.14 Pihak Kementerian Dalam Negeri dan PDRM juga perlu menyediakan peruntukan dalam membaik pulih lokap berpusat yang semakin uzur supaya lokap berpusat dapat berfungsi dengan efisien. Peruntukan untuk kemudahan aset dan logistik juga perlu disalurkan kepada PDRM untuk mengantikan dan membaikpulih aset dan logistik yang telah rosak.
- 9.15 Suruhanjaya juga ingin menggesa Kementerian Dalam Negeri dan PDRM supaya memberikan peruntukan untuk pemasangan kamera CCTV di setiap balai polis di seluruh Malaysia untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini terjadi dan mengelakkan tohmahan dilemparkan ke atas PDRM sekiranya terdapat tohmahan terhadap insiden yang tidak diingini.

10.0 PENGHARGAAN

- 10.1 Suruhanjaya juga merakamkan penghargaan kepada semua peguamcara-peguamcara pemerhati yang mewakili Majlis Peguam Malaysia, peguamcara keluarga si mati, serta pegawai-pegawai pemerhati dari SUHAKAM, SUARAM, PDRM dan Kementerian Dalam Negeri yang telah hadir dan menyertai sesi pendengaran, yang nama-nama mereka disebutkan di perenggan 5.1.5 Laporan ini.
- 10.2 Akhirnya, Suruhanjaya juga merakamkan penghargaan kepada Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya dan semua kakitangan Suruhanjaya yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah melaksanakan tugas dengan lancar berserta komitmen yang tinggi melalui satu sekretariat khas yang ditubuhkan dalam membantu Suruhanjaya menyempurnakan siasatan dan pendengaran awam tersebut.

LAMPIRAN A**SENARAI SAKSI PENDENGARAN AWAM KES KEMATIAN BALAMURUGAN A/L
M. SUPPIAH**

BIL	NAMA	NO. SP	PERANAN	TARIKH DIPANGGIL
1.	Ang Kian Kok	SP 1	OKT yang ditahan bersama Balamurugan a/l M. Suppiah	15 Mei 2017
2.	Noor Anizah binti Abdullah	SP 2	Anak saudara Balamurugan a/l M. Suppiah	15 Mei 2017
3.	Natthanan Yoochomsuk	SP 3	Isteri Balamurugan a/l M. Suppiah	15 Mei 2017
4.	Balraj a/l M. Suppiah	SP 4	Adik Balamurugan a/l M. Suppiah	16 Mei 2017
5.	L/Kpl. Muhamad Anuar bin Nyat	SP 5	Anggota URB yang menahan Balamurugan a/l M. Suppiah dan 2 yang lain	16 Mei 2017
6.	L/Kpl. Mohamad Sabri bin Abu Bakar	SP 6	Anggota URB yang menahan Balamurugan a/l M. Suppiah dan 2 yang lain	16 Mei 2017

7.	L/Kpl. Muhd Asraf bin Zulkefly	SP 7	Anggota URB yang menahan Balamurugan a/l M. Suppiah dan 2 yang lain	16 Mei 2017
8.	L/Kpl. Arwen Renyold	SP 8	Anggota URB yang menahan Balamurugan a/l M. Suppiah dan 2 yang lain	16 Mei 2017
9.	L/Kpl. Muhamad Arif Izwan bin Ghazali	SP 9	Anggota URB yang menahan Balamurugan a/l M. Suppiah dan 2 yang lain	16 Mei 2017
10.	L/Kpl. Muhammad Noh bin Abdul Malik	SP 10	Anggota URB yang menahan Balamurugan a/l M. Suppiah dan 2 yang lain	16 Mei 2017
11.	Dr. Kartini binti Md Ariff	SP 11	Doktor Bedah Siasat Pertama Balamurugan a/l M. Suppiah	17 Mei 2017
12.	Dr. Siew Sheue Feng	SP 12	Doktor Bedah Siasat Kedua Balamurugan a/l M. Suppiah	17 Mei 2017
13.	Elleyerance Hamid	SP 13	Penolong Pegawai Perubatan	17 Mei 2017

14.	Gerard Lazarus a/l Percy John Lazarus	SP 14	Peguambela Balamurugan a/l M. Suppiah	18 Mei 2017
15.	Puan Nik Nur Amalina binti Mat Zaidan	SP 15	Majistret Mahkamah Majistret Klang	18 Mei 2017
16.	Sjn. Muhammad Nabil bin Abd. Manaf	SP 16	Anggota Yang Memohon Permohonan Reman di Mahkamah Majistret Klang	18 Mei 2017
17.	Tamilasan a/l Karapiah	SP 17	OKT Yang Ditahan Bersama Balamurugan	5 Jun 2017
18.	Kumar a/l M. Suppiah	SP 18	Adik Balamurugan a/l M. Suppiah	5 Jun 2017
19.	Inspektor Mohd Noor Husri bin Johari	SP 19	Pegawai Penyiasat	5 Jun 2017
20.	ASP Harun bin Abu Bakar	SP 20	Ketua Balai, Balai Polis Bandar Baru Klang	6 Jun 2017
21.	L/Kpl. Mohd Farid bin Abdul Kadir	SP 21	Anggota Cawangan D7	6 Jun 2017
22.	Inspektor Viknes waran a/l Poobalan	SP 22	Pegawai Penyiasat Jenayah, IPD Klang Utara	6 Jun 2017

23.	D/Sjn. Mohd Freddy Sany Abdullah	SP 23	Anggota Cawangan D7	6 Jun 2017
24.	D/Sjn. Mohd Rizal bin Abdullah	SP 24	Anggota Cawangan D7	6 Jun 2017
25.	D/Kpl. Mohd Fuad bin Bahadin	SP 25	Anggota Cawangan D7	7 Jun 2017
26.	D/Kpl. Mohd Luqmanul Hakim bin Mukhtar	SP 26	Anggota Bertugas 24 jam, Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara	7 Jun 2017
27.	Inspektor Mohaneswaran a/l Thigarajah	SP 27	Pegawai Operasi D9, IPD Klang Selatan	7 Jun 2017
28.	ASP GNorsanizam bin Haji Nordin	SP 28	Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD), IPD Klang Utara	7 Jun 2017
29.	Ahmad Azhari bin Abdul Hamid	SP 29	Koroner	7 Jun 2017
30.	Kpl/S. Ridhwan bin Mohammad	SP 30	Anggota Bertugas 24 jam, Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara	8 Jun 2017
31.	L/Kpl. Mohd Taufik bin Awang	SP 31	Anggota Bertugas 24 jam, Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara	8 Jun 2017

32.	D/Kpl. Mohd Reduwan bin Musa	SP 32	Anggota Bertugas 24 jam, Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara	8 Jun 2017
33.	L/Kpl. Mohd Faizul Azmi bin Mohd Maliki	SP 33	Anggota Bertugas 24 jam, Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara	8 Jun 2017
34.	Kpl Muszanzizam bin Mustaffa	SP 34	Anggota Sentri Lokap Berpusat Shah Alam	8 Jun 2017
35.	ASP Mazhar bin Mohamad	SP 35	Ketua Lokap, Lokap Berpusat Shah Alam	10 Julai 2017
36.	L/Kpl Nik Razman Badrul Hisham bin Nik Abd Rahman	SP 36	Anggota Cawangan Pengiring IPD Klang Utara	10 Julai 2017
37.	D/Kpl Yusri bin Romli	SP 37	Anggota Bertugas 24 jam, Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara	10 Julai 2017
38.	ASP Ahmad bin Osman	SP 38	Pegawai Penyiasat Kanan, Bahagian Siasatan Jenayah Daerah, IPD Klang Utara	10 Julai 2017

39.	Inspektor Nor Harman bin Ab Hamid	SP 39	Pegawai Penyiasat Forensik, IPK Selangor	11 Julai 2017
40.	L/Kpl. Addrie bin Ambrose	SP 40	Jurugambar Forensik, IPK Selangor	11 Julai 2017
41.	SAC Yusoff bin Mamat	SP 41	Ketua Polis Daerah, IPD Klang Utara	11 Julai 2017
42.	Kpl. Siva Nathan a/l Arumugamnadan	SP 42	Anggota Bertugas 24 jam, Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara	11 Julai 2017
43.	L/Kpl. Edi Arman Bin Ismail	SP 43	Jurugambar Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Klang Utara	11 Julai 2017
44.	Mohd Abd Shukor bin Yong	SP 44	Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan	11 Julai 2017
45.	Muhammad Zairul Shahiri Rusidi	SP 45	Jurukamera Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan	11 Julai 2017
46.	ASP Muhammad Khuzairei bin Abd Wahab	SP 46	Pegawai Penyiasat Kes Kematian Balamurugan a/l M. Suppiah	11 Julai 2017

LAMPIRAN B**SENARAI DOKUMEN (EKSHIBIT) PENDENGARAN AWAM
KES KEMATIAN BALAMURUGAN A/L M. SUPPIAH**

Bil.	PERKARA	EKSIBIT
1.	Gambar Siasatan Suruhanjaya di Balai Polis Bandar Baru Klang (9 keping)	P1
2.	Gambar Balamurugan a/l M. Suppiah	P2
3.	Gambar Tamilasan a/l Karapiah	P3
4.	Gambar Ang Kian Kok	P4
5.	Gambar Tempat Kejadian di IPD Klang Utara Pada Waktu Siang (13 keping)	P5A
6.	Gambar Tempat Kejadian di IPD Klang Utara Pada Waktu Malam (13 keping)	P5B
7.	Gambar di Tempat Kejadian Sewaktu Balamurugan a/l M. Suppiah dan 2 yang lain Ditahan (4 keping)	P6
8.	Laporan Polis SG KAPAR/000771/17 yang bertarikh 7 Februari 2017 oleh Noor Anizah binti Abdullah)	P7
9.	Sijil Daftar Perkahwinan Antara Balamurugam a/l M. Suppiah dan Natthanan Yoochomsuk	P8
10.	Gambar Bedah Siasat Pertama Balamurugan a/l M. Suppiah di Hospital Tengku Ampuan Rahiman, Klang (80 keping)	P9
11.	Laporan Polis Bandar Baru KLANG/001368-1371/17 yang bertarikh 6 Februari 2017 oleh L/Kpl. Muhamad Anuar	P10
12.	Borang bongkar yang bertarikh 6 Februari 2017 berhubung dengan laporan tangkapan BANDAR BARU KLANG/001368-1371/17	P11

13.	Borang penyerahan barang-barang Kes/OYDS berhubung dengan laporan tangkapan Bandar Baru Klang/001368-1371/17	P12
14.	Salinan POL. 5A Buku Saku L/Kpl. 180325 Mohamad Sabri bin Abu Bakar	P13
15.	Laporan Bedah Siasat Pertama Dr. Kartini binti Mohd Arif	P14
16.	Gambar bedah siasat kedua Balamurugan a/l M. Suppiah yang dilakukan di Hospital Kuala Lumpur (110 keping)	P15
17.	Laporan Bedah Siasat Kedua No.: P100/17 bertarikh 9 Mei 2017 oleh Dr. Siew Sheue Feng	P16
18.	Gambar mayat Balumurugan a/l M. Suppiah di Ruang Khas OKT, IPD Klang Utara (16 keping)	P17
19.	Rekod Perkhidmatan Respon Ambulans yang bertarikh 8 Februari 2017	P18
20.	Laporan polis KLANG/004859/17 oleh Gerard Lazarus a/l Percy John Lazarus	P19
21.	Salinan minit Permohonan Reman Balamurugam a/l M. Suppiah yang bertarikh 7 Februari 2017	P20
22.	Gambar Siasatan Suruhanjaya di Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Utara pada 9 Februari 2017	P21
23.	Gambar perbualan Whatsapp yang bertarikh 7 Februari 2017 antara Insp Mohd Noor Husri bin Johari dan ASP Nor Sanizam binti Haji Nordin berkenaan arahan untuk tangkap semula Balamurugam a/l Suppiah	P22 – P22(a)
24.	Gambar perbualan Whatsapp antara Insp. Mohd Noor Husri bin Johari dan Sjn. Muhammad Nabil bin Abd Manaf berkenaan	P23 – P23(b)

	permintaan untuk membuat permohonan reman 4 OKT	
25.	Gambar perbualan Whatsapp di Kumpulan JSJ command KLG U' berkenaan keadaan Balamurugam a/l M. Suppiah dan perbincangan untuk tangkapan semula	P24 (a) – P24(u)
26.	Laporan polis SG KAPAR/000771/17 yang bertarikh 8 Februari 2017 oleh Inspektor Mohammad Noor Husri bin Johari	P25
27.	Laporan Polis SG KAPAR/000781/17 yang bertarikh 8 Februari 2017 oleh Insp Mohammad Noor Husri	P26
28.	Pol 69 - Jadual Bertugas Balai Polis Bandar Baru Klang bagi tarikh 6 Februari 2017 sehingga 7 Februari 2017	P27
29.	Pol 69 - Jadual Bertugas Balai Polis Bandar Baru Klang bagi tarikh 7 Februari /2017 sehingga 8 Februari 2017	P29
30.	Buku Perharian Rasmi ASP G14843 Harun bin Abu Bakar	P29
31.	POL. 40 –Cabutan Buku Perharian Balai Polis Bandar Baru Klang (Station Diary) yang bertarikh 6 Februari 2017	P30
32.	Salinan POL. 5A Buku Saku L/Kpl. 184726 Mohd Farid bin Abd Kadir	P31
33.	Laporan Polis BANTING/001145/17 yang bertarikh 7 Februari 2017 oleh Insp. Vickneswaran a/l Poobalan	P32
34.	Borang Serah Menyerah OKT Ang Kian Kok dan Kanapathy yan bertarikh 7 Februari 2017	P33
35.	Buku Perharian Rasmi Insp. Vickneswaran a/l Poobalan	P34

36.	Salinan POL. 5A Buku Saku D/Sjn. 99707 Mohd Freddy Sany bin Abdullah	P35
37.	Salinan POL. 5A Buku Saku Kpl. 103953 Mohd Rizal bin Abdullah	P36
38.	POL. 40 – Cabutan Buku Perharian Balai (Station Diary) Lokap Berpusat Shah Alam ‘Aras Satu IPD Klang’ yang bertarikh 6 Februari 2017 hingga 10 Februari 2017	P37
39.	Salinan POL. 5A Buku Saku Buku saku D/Kpl. 161481 Mohd Luqmanul Hakim bin Mukhtar	P38
40.	Salinan Buku Perharian Rasmi Inspektor G21605 Mohoneswaran a/l Thigarajah	P39
41.	Minit Mesyurat Pagi KPD IPD Klang Utara Bil 134/2015 yang bertarikh 31 Disember 2015	P40
42.	Borang catatan Koroner yang bertarikh 8 Februari 2017	P41
43.	Salinan POL. 5A Buku Saku Kpl/S. 16857 Ridhwan bin Mohammad	P42
44.	Salinan POL. 5A Buku Saku L/Kpl. 183231 Mohd Taufik bin Awang	P43
45.	Surat kebenaran keluar/masuk OKT dari lokap yang bertarikh 7 Februari 2017 (Daftar masuk ke Lokap Berpusat Shah Alam)	P44
46.	Senarai OKT yang dihantar ke lokap berpusat Shah Alam pada 7 Februari 2017 (Lampiran B)	P44(A)
47.	Salinan POL. 5A Buku saku Kpl/S. 16857 Reduwan bin Musa	P45
48.	Salinan POL. 5A Buku saku L/Kpl. 171213 Mohd Faizul Azmi bin Mohd Maliki	P46
49.	POL. 40-Cabutan Buku Perharian Balai (Station Diary) IPD Klang Utara yang bertarikh 6 Februari 2017 hingga 8 Februari 2017	P47

50.	Rakaman CCTV Lokap Berpusat Shah Alam bermula jam 3:27 pagi hingga 9:30:55 pagi pada 7 Februari 2017	P48
51.	Gambar dan perbualan Whatsapp antara Insp. Mohd Noor Husri bin Johari dengan D/Kpl. 147916 Yusri bin Romli	P49
52.	Salinan POL. 5A Buku Saku D/Kpl. 147916 Yusri bin Romli	P50
53.	Minit siasatan tempat kejadian kematian Balamurugam a/l M. Suppiah (Bah. Forensik) yang bertarikh 8 Februari 2017	P51
54.	Gambar Rajah Tempat Kejadian Kematian Balamurugam a/l M. Suppiah	P52
55.	Laporan Pemeriksaan Tempat Kejadian Unit Forensik (D10), Jabatan Siasatan Jenayah IPK Selangor	P53
56.	Salinan POL. 5A Buku Saku D/Kpl. 152378 Siva Nathan a/l Aramugamnadan	P54
57.	Gambar Perbualan Whatsapp (pukul 1:10pm) di Kumpulan JSJ command KLG U berkenaan keadaan Balamurugan a/l M. Suppiah dan perbincangan untuk tangkap semula pada 6.05 petang.	P55

LAMPIRAN C**SENARAI KORUM PENDENGARAN AWAM KES KEMATIAN
BALAMURUGAN A/L M. SUPPIAH (SESI PERTAMA : 15 – 18 MEI 2017)**

BIL	SESI	TARIKH	KORUM
1.	SESI 1	15 Mei 2017 (Isnin)	<p>Pesuruhjaya:</p> <ol style="list-style-type: none">1. YA Datuk Yaacob Bin Haji Md Sam2. YBrs. Puan Leong May Chan <p>Pegawai Pengendali:</p> <ol style="list-style-type: none">1. YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid2. Encik Abdul Rani bin Megat Kassim3. Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin4. Puan Wardah binti Faisol <p>Pendaftar:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Puan Zulezah binti Baharoldin2. Encik Muhammad Hakeem bin Buang3. Encik Muhammad Syameel bin Yahya <p>Pemerhati:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Encik Eric Paulsen mewakili keluarga si mati2. Encik R. Sivaraj a/l Retinasekharan mewakili Majlis Peguam Malaysia3. Encik Simon a/l Karunagaram dan Puan Norashikin binti Hamzah mewakili SUHAKAM4. DSP Mohamad Sahidan bin Engai dan ASP Nuzulan bin Mohd Din daripada PDRM

			<p>5. Supt. Abdul Halim bin Ibrahim dan Puan Shamzarina binti Abdul Razak daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN)</p> <p>Pegawai Perakam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Ridzuan bin Kader 2. Encik Nathan a/l Krishenan
2.		16 Mei 2017 (Selasa)	<p>Pesuruhjaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YA Datuk Yaacob Bin Haji Md Sam 2. YBrs. Puan Leong May Chan 3. YBrs. Encik Lee Sow Siong <p>Pegawai Pengendali:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid 2. Encik Abdul Rani bin Megat Kassim 3. Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin 4. Puan Wardah binti Faisol <p>Pendaftar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Zulezah binti Baharoldin 2. Encik Muhammad Hakeem bin Buang 3. Encik Muhammad Syameel bin Yahya <p>Pemerhati:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cik Audrey Lee mewakili keluarga si mati 2. Encik R. Sivaraj a/l Retinasekharan mewakili Majlis Peguam Malaysia 3. Encik Shahizad Sulaiman dan Encik Muhammad Faiz Abd Rahman mewakili SUHAKAM 4. ASP Faisal dan ASP Nuzulan bin Mohd Din mewakili PDRM 5. Encik Dzul Azmi dan Puan Shamiyah Ishak mewakili Kementerian Dalam Negeri (KDN)

		<p>Pegawai Perakam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Nurul Atiqah binti Mohd Alias 2. Cik Farah Izzati bin Suhaini
3.	17 Mei 2017 (Rabu)	<p>Pesuruhjaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YA Datuk Yaacob Bin Haji Md Sam 2. YBrs. Puan Leong May Chan 3. YBrs. Encik Lee Sow Siong <p>Pegawai Pengendali:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid 2. Encik Abdul Rani bin Megat Kassim 3. Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin 4. Puan Wardah binti Faisol <p>Pendaftar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Zulezah binti Baharoldin 2. Encik Muhammad Hakeem bin Buang 3. Encik Muhammad Syameel bin Yahya <p>Pemerhati:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pn Latheefa Koya mewakili keluarga si mati 2. En. R. Sivaraj a/l Retinasekharan mewakili Majlis Peguam Malaysia 3. En. Simon a/l Karunagaram bersama dengan Pn. Norashikin Hamzah mewakili SUHAKAM 4. ASP Faisal bersama dengan ASP Nuzulan Mohd Din dan Insp. Ang Wei Choo mewakili PDRM 5. En. Dzul Azmi, Pn. Shamihah Ishak dan Pn. Fatin Huzaini daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN)

			<p>Pegawai Perakam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Nurul Atiqah binti Mohd Alias 2. Cik Farah Izzati bin Suhaini
4.		18 Mei 2017 (Khamis)	<p>Pesuruhjaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YA Datuk Yaacob bin Haji Md Sam 2. YBrs. Puan Leong May Chan 3. YBrs. Encik Lee Sow Siong <p>Pegawai Pengendali:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid 2. Encik Abdul Rani bin Megat Kassim 3. Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin 4. Puan Wardah binti Faisol <p>Pendaftar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Zulezah binti Baharoldin 2. Encik Muhammad Hakeem bin Buang 3. Encik Muhammad Syameel bin Yahya <p>Pemerhati:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Eric Paulsen mewakili keluarga si mati 2. En. R. Sivaraj a/l Retinasekharan mewakili Majlis Peguam Malaysia 3. Puan Norashikin Hamzah dan Encik Helmi Fendy Mohamad Idris mewakili SUHAKAM 4. ASP Faisal dan ASP Nuzulan Mohd Din mewakili PDRM 5. Supt. Abdul Halim Ibrahim mewakili Kementerian Dalam Negeri (KDN) 6. Puan Omi Husna mewakili SUARAM <p>Pegawai Perakam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Ridzuan bin Kader 2. Encik Nathan a/l Krishenan

(SESI KEDUA : 5 - 8 JUN 2017)

BIL	SESI	TARIKH	KORUM
1.	SESI 2	5 Jun 2017 (Isnin)	<p>Pesuruhjaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YA Datuk Yaacob Bin Haji Md Sam 2. YBrs. Puan Leong May Chan <p>Pegawai Pengendali:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid 2. Encik Abdul Rani bin Megat Kassim 3. Cik Siti Noorfadhillah binti Md Amin 4. Puan Wardah binti Faisol 5. Encik Ibrahim Idham bin Rajab 6. Cik Chan Qin Yee <p>Pendaftar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Zulezah binti Baharoldin 2. Encik Muhammad Hakeem bin Buang 3. Encik Muhammad Syameel bin Yahya <p>Pemerhati:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Eric Paulsen dan Cik Audrey Lee mewakili keluarga si mati 2. En. R. Sivaraj a/l Retinasekharan mewakili Majlis Peguam Malaysia. 3. Puan Norashikin Hamzah mewakili SUHAKAM 4. DSP Mohamad Sahidan bin Engai dan ASP Nuzulan Mohd Din mewakili PDRM

		<p>5. Supt. Abd Halim Ibrahim dan Encik Shamzarin Abdul Razak mewakili Kementerian Dalam Negeri (KDN)</p> <p>Pegawai Perakam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Nurul Atiqah binti Mohamad Alias 2. Cik Farah Izzati binti Suhaini
2.	<p>6 Jun 2017 (Selasa)</p>	<p>Pesuruhjaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YA Datuk Yaacob Bin Haji Md Sam 2. YBrs. Puan Leong May Chan <p>Pegawai Pengendali:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid 2. Encik Abdul Rani bin Megat Kassim 3. Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin 4. Puan Wardah binti Faisol 5. Encik Ibrahim Idham bin Rajab 6. Cik Chan Qin Yee <p>Pendaftar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Zulezah binti Baharoldin 2. Encik Muhammad Hakeem bin Buang 3. Encik Muhammad Syameel bin Yahya <p>Pemerhati:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Eric Paulsen mewakili keluarga si mati 2. Encik Sivaraj a/l Retinasekharan mewakili Majlis Peguam Malaysia 3. Puan Norashikin Hamzah mewakili SUHAKAM 4. DSP Mohamad Sahidan bin Engai dan ASP Nuzulan Mohd Din mewakili PDRM

			<p>5. Supt. Abd Halim Ibrahim dan Puan Shamzarina Abdul Razak mewakili Kementerian Dalam Negeri (KDN)</p> <p>Pegawai Perakam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cik Noor Nabilah binti Norzam 2. Cik Norhazirah binti Mustaffa Kamal
3.		7Jun 2017 (Rabu)	<p>Pesuruhjaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YA Datuk Yaacob Bin Haji Md Sam 2. YBrs. Puan Leong May Chan <p>Pegawai Pengendali:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid 2. Encik Abdul Rani bin Megat Kassim 3. Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin 4. Puan Wardah binti Faisol 5. Encik Ibrahim Idham bin Rajab 6. Cik Chan Qin Yee <p>Pendaftar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Zulezah binti Baharoldin 2. Encik Muhammad Hakeem bin Buang 3. Encik Muhammad Syameel bin Yahya <p>Pemerhati:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Eric Paulsen mewakili keluarga si mati 2. Encik Sivaraj a/l Retinasekharan mewakili Majlis Peguam Malaysia 3. Puan Norashikin Hamzah mewakili SUHAKAM 4. DSP Mohamad Sahidan bin Engai dan ASP Nuzulan Mohd Din mewakili PDRM

			<p>5. Supt. Abd Halim Ibrahim dan Puan Shamzarina Abdul Razak mewakili Kementerian Dalam Negeri (KDN)</p> <p>Pegawai Perakam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cik Farah Izzati binti Suhaini 2. Puan Nurul Atiqah binti Mohamed Alias
4.		8 Jun 2017 (Khamis)	<p>Pesuruhjaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YA Datuk Yaacob Bin Haji Md Sam 2. YBrs. Puan Leong May Chan <p>Pegawai Pengendali:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid 2. Encik Abdul Rani bin Megat Kassim 3. Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin 4. Puan Wardah binti Faisol 5. Encik Ibrahim Idham bin Rajab 6. Cik Chan Qin Yee <p>Pendaftar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Zulezah binti Baharoldin 2. Encik Muhammad Hakeem bin Buang 3. Encik Muhammad Syameel bin Yahya <p>Pemerhati:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Eric Paulsen mewakili keluarga si mati 2. Encik Sivaraj a/l Retinasekharan mewakili Majlis Peguam Malaysia 3. Puan Sarah Adibah binti Hamzah mewakili SUHAKAM 4. ASP Nuzulan Mohd Din mewakili PDRM 5. Supt. Abd Halim Ibrahim mewakili Kementerian Dalam Negeri (KDN)

			<p>Pegawai Perakam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Nurul Atiqah binti Mohamed Alias 2. Cik Farah Izzati binti Suhaini
--	--	--	--

(SESI KETIGA: 10 – 11 JULAI 2017)

BIL	SESI	TARIKH	KORUM
1.	SESI 3	10 Julai 2017 (Isnin)	<p>Pesuruhjaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YA Datuk Yaacob Bin Haji Md Sam 2. YBhg. Dato' Sri Robert Jacob Ridu 3. YBrs. Puan Leong May Chan <p>Pegawai Pengendali:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid 2. Encik Abdul Rani bin Megat Kassim 3. Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin 4. Puan Wardah binti Faisol 5. Encik Ibrahim Idham bin Rajab 6. Cik Chan Qin Yee <p>Pendaftar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Zulezah binti Baharoldin 2. Encik Muhammad Hakeem bin Buang 3. Encik Muhammad Syameel bin Yahya <p>Pemerhati:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cik Koh Tsi Jing mewakili keluarga si mati 2. Cik Firdaus Husni mewakili Majlis Peguam Malaysia

			<p>3. Puan Nur Adlin Abd Ghaffar, Puan Adlin Noramal Mohammed dan Mohd Faiz bin Abd Rahman mewakili SUHAKAM</p> <p>4. ASP Nuzulan Mohd Din mewakili PDRM</p> <p>5. Mohd Mussawair bin Mohd Najib dan Muhamad Faruq Ismail mewakili Kementerian Dalam Negeri</p> <p>Pegawai Perakam:</p> <p>1. Encik Muhammad Hazwan bin Hussin</p> <p>2. Encik Nathan a/l Krishenan</p>
2.		11 Julai 2017 (Selasa)	<p>Pesuruhjaya:</p> <p>1. YA Datuk Yaacob Bin Haji Md Sam</p> <p>2. YBhg. Dato' Sri Robert Jacob Ridu</p> <p>3. YBrs. Puan Leong May Chan</p> <p>Pegawai Pengendali:</p> <p>1. YBhg. Dato' Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid</p> <p>2. Encik Abdul Rani bin Megat Kassim</p> <p>3. Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin</p> <p>4. Puan Wardah binti Faisol</p> <p>5. Encik Ibrahim Idham bin Rajab</p> <p>6. Cik Chan Qin Yee</p> <p>Pendaftar:</p> <p>1. Puan Zulezah binti Baharoldin</p> <p>2. Encik Muhammad Hakeem bin Buang</p> <p>3. Encik Muhammad Syameel bin Yahya</p> <p>Pemerhati:</p> <p>1. Cik Koh Tsi Jing mewakili keluarga si mati</p> <p>2. Cik Firdaus Husni mewakili Majlis Peguam</p>

			<ol style="list-style-type: none">3. Puan Nur Adlin Abd Ghaffar mewakili SUHAKAM4. ASP Nuzulan Mohd Din mewakili PDRM5. Mohd Mussawair bin Mohd Najib mewakili Kementerian Dalam Negeri <p>Pegawai Perakam:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Cik Noor Nabilah binti Norzam2. Cik Norhazirah binti Mustaffa Kamal
--	--	--	--